


Jilid III
Bil. 20



Hari Isnin
26hb Jun, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Datuk Seri Sanusi bin Junid (Jerlun Langkawi) [Ruangan 3769]

JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3769]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) [Ruangan 3868]

Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)
[Ruangan 3930]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3949]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Akta Kawalan Sewa 1966—Semakan: Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang)
[Ruangan 3949]

Kampong Baru Bukit Merah/Lahat—Masalah Tanah Jerlus:
Y.B. Tuan Ting Chek Ming (Batu Gajah) [Ruangan 3951]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (I) (Johor), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.O.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan POS, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TUAN No CHENG KIAT (Klang).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P.(Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., PBD\$ (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH(Gopeng).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULO K BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG, (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTTN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

„ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

„ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETEK PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

„ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang
Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EM8ONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 26hb Jun, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA**

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:
Y.B. Datuk Seri Sanusi bin Junid
(Jerlun Langkawi)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan pada Datuk Seri Sanusi bin Junid, Ahli Parlimen kawasan Jerlun/Langkawi dari 19hb Jun, 1989 hingga 4hb Julai, 1989.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****NILAI RINGGIT**

1. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebabnya mata pertukaran wang kita telah meningkat jika dibandingkan dengan matawang

Singapura dalam masa 5 bulan yang lampau. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengekalkan mata pertukaran tersebut dalam suatu keadaan yang stabil bagi jangka masa panjang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, mulai awal tahun 1989, nilai ringgit telah mula kukuh dan stabil. Sejak akhir tahun 1988 hingga 31hb Mei, 1989, nilai ringgit telah meningkat terhadap semua matawang utama kecuali dolar Amerika Syarikat. Ringgit telah meningkat sebanyak 6.1% terhadap komposit iaitu sekumpulan matawang rasmi rakan perdagangan utama Malaysia, 14.1% terhadap pound sterling, 11.4% terhadap Deutschmark, 0.4% terhadap dolar Singapura dan merosot sebanyak 0.2% terhadap dolar Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, kekukuhan nilai ringgit adalah disebabkan oleh ekonomi negara kita yang bertambah baik. Langkah-langkah fiskal dan kewangan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan telah berhasil meningkatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.7% pada tahun 1988 dan dijangka berterusan dalam tahun 1989. Usaha ini telah menstabil dan mengukuhkan nilai ringgit.

Bagi jangka masa yang panjang, pihak Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan pelaburan dan pengeluaran

negara. Dasar-dasar fiskal dan kewangan yang fleksibel akan juga terus dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk mencapai matlamat ini. Perkembangan-perkembangan ini akan menyumbangkan terhadap kekukuhan nilai ringgit negara kita ini.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyentuh perkara mengenai dengan pengukuhan nilai ringgit kita dalam masa beberapa bulan yang lepas dan saya ingin tahu kalau Yang Berhormat Menteri mempunyai angka jumlah wang yang keluar dari negara kita akibat penurunan nilai ringgit tahun 1988 setakat hari ini. Dan juga apakah akibat nilai penurunan ringgit ke atas usaha kita mengeksport barangan pembuatan Malaysia ke negara-negara lain dalam dua tahun kebelakangan ini dan dalam bidang apa eksport kita dapat menerokai pasaran baru oleh kerana akibat kita menjadi lebih "competitive" akibat penurunan nilai ringgit?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan ini. Jawapan saya senang bahawa saya tidak mempunyai angka, oleh kerana menjawab soalan tambahan ini memerlukan angka-angka yang terperinci. Walau bagaimanapun, saya akan jawab atau Kementerian saya akan jawab soalan tambahan Yang Berhormat daripada Bukit Mas melalui surat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Timbalan Menteri Kewangan bahawa pengukuhan nilai ringgit ini berasas kepada peningkatan ekonomi yang sedang berlaku sekarang ini. Kalau benarlah keadaan demikian, berapa banyakkah wang yang dikeluarkan ke luar negara selama ini akibat penurunan nilai ringgit kembali melabur dalam negara kita dan bagaimanakah perbezaan nilai ringgit kita dengan Baht negara Thailand?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan inipun memerlukan angka-angka.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tidak ada angka?

Dato' Loke Yuen Yow: Saya tidak ada angka. Kementerian saya akan menjawab melalui surat. Tetapi saya ingin memberitahu bahawa apabila kita membandingkan nilai ringgit kita dengan nitai matawang negara-negara lain, pada lazimnya, kita membandingkan negara-negara berperanan utama dengan negara kita ini. Dan bukanlah biasa kita bandingkan dengan negara Thailand. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan akan menjawab soalan ini melalui surat. Terima kasih.

KOMPUTER DI PEJABAT PENDIDIKAN NEGERI/ DAERAH

2. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapakah penggunaan komputer di Pejabat-pejabat Pendidikan Negeri/Daerah belum dapat dilaksanakan;
- (b) benarkah Kementerian tidak menggalakkan penubuhan Kelab-kelab Komputer di sekolah-sekolah rendah di negara ini; kenapa; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang membekalkan alat komputer di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara dan bila.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pengkomputeran di Jabatan Pendidikan Negeri telah dijalankan secara percubaan di

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Buat masa ini keberkesanannya sedang dinilai. Pelaksanaan Projek Pengkomputeran di seluruh negara akan dimulakan sebaik sahaja penilaian ke atas Projek Percubaan itu selesai.

- (b) Kementerian Pendidikan sentiasa menggalakkan penubuhan kelab-kelab komputer di semua sekolah. Walau bagaimanapun, Kementerian belum lagi memberi peruntukan kewangan ke sekolah rendah untuk menubuhkan kelab-kelab tersebut.
- (c) Kementerian Pendidikan mempunyai cadangan untuk membekalkan alat-alat komputer ke sekolah-sekolah menengah pada tahun 1990 ataupun 1991, tetapi perancangan dan persiapan yang rapi dari segi pembangunan perisian pendidikan dan latihan untuk guru perlu diadakan terlebih dahulu untuk memastikan bahawa komputer yang dibekalkan akan digunakan sepenuhnya.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Soalan tambahan. Dengan adanya komputer di sekolah-sekolah memanglah memberi peluang kepada murid-murid untuk belajar satu bidang ilmu yang berguna. Tetapi timbul pula satu keghairahan bagi sekolah-sekolah untuk mengadakan atau mewujudkan kelab komputer di sekolah masing-masing walaupun terdapat sebuah sekolah itu belum berupaya lagi untuk mengadakan komputer. Jadi, banyak masalah timbul dan ada sekolah-sekolah yang mana kelab komputernya jadi "gajah-putih" ataupun ada tetapi tidak dipergunakan oleh kerana masalah-masalah sampingan. Soalan saya ialah sama ada Kementerian Pendidikan memberikan garis panduan

kepada sekolah-sekolah sebelum sesebuah sekolah itu boleh mewujudkan kelab komputer dan berhubung melibatkan murid-murid membeli komputer. Adakah satu garis panduan, sebelum penglibatan hutangan yang begitu banyak diberikan kepada sekolah-sekolah?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan belum ada satu garis panduan yang kekal untuk mentadbir bahawa bagaimana satu kelab komputer di sekolah rendah perlu ditubuhkan. Tetapi Kementerian Pendidikan ada mengarahkan bahawa sekolah-sekolah rendah menghadkan bayaran bulanan yang perlu dibayar untuk murid-murid untuk mengikuti pendidikan komputer yang dianjurkan oleh kelab-kelab yang saya sebutkan tadi.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri bilakah percubaan bagi memkomputerasikan semua Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri dapat dilaksanakan nanti setelah hasil kajian daripada percubaan negeri Selangor. Bilakah perkara ini dapat dilaksanakan dalam jangka masa beberapa lama dan adakah ianya juga akan dibekalkan ke peringkat-peringkat Jabatan Pendidikan Daerah.

Yang kedua, dari segi persiapan tenaga guru yang mana saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan akan mengadakan pelajaran komputer ini merupakan satu subjek yang formal. Bilakah ianya dapat dilaksanakan dan apakah langkah dan persiapan Kementerian bagi mengemaskinikan supaya perkara ini bila dilaksanakan nanti tidak menghadapi sebarang masalah. Dan sedarkah Kementerian Pendidikan bahawa penubuhan kelab-kelab komputer di sekolah-sekolah hari ini yang ditubuhkan oleh Persatuan Ibubapa dan Guru banyak

membebankan kepada murid-murid kerana yuran tertampau tinggi dan sebagainya. Adakah Kementerian biarkan hal ini ataupun kawalan dilakukan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa yuran yang dikutip di beberapa buah sekolah rendah untuk pendidikan komputer adalah rasanya tinggi sedikit, dan Kementerian Pendidikan sedang meneliti perkara ini dan akan timbang bagaimana kita dapat mengawal yuran ini.

Berkaitan dengan soalan tambahan pertama itu, di Projek Pengkomputeran di Jabatan Pendidikan Negeri telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tiga peringkat iaitu satu percubaan di Negeri Selangor seperti yang saya sudah sebutkan tadi iaitu pada tahun ini hingga tahun 1990. Pengkomputeran di semua Jabatan Pendidikan Negeri di seluruh negara akan dijalankan dalam dua tahun iaitu mulai 1990 hingga 1992. Dan peringkat ketiga, pengkomputeran di semua Jabatan Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri lagi dua tahun iaitu mulai tahun 1992 hingga 1994. Kelulusan telah diperolehi dari Jabatan Pentadbiran dan Perlaksanaan iaitu MAMPU untuk melaksanakan peringkat satu iaitu di Negeri Selangor. Peringkat-peringkat dua dan tiga juga telah diluluskan pada prinsipnya tetapi perlaksanaannya akan diselaraskan dengan dapatan dari peringkat satu. Dan masalah lain seperti adakah operator yang mahir untuk mengoperasikan komputer ini, kita akan dapat bantuan dari MAMPU untuk menolong jabatan-jabatan yang terlibat.

SEKOLAH AGAMA ISLAM— BANTUAN PERUNTUKAN

3. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah bantuan yang telah diperuntukan kepada sekolah-sekolah

agama Islam. Apakah bantuan ini termasuk sekali bantuan kepada sekolah-sekolah Agama Islam Negeri Selangor Darul Ehsan. Sekiranya benar, berapakah jumlahnya, kalau tidak mengapa:

- (a) apakah Kementerian Pendidikan berhasrat untuk memasukkan peruntukan bantuan kepada sekolah-sekolah Agama Islam Negeri Selangor Darul Ehsan di dalam Belanjawan tahun hadapan 1990; dan
- (b) apakah Kementerian Pendidikan bersedia menimbang dan mengkaji untuk mengambil alih sekolah-sekolah agama rendah dan menengah di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua—

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri adalah terletak di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan memberi bantuan kepada sekolah-sekolah berkenaan di bawah peruntukan bantuan modal dengan budi-bicara Menteri Pendidikan. Bagi sekolah-sekolah agama di bawah Kerajaan Negeri Selangor, setakat ini jumlah bantuan yang telah diluluskan adalah sebanyak \$73,965.00.
- (b) Mengenai urusan mengambil alih sekotah-sekolah menengah agama, Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun mula melaksanakannya dimulai dengan pengambilan beberapa buah sekolah menengah agama di Malaysia termasuklah di Negeri Selangor. Bagi sekolah-sekolah rendah agama pula, setakat ini Kementerian

Pendidikan belum mempunyai rancangan untuk berbuat demikian.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa trend pemikiran ibubapa khususnya daripada luar bandar hari ini begitu tertumpu dan berminat sekali untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran terutama sekali di sekolah-sekolah menengah agama sedangkan Kementerian Pendidikan masih belum lagi mempunyai sekolah-sekolah agama khususnya yang berasrama penuh yang cukup. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor telah sedikit sebanyak memberikan sumbangan untuk menyediakan penempatan pelajar-pelajar ataupun memenuhi hasrat ibubapa untuk melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah agama menengah. Oleh yang demikian, jika Kementerian sedar apakah langkah-langkah untuk memberikan bantuan secara serius dan memberikan bantuan yang berpatutan bukan sekadar memberi bantuan setakat \$73,960 yang mana jumlah ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan bantuan ataupun peruntukan-peruntukan yang ada di Kementerian, lebih-lebih lagi bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada sekolah-sekolah rakyat agama lebih daripada jumlah yang telah disebutkan tadi.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memberikan pengajaran formal mengikut apa yang sudah tertakluk di dalam Akta Pendidikan 1961 dan di dalam Akta itu Kementerian Pendidikan tidak bertanggungjawab untuk memberi peruntukan ke sekolah-sekolah agama yang dipertanggungjawabkan oleh pihak berkuasa negeri masing-masing. Sekiranya Kementerian Pendidikan hendak mengambilalih semua sekolah menengah agama yang ditadbir oleh

pihak berkuasa negeri itu, ini akan membebankan Kementerian Pendidikan sebab kewangan itu akan lebih tinggi dan ini tidak akan dapat dijalankan sebab Kementerian Pendidikan hendak meneruskan menambah bilangan sekolah-sekolah menengah biasa untuk menampung ramai murid-murid yang ingin masuk ke sekolah menengah biasa. Sekiranya pihak sekolah-sekolah menengah agama di tiap-tiap negeri hendak mendapat bantuan atau nasihat kewangan atau guru latihan daripada Kementerian Pendidikan, kita ada satu bahagian agama di Kementerian Pendidikan dan pihak berkenaan bolehlah berhubung dengan pegawai-pegawai itu untuk mendapat bantuan yang diperlukan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa Madrasah di Jalan Station Sungai Bakap adalah di dalam keadaan tidak memuaskan dan memerlukan banyak bantuan. Jika sekiranya Yang Berhormat tidak sedar, sama ada beliau akan menyiasat dan menimbangankan bantuan modal yang berpatutan untuk Madrasah di Jalan Station Sungai Bakap?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan masalah ini adalah satu masalah tempatan, saya fikir, dari kawasan Yang Berhormat. Untuk saya menjawab soalan ini dan memberi penerangan, saya menjemput Yang Berhormat memberikan soalan bertulis dan pegawai saya akan siasat perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit pembetulan di baris kedua akhir iaitu "cita-cita generasi muda ke arah hala tuju

masa hadapan negara". Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4

LESEN PERJUDIAN

4. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyenaraikan semua bentuk dan jenis judi yang haram di sisi Islam tetapi diluluskan oleh Kerajaan. Apakah Kerajaan akan mengharamkan semua bentuk dan jenis judi sebagaimana usul yang diluluskan oleh Majlis Belia Malaysia dalam Mesyuarat Agung Tahunannya yang bersidang pada 28hb Mei 1989. Apakah Kerajaan sedar usul untuk mengharamkan semua jenis judi ini merupakan perasaan dan cita-cita generasi muda ke arah hala tuju masa hadapan negara, dan tuntutan seluruh gerakan dan harakah Islamiah.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini lesen-lesen perjudian yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah bagi aktiviti perjudian seperti berikut:

- (i) Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan anjuran Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan;
- (ii) Aktiviti Kasino anjuran Genting Berhad;
- (iii) Aktiviti Sports TOTO yang dianjurkan oleh Sports TOTO Malaysia Berhad;
- (iv) Aktiviti Empat Nombor Ekor (4-Digit) anjuran Magnum Corporation Berhad;
- (v) Aktiviti Pertaruhan Lumba Kuda (On-Course Betting) termasuk Tiga Nombor Ekor (3-Digit) anjuran Lembaga Totalisator Malaysia;
- (vi) Aktiviti "Sweepstake" anjuran Kelab-kelab Lumba Kuda Selangor, Pulau Pinang dan Perak;

(vii) Aktiviti Pertaruhan di luar gelanggang lumba kuda (Off-Course Betting) anjuran Ascot Sports Sdn. Bhd.;

(viii) Aktiviti mesin slot anjuran kelab-kelab syarikat.

Di samping itu, adalah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan lesen penganjuran loteri "Sweepstake" di Negeri Sabah. Ini adalah kerana pada masa ini Ordinan-ordinan loteri dan perjudian di Sabah membolehkan Pihak Berkuasa Negeri Sabah meluluskan lesen penganjuran loteri tersebut.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya terdiri dari berbilang kaum dan oleh yang demikian adalah sukar bagi Kerajaan untuk menghapuskan sama sekali kegiatan perjudian. Sekiranya kegiatan perjudian ini diharamkan, kegiatan judi haram akan terus berleluasa yang pada masa ini mengikut maklumat Polis melibatkan jumlah pertaruhan sebanyak \$5 ribu juta setahun. Kegiatan judi haram ini menimbulkan berbagai masalah dari segi sosial dan keselamatan dan oleh itu perlu dikawal. Tujuan Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen perjudian adalah untuk mengawal dan mengurangkan kegiatan judi haram.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan tertentu bagi mengawal kegiatan perjudian di negara ini. Dalam hubungan ini Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat yang lebih ketat bagi mengawal kegiatan perjudian dengan lebih berkesan lagi seperti memasang papantanda di luar pusat-pusat perjudian yang berbunyi "Judi adalah haram di sisi agama Islam"; melarang sama sekali kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dan murid-murid sekolah memasuki pusat-pusat perjudian; dan mengadakan

kawalan yang lebih ketat di pintu masuk ke bilik-bilik mesin slot. Selain dari itu lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan lagi dan jika perlu lesen-lesen perjudian yang telah dikeluarkan akan ditarik balik oleh Kerajaan.

Di samping itu, kajian mengenai segala aspek perjudian dibuat dari masa ke semasa mengikut keadaan. Kementerian Kewangan juga sentiasa bekerjasama dengan pihak polis dan pihak berkuasa tempatan di peringkat negeri sebelum membuat sesuatu keputusan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, apakah akan terjadi kepada Kerajaan, kesannya kepada Kerajaan, kerana judi mendatangkan hasil yang banyak, kalau sekiranya judi diharamkan, dari segi ekonomi?

Yang keduanya ia berlawanan sedikit dengan soalan nombor satu tadi, apakah Kerajaan bercadang untuk memberi pengecualian cukai kepada pemain-pemain judi untuk mengelakkan judi haram, membunuh diri dan juga bankrapsi. Sebab orang yang main judi ini, judi pun kalah, kadang-kadang income tax pun kena bayar. Apakah kita hendak beri had, tentukan katau kalah \$100,000 dapat pengecualian sekian banyak dan sebagainya? (*Ketawa*)

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang kedua itu Kerajaan tidaklah bercadang untuk membuat seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bagi soalan yang pertama tadi, sebenarnya penekanan Kerajaan dalam mengeluarkan lesen judi ini bukanlah dari segi pendapatan tetapi adalah semata-mata dari segi untuk mengawal kegiatan judi haram. Jadi Kerajaan tidaklah memikirkan kesan dari segi pengurangan hasil dan sebagainya kerana penekanan kita

dalam mengeluarkan lesen ini lalau untuk mengawal judi haram.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya ingin mendapat jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah negara kita Malaysia yang agama rasminya adalah agama Islam, tetapi mempunyai begitu banyak kegiatan perjudian yang dijalankan boleh dikatakan hampir setiap hari di dalam negara kita. Walaupun saya bukanlah seorang yang beragama Islam, tetapi saya tahu bahawa agama Islam adalah melarang segala bentuk perjudian, membantu dan memakan hasil dari perjudian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cakap adalah lahir dari perasaan saya, yang sayangkan generasi-generasi kita yang akan datang dan juga demi menjaga nama dan maruah negara. Jadi, apakah jawapan kepada masalah itu kerana saya kurang faham?

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa yang kurang faham? (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: Apa yang saya katakan tadi (*Ketawa*)

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, mengapa terlalu banyak lesen-lesen di keluarkan kerana untuk mengelakkan judi itu judi haram, kerana ada sebilangan rakyat kita yang suka berjudi. Oleh sebab itu, perlu dikawal dengan memberi lesen supaya dari segi keselamatan akan terjamin dan kawalan yang lebih rapi akan dapat dibuat.

Berkenaan soalan bahagian yang kedua, walaupun Ahli Yang Berhormat itu bukan beragama Islam, tetapi bolehlah saya tnenjelaskan. Walaupun lesen dikeluarkan oleh Kerajaan, Kerajaan tidak mengatakan judi itu halal dari segi Islam. Judi itu

tetap haram iaitu berdosa besar. Bagi orang Islam yang bertaqwa dan beriman janganlah berjudi kalau takut dapat dosa ataupun jangan berjudi kalau takut hendak masuk neraka. Jadi, soal ini Kerajaan tidak boleh jamin. Kita keluarkan lesen dan kita berharap orang-orang Islam tidak berjudi kerana takutkan Tuhan, bukan takutkan Kerajaan.

VAN PENERANGAN MENGGUNAKAN P.A. SISTEM

5. Tuan Hu Sepang minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) jumlah van penerangan yang dimiliki oleh Kementeriannya yang dipasang dengan sistem P.A.;
- (b) apakah gunanya van-van penerangan ini; dan
- (c) berapa daripada van-van penerangan ini digunakan dalam pilihanraya-pilihanraya umum dan pilihanraya-pilihanraya kecil.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi (a) adalah:

- (a) jumlah van penerangan yang dimiliki oleh Kementerian yang dipasang dengan P.A. (Public Address System) atau alat siaraya sebanyak 208 buah semuanya di seluruh negara.
- (b) Unit-unit bergerak atau van-van dan peralatan siaraya yang dibekalkan kepada Jabatan Penerangan adalah untuk kemudahan logistik bagi membolehkan pegawai-pegawai labatan Penerangan melaksanakan tugas untuk menyampaikan penerangan-penerangan mengenai dasar-dasar, rancangan-rancangandan tindakan-tindakan Kerajaan dengan lebih meluas, menyeluruh dan juga berkesan.

Penerangan dilakukan setiap masa melalui kegiatan-kegiatan secara berjadual di seluruh negara.

- (c) Kerana pilihanraya umum atau pilihan kecil memerlukan banyak penerangan mengenai tarikh penamaan calon, tarikh pembuangan undi, tempat dan cara mengundi dan masyarakat perlu dipupuk untuk keluar mengundi secara beramai-ramai. Unit-unit bergerak Jabatan Penerangan memang digunakan untuk menjalankan tugas-tugas biasa. Jumlah unit-unit bergerak yang digunakan dalam pilihanraya umum tentulah banyak untuk meliputi seluruh negara, manakala jumlah yang digunakan untuk pilihanraya kecil bergantung kepada luas kawasan, jumlah pengundi dan perkara-perkara yang hendak diterangkan kepada rakyat.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan sama ada kenderaan Kementerian Penerangan itu boleh digunakan untuk menarik pengundi bagi Barisan Nasional ketika pilihanraya umum atau pilihanraya kecil diadakan. Di sini saya ingin memberikan satu contoh, misalnya kenderaan bernombor WBN 7695 dan WAG 4483 berada di Bentong pada 5hb Mei, tahun ini dan kereta yang pertama itu berada di Bentong pada 11.20 pagi dan kenderaan ini telah digunakan untuk menyiarkan lagu MCA bertajuk "Inilah Negaraku" dan juga digunakan untuk menarik undi bagi calon Barisan Nasional. Apakah tindakan Kementerian Yang Berhormat itu akan ambil terhadap kakitangan-kakitangan yang menyalahgunakan kuasa dan juga melanggar peraturan-peraturan yang berkenaan itu?—Cukuplah. (Ketawa)

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, setakat pengetahuan saya, Kementerian Penerangan tidak pernah mengarahkan kakitangannya ataupun unit-unit Bergeraknya untuk menyiarkan melalui siaran untuk mengundi kepada Barisan Nasional di mana-mana ada pilihanraya kecil atau pilihanraya umum kerana kerja-kerja yang dibuat oleh unit-unit Jabatan Penerangan ialah untuk memberikan penerangan-penerangan yang perlu kepada rakyat seperti yang saya sebutkan dalam jawapan saya bahagian ketiga sebentar tadi.

Dan berkenaan dengan lagu yang dimainkan yang Ahli Yang Berhormat katakan di dalam pilihanraya kecil di Bentong, saya kurang pasti sama ada benar lagu MCA atau apa, tetapi apa yang saya tahu ialah lagu "Inilah Negaraku" yang dimainkan di Bentong untuk memberitahu kepada rakyat. *(Disampuk)*

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Penerangan bercadang untuk menambahkan lagi bilangan unit van bergerak kerana unit-unit yang ada sekarang, saya difahamkan, tidak mencukupi khusus untuk memberikan penerangan kepada seluruh negara, terutamanya di masa-masa yang penting dan juga adakah Kementerian sedar van-van yang ada pun banyak yang rosak dan juga ada van yang tidak mempunyai alat sistem P.A. itu, sehingga ada pula Jabatan Penerangan yang memohon kepada Wakil Rakyat untuk membeli alat ini. Jadi adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan peruntukan mengenai perkara yang saya bangkitkan ini?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan memang mempunyai cadangan untuk menggantikan ataupun menambahkan di mana perlu kenderaan ataupun alat-alat siaran di seluruh negara. Tetapi

oleh kerana masalah kewangan pada masa ini, tidak dapat kita berbuat secepat mungkin, tetapi saya percaya dalam Rancangan Malaysia Keenam, perkara-perkara seperti ini memang banyak dirancang dan akan dilaksanakan. Dan saya suka memaklumkan di sini sebagai pengakuan memang benar bahawa kebanyakan daripada unit-unit bergerak Jabatan Penerangan di seluruh negara adalah tua-tua belaka, ada di antaranya yang sudah lebih 10 tahun dan masih digunakan kerana kita tidak dapat menggantikan secepat mungkin dan kita menggalakkan supaya jentera-jentera tersebut dipelihara dengan baik dan dengan sebab itulah kita daripada semasa ke semasa mengadakan pertandingan-pertandingan di kalangan jentera-jentera yang digunakan iaitu alat-alat siaran dan van-van di seluruh negara dengan usaha untuk mencantikkan kenderaan-kenderaan tersebut dengan tujuan supaya ianya dapat terpelihara. Terima kasih.

RANCANGAN RUMAH MISKIN— MEMBAIKI

6. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukkan oleh Kementerian mengenai rancangan rumah miskin yang dilancarkan, dan setakat manakah perkara ini dilaksanakan kerana orang ramai masih tertanya-tanya tentang projek ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$29,320,000 untuk rancangan tersebut bagi membina semula atau membaiki rumah-rumah usang keluarga-keluarga miskin. Mereka yang layak menerima bantuan dari program ini ialah keluarga-keluarga termiskin yang

berpendapatan kurang dari \$175.00 sebulan bagi Sarawak. Bantuan ini sedang dilaksanakan di semua negeri di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Pada masa ini, tiap-tiap negeri sedang membuat banciaan untuk mengenal pasti keluarga-keluarga termiskin yang layak menerima bantuan ini.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekejap tadi kita telah mendengar bahawasanya begitu ramai rakyat miskin yang Kerajaan akan memberi bantuan perumahan. Saya ingin tahu soalan tambahan, selain dari bantuan perumahan apakah bentuk lain-lain bantuan dari segi kesihatan atau lain-lain untuk rakyat miskin yang dirancang dan dicadangkan oleh Kerajaan dan berapakah jumlah peruntukan selain daripada perumahan tadi.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan lain kemiskinan termasuklah bantuan kemiskinan seperti memberi bantuan pertanian kepada petani-petani miskin, bantuan memberi makanan tambahan kepada murid-murid miskin di sekolah-sekolah, bantuan kebajikan dan sebagainya dan peruntukan ini ada dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan mengenai perbezaan ukuran orang yang termiskin di antara Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak. Mengapa ada perbezaan dan tidak serupa sebagaimana dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa kos penghidupan bagi kedua-dua kaedah di Semenanjung dan di Sabah dan

Sarawak itu berbeza dan keadaan keluasan dan keadaan "take-off, dengan izin, dari segi pembangunan itu menyebabkan satu keadaan yang tidak seimbang. Jadi, dengan sebab itulah target sasaran bagi kumpulan yang miskin pun terdapat jatuh lebih banyak di kawasan-kawasan pedalaman, maka dengan sebab itulah jumlah yang telah diambil kira dan setelah dijalankan kajian itu memang berbeza bagi negeri-negeri Semenanjung dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Timblan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir)

PEJABAT PENERANGAN DAERAH KUALA PENYU

8. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Kementerian hendak mendirikan sebuah Pejabat Penerangan di Kuala Penyu yang mana tapak bagi maksud ini telah pun tersedia. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa aktiviti-aktiviti Jabatan Penerangan seperti perhimpunan sivik kurang mendapat sambutan daripada rakyat. Apakah sebab rakyat kurang minat ke atas perhimpunan sivik itu.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah kerana telah memberi satu tapak untuk dibangunkan sebuah Pejabat Penerangan Daerah di Kuala Penyu. Berkaitan dengan pembinaan Pejabat Penerangan di situ, usaha sedang dan telah dimasukkan ke dalam rancangan pembangunan rangkaian Jabatan-jabatan Penerangan di seluruh negeri Sabah.

Berkaitan dengan perhimpunan sivik yang dibangkitkan, sambutan daripada rakyat adalah menggalakkan. Banyak permohonan dibuat oleh rakyat kepada Jabatan Penerangan supaya diaturnya ceramah-ceramah untuk menyampai dan menerangkan dasar-dasar dan hasrat Kerajaan dalam usahanya untuk menyatu-padukan rakyat berbilang kaum dan membangunkan negara supaya rakyat Malaysia hidup aman dan sejahtera. Kerana sambutan yang begitu baiklah dari masyarakat yang menyebabkan Jabatan Penerangan tidak berkemampuan untuk memenuhi semua permohonan yang diterima.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa anggapan perhimpunan sivik kurang mendapat sambutan adalah tidak benar.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun tadi dikatakan bahawa perhimpunan sivik itu mendapat sambutan tetapi bagi saya pernah menyaksikan memang terdapat perhimpunan sivik yang memangnya tidak dapat sambutan iaitu apabila perhimpunan sebegitu diadakan dalam satu tempat yang pernah diadakan dulu.

Dalam kajian saya, saya dapati bahawa salah satu daripada sebab kerana tidak ada sambutan ialah tidak adanya keberkesanan, tidak ada effect ke atas perkara-perkara atau isu-isu yang dikemukakan di dalam perhimpunan sivik itu. Mungkin ianya disebabkan tidak ada follow-up. Dalam hal ini siapa yang membuat follow-up? Sama ada orang yang mengemukakan perkara itu ataupun Pegawai Penerangan luar yang bertanggungjawab untuk mengadakan perhimpunan sivik itu.

Yang kedua, terdapat juga kes-kes di mana satu-satu perhimpunan sivik yang dianjurkan itu tidak mendapat sambutan disebabkan ada berkaitan

dengan perandai ataupun tindak tanduk seseorang pegawai yang bertanggungjawab menganjurkan perhimpunan sivik itu yang begitu bersikap mengkritik terhadap kepimpinan Kerajaan dalam satu-satu negara itu dan juga pucuk pimpinan Barisan Nasional pada keseluruhannya. Dengan demikian maka rakyat di satu-satu tempat itu tidak mengambil endah tentang perhimpunan sivik yang dianjurkan itu.

Soalan saya sama ada ini benar atau tidak. Kalau tidak, adakah Kerajaan berhasrat untuk membuat penyiasatan dalam usaha untuk bukan sahaja mengatasi kurangnya sambutan ini tetapi untuk menjaga imej baik Kerajaan di dalam konteks yang mungkin rosak akibat desas-desus ini kalau tidak ada satu tindakan yang diambil untuk menyelesaikannya.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perhimpunan sivik, tidak ada sambutan oleh kerana tidak banyak orang datang mungkin di satu-satu perhimpunan itu boleh jadi disebabkan oleh kerana tidak sampai surat ataupun jemputan kepada orang-orang yang dijemput. Itu sejauh pengetahuan saya.

Mengenai bahagian kedua, di soalan pertama tadi, siapa yang harus membuat follow-up dalam hal perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam perhimpunan sivik ialah pegawai-pegawai Kerajaan yang kita jemput untuk memberikan ceramah atas dasar-dasar Kerajaan dan perkara-perkara yang berkenaan di satu-satu tempat. Kerana kita mengadakan perhimpunan sivik di satu-satu tempat kita kenal pasti masalah yang timbul di situ barulah kita jemput pegawai-pegawai berkenaan yang boleh menyelesaikan masalah-masalah itu. Jadi pegawai-pegawai inilah yang akan

membuat follow-up kepada pihak-pihak berkenaan.

Yang kedua, berkenaan ada pegawai-pegawai Penerangan yang bersikap atau berperangai tidak begitu baik, atau mengkritik Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat setakat ini saya tidak pernah dengar, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau adapun kita akan siasatlah. Kita akan tengok benar atau tidak.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Kementerian Penerangan ini saya ingin tahu apakah langkah-langkah ataupun strategi yang diambil oleh Kementerian Penerangan untuk memastikan bahawa apa juga bentuk aktiviti-aktiviti, hasrat, suruhan ataupun dasar-dasar Kerajaan dapat disambut dan diterima dengan baik oleh rakyat jelata di negara ini?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, strategi Jabatan Penerangan memang sudah sedia wujud iaitu melalui jentera-jentera yang telah saya sebutkan tadi di mana kita mengadakan perjumpaan-perjumpaan sama ada pada hari ini, esok ataupun pada masa-masa yang akan datang, kita akan meluahkan perkara yang sama. Begitu juga halnya pada masa-masa akan datang, tertakluk kepada keadaan di mana perlu kita memberi penerangan berkenaan keadaan-keadaan tertentu kepada rakyat, kita akan lakukan.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PENYELEWENGAN— LAPORAN

9. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan mengapa laporan-laporan dan penemuan-penemuan Jawatankuasa Kabinet mengenai penyelewengan tidak diumumkan kepada orang ramai.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan pada mesyuarat yang lalu, tujuan Jawatankuasa ini ditubuhkan ialah untuk mencari jalan bagi mengelakkan penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan dan memastikan tindakan tatatertib diambil secara berkesan oleh pihak yang terlibat bagi mengelakkan penyelewengan-penyelewengan yang mungkin berlaku pada masa depan.

Jawatankuasa berkenaan telah menyampaikan laporan-laporan dan perakuan-perakuannya kepada Kabinet. Oleh kerana perakuan-perakuan tersebut adalah lebih berbentuk tindakan-tindakan pentadbiran, hanya Jabatan-jabatan dan pihak tertentu sahaja yang diberitahu supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memperbaiki keadaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apakah skop bidang kuasa Jawatankuasa Kabinet Rasuah dan Penyelewengan ini adalah termasuk untuk menyalut rasuah-rasuah atau penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh Menteri-menteri; Timbalan Menteri-Timbalan Menteri atau Setiausaha-setiausaha Parlimen dan oleh kerana Pengerusi Jawatankuasa Kabinet ini ialah Yang Berhormat Menteri Pendidikan, semasa dalam kempen pilihanraya kecil Ampang Jaya ada menggunakannya untuk mengugui akan menyalut kelakuan-kelakuan yang berbentuk ada bersabit dengan rasuah Menteri-menteri atau bekas-bekas Menteri atau bekas-bekas saudara seperjuangan, adakah ini termasuk dalam bidang-kuasa Jawatankuasa ini atau inilah satu penyelewengan yang perlu dibetulkan dan kalau ini dalam bentuk bidang-kuasa Jawatankuasa ini, adakah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen pernah disiasat oleh Jawatankuasa ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, seperti dimaklumkan, bahawa Jawatankuasa ini tidaklah menjangkau bidangkuasa untuk menyasiat sesuatu kes yang dilaporkan kepadanya. Jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk menjalankan kajian Kerajaan bagaimana mengelakkan penyelewengan berlaku dalam Kerajaan. Jika sekiranya dakwaan Ahli Yang Berhormat mengenai adanya penyelewengan-penyelewengan terhadap Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen ataupun bekas-bekas ahli dalam Kerajaan, pihak Kerajaan sedia mengalu-alukan jika sekiranya pihak Yang Berhormat dapat membuat laporan terus kepada Biro Siasatan Negara untuk menyasiat sesiapa sahaja yang ada dalam Kerajaan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Kabinet, sejauh mana Jawatankuasa Kabinet ini boleh bertindak terhadap seseorang yang telah diperiksa, sudah dibuat penyiasatan dan didapati bersalah. Sejauh mana tindakan dapat diambil oleh Jawatankuasa Kabinet ini?

Kedua, di peringkat Parlimen kita mempunyai satu badan dinamakan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang dilantik oleh Parlimen. Dalam Jawatankuasa ini disiasat, dikenalpasti badan-badan Kerajaan atau jabatan-jabatan Kerajaan dan mungkin dalam penyiasatan ataupun dalam masa memberi keterangan oleh badan-badan berkenaan yang dipanggil oleh Jawatankuasa ini, kemungkinan ada penyelewengan. Sejauh mana Jawatankuasa Kabinet ini boleh menggunakan keterangan yang dibawa oleh badan-badan atau jabatan-jabatan berkenaan untuk digunakan sebagai asas bagi Jawatankuasa Kabinet ini bertindak terhadap orang-orang yang bertanggungjawab yang

terlibat di dalam badan ataupun jabatan yang berkenaan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan yang pertama, sememangnya ada penyiasatan dilakukan ataupun maklumat yang diberikan kepada Jawatankuasa ini mengenai kegiatan orang-orang tertentu dan sebahagian daripadanya telah pun dirujuk. Jawatankuasa ini hanya berkemampuan untuk merujuk kepada pihak Biro Siasatan Negara untuk mereka menjalankan siasatan lanjut bagi tindakan diambil dan sekiranya dibuktikan atau disabitkan dengan kes ini, mereka akan didakwa. Bagi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), mereka mengkaji kedudukan kewangan bagi sesuatu Jabatan Kerajaan dan mereka tidaklah mengkaji penyelewengan yang ada di dalam agensi Kerajaan berkenaan. Tugas PAC dan tugas Jawatankuasa Kabinet dalam menentukan kedudukan penyelewengan ini adalah satu tugas yang berbeza di antara satu sama lain.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai PAC, saya ingin tahu, bila kita perhati banyak laporan daripada Ketua Audit yang mengatakan Ketua-ketua Jabatan yang tidak mematuhi arahan daripada Ketua Audit ataupun Jabatan Audit Negara. Apakah tindakan yang boleh atau mungkin diambil kepada Jabatan yang berkenaan di atas pelanggaran, permintaan dan arahan daripada Jabatan Audit Negara.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai Panduan Kewangan yang jelas dan Peraturan-peraturan Kewangan yang jelas dan juga Perintah Am yang jelas. Sesiapa sahaja Ketua Jabatan yang didapati melanggar semua peraturan-peraturan yang Ahli Yang Berhormat sebutkan maka tindakan tatatertib melalui jabatan akan dilakukan oleh Kerajaan.

**PERSIDANGAN MENTERI-
MENTERIPENERANGAN
ASEAN—HASIL**

10. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah hasil utama dari Persidangan Pertama Menteri-Menteri Penerangan ASEAN di Jakarta; dan
- (b) bagaimana langkah Kerajaan Malaysia bagi membantu mengatasi soal halangan undang-undang, kadar bayaran telekomunikasi yang tinggi dan proses birokrasi untuk meningkatkan pengaliran maklumat dan penerangan di rantau ASEAN dengan lebih berkesan.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persidangan Menteri-menteri Penerangan ASEAN telah berlangsung di Jakarta pada 24hb hingga 25hb Mei 1989. Hasilnya ialah untuk mendapatkan kerjasama yang lebih erat di kalangan negara-negara ASEAN di mana Yang Berhormat Menteri Penerangan kita telah mengemukakan beberapa cadangan termasuk memperbaiki program-program pertukaran berita ASEAN (ASEAN News Exchange Programme), kerjasama yang lebih erat di dalam bidang penerangan di kalangan negara-negara ASEAN, pertukaran berita yang lebih cepat dan berkesan ke arah penyebaran berita yang lebih seimbang dan mempereratkan kerjasama di dalam bidang televisyen, radio, filem dan juga video.

Cadangan-cadangan yang dinyatakan tadi telah diterima oleh persidangan tersebut dan akan dijadikan sebagai panduan

di dalam kerjasama di bidang-bidang Penerangan.

Melalui kerjasama ini keupayaan kita di dalam bidang-bidang berkenaan dapat dipertingkatkan. Keputusan-keputusan yang telah dicapai dipersidangan Menteri-menteri Penerangan itu akan dikemukakan kepada Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN Committee on Culture and Information) (COCI) untuk dilaksanakan.

- (b) Bagi tujuan meningkatkan pengaliran maklumat dan penerangan di rantau ASEAN Malaysia telah membuat beberapa cadangan, di antaranya termasuk pertukaran-pertukaran penerangan yang meliputi media elektronik, filem, cetak dan juga interpersonal. Mengenai kadar bayaran komunikasi yang tinggi persidangan ini juga bersetuju untuk berbincang dengan pihak-pihak berkenaan mengenai telekomunikasi negara masing-masing. Keputusan-keputusan yang telah diambil di persidangan tersebut akan dapat meningkatkan lagi pengaliran maklumat dan penerangan di rantau ASEAN dengan lebih berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy.

(Pertanyaan No. 11 Y.B. Tuan Chew Kam Hoy tidak hadir)

**PELABURAN ASING DI
MALAYSIA**

12. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagi usaha-usaha menggalak pelaburan asing ke dalam

Malaysia adakah Kerajaan mempunyai sebarang kuota menghadkan bilangan sesejenis perusahaan oleh pelabur asing dalam sektor-sektor berlainan. Jika ada, maka apakah kuota yang ditetapkan bagi setiap sektor perusahaan masing-masing bagi pelabur asing dan pelabur tempatan. Jika tidak ada, maka bagaimanakah Kerajaan mengesyorkan usaha perindustrian yang teratur dan tidak menghasilkan ketidak seimbangan atau eksploitasi keterlaluan sumber-sumber bahan mentah tempatan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mengenakan kuota terhadap sesuatu jenis perusahaan kepada pelabur-pelabur asing yang ingin mendirikan perusahaannya di negara ini. Ketulusan akan diberikan kepada sesuatu perusahaan itu selagi permintaan pasaran dalam negeri masih ada. Jika keadaan pasaran dalam negeri telah dipenuhi, maka perusahaan yang sedemikian boleh juga dipertimbangkan dengan syarat sekurang-kurangnya 80% barang keluarannya hendaklah dieksport. Pada kes-kes tertentu pula, ianya dikenakan syarat supaya mengeksport barang keluarannya 100%. Maka dengan demikian, pertumbuhan industri di negara kita dapat dikawal dan teratur.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau mengikut "market forces" sahaja, dengan izin, bagaimana kita dapat menggalakkan industri-industri yang benar-benar menguntungkan negara ini dalam jangka masa panjang dan bukan jangka masa pendek sahaja yang sedang berlaku sekarang? Maksud saya bagaimana Kerajaan dapat mengawal, dapat menarik pelaburan yang dapat memberi faedah kepada negara ini dalam jangka masa yang panjang,

bukan jangka masa yang pendek seperti yang berlaku sekarang ini.

Dato' Kok Wee Kiat: Saya tidak berapa faham maksud Yang Berhormat tetapi kalau saya tidak salah fikiran saya adalah pelaburan-pelaburan asing di dalam negeri adalah untuk keuntungan negara bukan untuk jangka pendek bahkan jangka panjang. Oleh kerana kalau diadakan pelaburan-pelaburan asing di sini, pelaburan-pelaburan itu boleh beri banyak pekerjaan kepada rakyat kita. Yang kedua, mereka pun boleh mengeksploitasikan sumber-sumber bahan mentah di dalam negara kalau mereka boleh mengeksport pembuatan mereka sekurang-kurangnya 80% dan bukan mengeksploitasikan pasaran tempatan.

Dr Tan Seng Giaw: Nampaknya Yang Berhormat tidak begitu faham apa yang saya maksudkan. Misalnya dengan perusahaan elektronik, memang mereka ada melaburkan di sini tetapi untuk komponen-komponen yang diimportkan sahaja dan kemudian diassemble di sini dan dieksportkan. Jadi, memang dalam jangka masa pendek boleh memberi peluang pekerjaan kepada bilangan pekerja yang tertentu tetapi maksud saya, bolehkah Kerajaan lebih meneliti jenis-jenis ini kerana ini komponen-komponen sahaja yang kita tidak dapat gunakan untuk lama kerana dia out-of-date dan tidak dapat menggunakan kilang-kilang seperti itu lagi. Jadi, maksud saya kita hendaklah pilih yang boleh menentukan jangka masa yang lebih panjang.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berkata bidang elektronik, di sini pada masa sekarang tidak ada orang boleh menafikan employment atau pekerjaan untuk negara adalah bertambah tetapi bidang elektronik pada masa sekarang adalah, dengan izin, acceptable worldwide. Itu menunjukkan tahap elektronik ini

sudah meningkat dan tagi kita sudah capai standard antarabangsa. Kalau begitu, mestilah kemajuan industri elektronik ini ditingkatkan. Oleh kerana itu pada hemat saya, kalau industri di sini boleh menambahkan tingkatan itu, research and development mesti dibuat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jawab lagi. Memang, Tuan Yang di-Pertua . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak jawab?

Dr Tan Seng Giaw: Maksud saya dia ada komponen yang tertentu, walaupun dia diperbuat di negara ini tetapi kekurangan local linkages dan sebagainya tidak semestinya apabila benda itu out-of-date di dunia ini kita boleh teruskan dengan usaha itu. Maksud saya bolehkah kita pilih jenis-jenis perusahaan yang ada lebih banyak local linkages dan sebagainya?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat ada mengikuti penerangan-penerangan yang dikeluarkan oleh agensi Kerajaan seperti MIDA, kita mengkaji dari masa ke semasa mengenai jenis barang-barang atau pembuatan-pembuatan itu termasuk komponen-komponen yang boleh dikeluarkan di negara kita dan saya tidak bersetujulah dengan Yang Berhormat bila beliau berkata komponen-komponen itu bila jadi obsolete kita tidak boleh menggantikan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohd Amin bin Haji Daud): Saya rasa semua ada faham, Yang Berhonnat, bahawa masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 7, 11 dan 13 hingga 74 adalah diberi di bawah ini).

EKSPORT KAYU MALAYSIA— JUALAN/HASIL

7. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan:

- (a) nilai jualan (hasil) eksport kayu Malaysia dari tahun 1986 hingga 1989;
- (b) kenapakah Malaysia masih lagi mengeksport kayu balak ke luar negeri sedangkan kayu balak kita semakin pupus. Dan apakah langkah untuk memelihara hutan dan mengurangkan kepupusan balak di negara ini; dan
- (c) apakah Kerajaan bercadang untuk menggubal satu akta untuk menyelaraskan pengambilan dan pengeluaran balak antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):

- (a) Nilai jualan/hasil eksport kayu Malaysia adalah M\$4,678 juta pada tahun 1986, M\$6,815 juta pada tahun 1987, M\$7,229 juta pada tahun 1988. Setakat bulan April 1989 eksport kayu Semenanjung Malaysia bernilai M\$831 juta sementara Sabah dan Sarawak telah mengeksport kayu bernilai M\$361 juta sehingga akhir Januari 1989.
- (b) Malaysia masih mengeksport balak kerana industri pemprosesan kayu di Sabah dan Sarawak belum lagi berkeupayaan untuk memproses semua balak yang dikeluarkan. Di samping itu, terdapat juga setengah jenis balak berukuran kecil (garispusat kurang daripada 12 inci) dari kawasan

pembangunan di Semenanjung Malaysia terpaksa dieksport bagi mengelakkan pembaziran kayu kayan dan memastikan pembangunan sesuatu kawasan dapat berjalan mengikut jadual.

Langkah-langkah pemeliharaan hutan dan mengurangkan kadar kepupusan balak yang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini adalah catuan kadar tebaran tahunan yang dikaji semula setiap lima tahun, sistem tebaran memilih, pemulihan semula hutan secara rawatan silvikultur dan penanaman semula secara ladang. Di samping itu lebih daripada 12 juta hektar kawasan hutan Malaysia telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal, di mana 9 juta hektar daripadanya dikenalpasti sebagai Hutan Simpan Kekal Produktif yang diuruskan mengikut prinsip-prinsip penghasilan berkekalan dan selebihnya merupakan kawasan Hutan Perlindungan yang tidak dibenarkan untuk usahakan. Seluas 188,000 hektar Ladang Hutan Kompensatori sedang dalam proses penubuhan di Semenanjung Malaysia pada masa ini, sementara di Sabah, Kerajaan akan menubuhkan 250,000 hektar ladang hutan.

- (c) Satu Akta bertajuk Akta Perhutanan Negara 1984 telah diwujudkan untuk dijadikan panduan pengurusan bagi negeri-negeri di mana pengurusan hutan dapat dijalankan dengan teratur dan atas prinsip pengeluaran berkekalan.

PEPERIKSAAN SRP/SPM/ STPM—KEGAGALAN

11. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan kadar

keciciran pelajar-pelajar SRP, SPM dan STPM mengikut sektor luar bandar dan bandar bagi tempoh masa 1980 hingga 1988.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak mempunyai rekod keputusan SRP, SPM dan STPM mengikut pecahan bandar dan luar bandar. Kadar kegagalan bagi peperiksaan SRP, SPM dan STPM bagi tempoh masa dari 1980 hingga 1988 secara keseluruhannya adalah seperti di bawah. Oleh kerana jawapan kepada soalan ini adalah agak panjang, persetujuan Tuan Yang di-Pertua dipohon supaya soalan ini dijawab secara bertulis.

1. Bagi peperiksaan SRP, calon-calon yang kandas ialah calon-calon yang tidak berjaya mendapat pangkat A atau B iaitu calon yang hanya mendapat pangkat C, S atau X.

ANALISA KEPUTUSAN SRP 1980-1988

Tahun	Pangkat		Bil. Menduduki
	Jumlah A + B	Jumlah C + S + X	
1980	61.3%	38.7%	215,281
1981	60.1%	39.9%	230,128
1982	63.0%	37.0%	233,145
1983	62.7%	37.3%	246,151
1984	62.5%	37.5%	245,842
1985	63.4%	36.6%	262,388
1986	66.2%	33.8%	271,669
1987	66.4%	33.6%	275,154
1988	68.5%	31.5%	269,726

2. Bagi peperiksaan SPM calon-calon yang kandas ialah calon-calon yang tidak berjaya mendapat pangkat 1,2 atau 3 iaitu yang mendapat SAP atau gagal.

**ANALISIS KEPUTUSAN SPM
1980-1988**

Tahun	Pangkat Lulus	% SAP + Gagal	Bil. Menduduki
1980	62.0	38.0	116,940
1981	66.3	33.7	122,048
1982	64.9	35.1	126,754
1983	67.6	32.3	132,165
1984	69.9	30.1	137,693
1985	66.8	33.2	140,305
1986	70.2	29.8	142,039
1987	72.5	27.5	164,209
1988	73.1	26.9	171,581

3. Majlis Peperiksaan Malaysia mula mengendalikan peperiksaan STPM pada tahun 1982. Dalam sistem sijil terbuka yang diperkenalkan oleh Kementerian ini, calon itu akan mendapat sijil dengan syarat ia mendapat kelulusan penuh dalam sekurang-kurangnya satu matapelajaran.

**ANALISIS KEPUTUSAN STPM
1982-1988**

Tahun	% Gagal	Bil. Menduduki
1982	16.95	48,362
1983	18.47	61,402
1984	17.82	68,734
1985	13.90	65,560
1986	14.58	62,840
1987	15.63	49,582
1988	16.41	49,062

**JAWATANKUASA KABINET
MENGENAI PENYELEWENGAN—
SIASATAN KES PENAWARAN
TANAH**

13. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jawatankuasa Kabinet untuk mencegah dan menyasiat penyelewengan pihak Kerajaan yang diketuai olehnya akan menyasiat suatu kes berkenaan dengan penawaran

tanah negeri kepadanya. Jika ya, apakah perkembangan terbaru, jika tidak, mengapa.

Tuan Othman bin Abdul: Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan itu ditubuhkan bertujuan untuk mencari jalan bagi mengelakkan penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan dan memastikan tindakan tatatertib diambil secara berkesan. Jawatankuasa ini telah mengkaji kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan Kerajaan dan memperakukan kepada Kerajaan akan langkah-langkah bagi mengurangkan kelemahan pengurusan kewangan kerajaan dan meningkatkan kesedaran terhadap akauntabiliti.

Jawatankuasa ini tiada kuasa dan tidak akan menyasiat kes-kes seperti yang dibangkitkan kerana ianya dituar bidang kuasa Jawatankuasa berkenaan.

**SABAH DEVELOPMENT
FINANCE COOPERATIVE
SOCIETY—PENYIMPAN**

14. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta kepada Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah perlu yang telah dan akan diambil bagi mengembalikan wang sejumlah \$2.6 juta kepada seramai 1,720 penyimpan dalam Syarikat Sabah Development Finance Co-operative Society dan tindakan jenayah undang-undang yang dikenakan terhadap mereka yang terlibat.

Dato Loke Yuan Yow: Pertanyaan Ahli Yang Berhormat pada dasarnya adalah sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gaya pada 1-9-1988. Oleh kerana pertanyaan tersebut telah dijawab, saya tidak bercadang untuk mengulanginya sekali lagi.

SIARAN LANGSUNG PER-SIDANGAN PARLIMEN

15. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada RTM bercadang untuk memberi liputan terus-menerus persidangan Parlimen supaya rakyat boleh menerima pandangan perjalanan dan urusan semua prestasi Wakil Rakyat mereka secara terus, jika tidak mengapa, adakah beliau sedar bahawa laporan akhbar persidangan mesyuarat Parlimen jarang lengkap atau terang kerana ruang terhad dan lain-lain sekatan, maka para pengundi gagal mendapat gambaran yang belum ditapis tentang apa yang sebenarnya berlaku di persidangan Parlimen dan mengadakan sendiri prestasi Ahli-ahli Parlimen yang dipilih.

Tuan Railey bin Jaffrey: RTM pada masa ini menyiarkan secara langsung ucapan-ucapan khas dan penting yang dibuat di Dewan Rakyat. Ini termasuk Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan sidang penggal, ucapan Menteri Kewangan semasa membentangkan belanjawan Negara dan ucapan-ucapan penting oleh Perdana Menteri dan pemimpin lain mengenai isu-isu penting dari semasa ke semasa.

Kementerian Penerangan berpendapat liputan-liputan langsung seperti yang tersebut di atas adalah mencukupi. Perbahasan yang berlangsung di Dewan Rakyat atau Dewan Negara tidak boleh disiarkan secara terus kerana ia adalah tertutup dan rahsia. Hanya liputan-liputan sewajarnya yang boleh dibuat dan ini telah dilakukan oleh RTM sama ada sebagai melalui berita atau melalui rancangan-rancangan khas. Ini adalah dianggap mencukupi untuk makluman rakyat tentang perkara-perkara penting yang ditimbulkan oleh Wakil-wakil Rakyat untuk memberi gambaran tentang prestasi mereka dalam kedua-dua Dewan yang mulia itu.

TANAH SAWAH TERBIAR

16. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan berapa luas tanah sawah terbiar di Kedah dan apakah usaha-usaha Kementerian dalam memajukan tanah-tanah tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd Kassim bin Ahmed): Pertanyaan mengenai usaha-usaha Kerajaan dalam memajukan tanah sawah terbiar telah dijawab pada 22-6-1989. Oleh yang demikian saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan tersebut. Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat tentang keluasan tanah sawah terbiar di negeri Kedah, dimaklumkan bahawa keluasan tanah sawah terbiar di negeri tersebut ialah 4155.3 (ha.), sementara tanah sawah terbiar yang telah dipulihkan di negeri tersebut ialah 953.3 (ha.).

PENYIASATAN BPR TERHADAP AHLI POLITIK

17. Tuan Ong Tee Keat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengumumkan laporan penyiasatan BPR terhadap ahli-ahli politik yang disasarkan sekiranya didapati mereka tidak terlibat dalam sebarang rasuah seperti yang dituduh. Jika tidak, apakah beliau sedar bahawa imej ahli-ahli politik yang pernah disoal-siasat itu akan terus terjejas dan sukar ditebus kembali di kalangan rakyat.

Tuan Othman bin Abdul: Kerajaan sememangnya tidak ada halangan dan sentiasa bersedia untuk mengumumkan apa-apa laporan penyiasatan BPR di dalam Dewan ini sekiranya ada.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN/BELANJA MENGRUS SEKOLAH

18. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan dalam dua tahun yang lepas nilai dan jenis

berbagai-bagai peruntukan pembangunan dan pengurusan kepada setiap kategori sekolah berikut:

Sekolah Rendah Kebangsaan;
 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina); dan
 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

Tuan Woon See Chin:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pendidikan adalah terbahagi kepada dua jenis iaitu:

- (i) Peruntukan Pembangunan;
- (ii) Peruntukan Belanja Mengurus.

(b) Bagi peruntukan pembangunan yang telah diluluskan pada tahun 1988 ialah sebanyak \$98.6 juta. Manakala peruntukan bagi tahun 1989 pula ialah sebanyak \$206.4 juta. Pengagihan peruntukan tersebut diagihkan kepada negeri-negeri mengikut keperluan bagi setiap negeri. Pengagihan peruntukan tidak dibuat mengikut aliran sekolah. Projek-projek yang dilaksanakan termasuklah bagi projek-projek baru, tambahan dan projek gantian.

(c) Bantuan kewangan di bawah Belanja Mengurus kepada sekolah-sekolah rendah adalah terdiri daripada bantuan per kapita. Peruntukan ini adalah berdasarkan kepada satu kadar yang tetap dan kadar ini adalah sama bagi semua sekolah rendah. Jumlah bantuan yang diterima oleh tiap-tiap sekolah bergantung kepada bilangan murid di sekolah yang berkenaan, iaitu sekolah yang mempunyai murid yang lebih ramai menerima bantuan yang

lebih tinggi manakala sekolah dengan bilangan murid yang kecil akan menerima bantuan yang kecil.

Jumlah yang diperuntukan kepada semua sekolah rendah (iaitu termasuk semua jenis yang disebutkan tadi di seluruh negara pada dua tahun yang lepas adalah seperti berikut:

1987	—	\$168,387,400
1988	—	\$128,795,800

**KEBAKARAN BANGUNAN
 JPJ IPOH**

19. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa punca-punca kebakaran Bangunan JPJ Ipoh masih belum di ketahui sehingga sekarang, dan

- (a) bilakah perkhidmatan awam JPJ Ipoh dapat dikemaskan semula;
- (b) adakah semua rekod dan dokumen yang dimusnahkan oleh kebakaran itu dapat digantikan semula.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Punca-punca kebakaran bangunan Jabatan Pengangkutan Jalan Ipoh masih dalam siasatan Jabatan Kimia. Saya percaya Jabatan Kimia sedang menjalankan penyiasatan yang terperinci berhubung dengan kebakaran tersebut.

- (a) Sungguhpun bangunan Jabatan Pengangkutan Jalan Ipoh telah terbakar namun perkhidmatan kepada orang awam terus diberikan seperti biasa oleh pejabat berkenaan tanpa masalah yang besar. Tindakan segera telah diambil dengan mengadakan kaunter-kaunter sementara untuk memberi perkhidmatan kepada orang

awam seperti membaharui cukai jalan, mendaftar kenderaan baru, menukar milik kenderaan, membaharui lesen memandu dan sebagainya. Langkah-langkah lain juga sedang diambil untuk memindahkan perkhidmatan awam dari bangunan sekarang ke bangunan lain yang lebih selesa untuk kegunaan kakitangan pejabat berkeajaan dan juga orang awam yang berurusan dengan pejabat tersebut. Pemindahan ke bangunan baru ini dijangka dapat dilaksanakan pada bulan Julai hadapan.

- (b) Kebakaran yang berlaku di Jabatan Pengangkutan Jalan Ipoh tidak memusnahkan semua rekod dan dokumen. Dokument-dokumen penting seperti Buku Daftar Induk Kenderaan tidak terjejas. Namun demikian Jabatan Pengangkutan Jalan Ipoh telah mengambil langkah-langkah tertentu dengan kerjasama syarikat-syarikat kewangan dan insurans untuk mewujudkan semula rekod-rekod yang musnah. Kerajaan yang diterima daripada pihak swasta adalah sangat menggalakkan dan dapat membantu Jabatan Pengangkutan Jalan dalam usaha mewujudkan semula rekod-rekod yang musnah serta memberikan perkhidmatan kepada orang awam.

BRAIN DRAIN MENINGGALKAN MALAYSIA

20. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memberhentikan "brain drain" meninggalkan negara kita dan nyatakan juga sama ada Kerajaan ingin mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan mereka pulang ke tanahair semula.

Tuan Othman bin Abdul: Rakyat Malaysia adalah bebas untuk keluar ke mana-mana negara sekalipun untuk tujuan-tujuan tertentu seperti pekerjaan, perniagaan dan sebagainya. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa ada rakyat Malaysia yang bermastautin di negara-negara lain seperti juga terdapat rakyat negara-negara lain yang bermastautin di negara ini.

Rakyat Malaysia yang telah menetap di negara-negara asing adalah bebas untuk kembali ke Malaysia, dan tidak perlu bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan mereka pulang ke tanahair. Apa yang dititikberatkan oleh Kerajaan ialah untuk memperkukuhkan pembangunan ekonomi bagi kepentingan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

PERHIMPUNAN DI GUA MUSANG/KUALA NERUS

21. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pada perayaan Ulang Tahun UMNO pada 11hb Mei, 1989 di Johor Bahru, ada pihak tertentu juga mengadakan perhimpunan besar-besaran di Gua Musang, yang dihadiri lebih dari 40,000 orang dari seluruh negara (Perjumpaan Hari Raya) dan begitu juga pada 19hb Mei, 1989 di Kuala Nerus. Apakah perhimpunan serupa ini digalakkan kerana khawatir jika berlarutan akan mencetus satu fahaman yang kurang sihat dan perpaduan yang sedia ada. Apakah langkah Kementerian bagi mengurangkan perkara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Kementerian saya telah difahamkan bahawa memanglah ada perhimpunan dibuat pada 11 Mei, 1989 di Gua Musang dan pada 19hb Mei, 1989 di Kuala Nerus sewaktu berlangsungnya perayaan Ulang Tahun UMNO di Johor Bahru yang telah diadakan pada 11hb Mei, 1989. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, jumlah orang yang hadir di Perhimpunan Gua Musang adalah seramai lebih kurang 8,000 orang dan bukannya 40,000 orang sepertimana dakwaan Ahli Yang Berhormat. Sementara perhimpunan di Kuala Nerus pula adalah seramai lebih kurang 1,000 orang sahaja.

Perhimpunan di Gua Musang dan juga Kuala Nerus itu telah dibenarkan di atas tujuan bagi mengadakan perjumpaan Hari Raya.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi dan memastikan bahawa perhimpunan-perhimpunan seperti diatas tidak terkeluar dari syarat-syarat yang ditetapkan. Setakat ini perhimpunan yang diadakan itu dapat dikawal dengan berkesan daripada keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan ancaman kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara.

UNDANG-UNDANG SIVIL/SYARIAH ISLAM—PENYELARASAN

22. Tuan Haji Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latib minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai bagi usaha-usaha menyelaraskan Undang-undang Sivil dan Undang-undang Syariah Islam di Malaysia sehingga kini; dan
- (b) adakah benar ada pihak-pihak yang kurang senang dengan usaha tersebut.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Agama Islam telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi menyelaraskan undang-undang sivil dan undang-undang syarak pada bulan April 1988. Jawatankuasa ini pula telah menubuhkan satu jawatankuasa

teknikal bagi mengendalikan tugas ini dengan terperinci. Jawatankuasa teknikal ini berpendapat bahawa undang-undang syarak yang terpakai di semua negeri di Malaysia perlu diseragamkan dahulu sebelum tindakan diambil bagi menyelaraskan undang-undang syarak dan undang-undang sivil. Setakat ini jawatankuasa teknikal telah mengkaji dan membuat beberapa cadangan bagi meminda Undang-undang Keluarga Islam dan pentadbiran hukum syarak supaya undang-undang ini dapat diseragamkan bagi semua negeri. Seterusnya tindakan akan diambil bagi menyelaraskan undang-undang syarak dan undang-undang sivil.

- (b) Dalam menjalankan usaha ini jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan akan berhati-hati supaya ianya tidak menjejaskan kepentingan atau sentimen keagamaan rakyat yang tidak beragama Islam. Oleh yang demikian, maka ini tidak seharusnya menimbulkan curiga di kalangan mana-mana pihak.

BEKALAN AIR DI SABAH

23. Tuan Gerard Math Lee Min bertanya kepada Menteri Kerjaraya:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil dan yang akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air dan tekanan rendah air di negeri Sabah.
- (b) bilakah penyelesaian masalah-masalah boleh diharapkan?

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara bekalan air di negeri Sabah adalah di bawah

tanggungjawab Kerajaan Negeri itu sendiri. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa masalah kekurangan bekalan air dan tekanan rendah air di negeri Sabah adalah disebabkan oleh tambahan permintaan bekalan air yang pesat, dan akibat daripada itu sistem bekalan air sedia ada tidak mampu menampungnya.

Saya juga difahamkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Sabah memang sedar tentang masalah kekurangan bekalan air tersebut, dan langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk meningkat dan menambah bekalan air sedia ada. Kerja-kerja untuk menambah bekalan air ini sedang dilaksanakan di pusat bandar Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan 10 lain-tain kawasan luar bandar yang dikendalikan di bawah rancangan khas bekalan air luar bandar. Belanjawan yang telah disediakan untuk menjalankan penambahan ini di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah berjumlah \$349 juta daripada Kerajaan Negeri dan \$157 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

- (b) Mengenai penyelesaian masalah-masalah tersebut, saya difahamkan bahawa sebahagian besar masalah tersebut akan dapat diatasi menjelang penghujung tahun 1991.

PENCEMARAN ALAM OLEH KILANG-KILANG

24. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kementerianya mempunyai kakitangan penguatkuasa yang mencukupi; jika ya, mengapa masih terdapat banyak lagi kilang-kilang yang

tidak mematuhi kehendak-kehendak undang-undang alam sekitar belum didakwa ke mahkamah, dan jika tidak, mengapa masalah ini masih wujud.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Bagi melaksanakan semua aktiviti dan program Jabatan Alam Sekitar adalah didapati bahawa kakitangan di Jabatan Alam Sekitar setakat ini adalah mencukupi. Walau bagaimanapun keutamaan telah diberi kepada bidang kerja mengikut keperluan dan sumber-sumber yang ada. Adalah benar bahawa dari semasa ke semasa terdapat sebilangan kecil kilang yang tidak bertanggungjawab dan melakukan kesalahan di bawah undang-undang. Dalam hal ini saya ingin meyakinkan kepada Yang Berhormat bahawa tindakan keras sedang dan akan diambil terhadap mereka, dan jika perlu, termasuk peneraan perintah larangan bagi menentukan bahagian kilang yang mencemar ditutupkan sehingga tindakan pembetulan diambil oleh kilang. Di samping itu, bagi mengatasi kekurangan kakitangan dan meningkatkan prestasi Jabatan Alam Sekitar, permohonan telah dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambahkan tenaga kerja.

PEMBAYARAN BIASISWA DISERAGAMKAN

25. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kementerian beliau akan memperkenalkan polisi bagi menyeragamkan pemberian biasiswa kepada mahasiswa-mahasiswa universiti. Bagaimanakah polisi tersebut akan dibuat.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan bersama dengan badan-badan penganjur di peringkat pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri sedang mengambil

tindakan untuk menyelaras urusan tawaran dan pembayaran biasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar universiti tempatan. Penyelarasan ini adalah bertujuan untuk menyeregamakan urusan permohonan dan mempercepatkan urusan tawaran dan pembayaran biasiswa dan pinjaman.

Langkah-langkah yang sedang diambil termasuklah:

- (a) Cadangan penggunaan borang permohonan yang seragam;
- (b) Menyelaras urusan temuduga antara penganjur dan pihak universiti;
- (c) Mempercepatkan urusan dan pembayaran biasiswa antara penganjur-penganjur dan pihak universiti.

Polisi baru bertujuan menyeregamakan semua urusan berkaitan dengan pemberian biasiswa dan pinjaman akan dilaksanakan dengan secepat mungkin setelah mendapat persetujuan daripada semua pihak yang berkenaan. Bagaimanapun penggunaan borang permohonan yang seragam antara penganjur-penganjur utama iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan dan MARA sudahpun dilaksanakan mulai tahun 1988.

PEMBAYAR CUKAI

26. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kerajaan sudah membuat keputusan untuk mengenakan cukai pendapatan kepada petani-petani, nelayan dan penjaja kecil di negara ini. Kalau sudah, sudahkah dibuat kajian menyeluruh ke atas pendapatan mereka.

Dato' Loke Yuen Yow: Usaha mendaftarkan pembayar cukai yang berpotensi dijalankan pada bila-bila

masa tanpa mengira golongan dengan tujuan membesarkan asas cukai. Dalam usaha tersebut Kerajaan tidak membezakan sama ada mereka itu usahawan, pegawai, Kerajaan, kakitangan swasta, petani, nelayan atau penjaja kecil. Asasnya sesiapa yang memperolehi pendapatan yang berlebihan setelah ditolak berbagai pelepasan, maka ia adalah dikenakan cukai mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Seseorang pembayar cukai, tidak mengira apa juga jenis pekerjaan boleh menikmati jumlah maksima pelepasan cukai sebanyak \$14,300 yang meliputi:

- (i) \$5,000 untuk diri sendiri;
- (ii) \$2,000 untuk isteri;
- (iii) \$3,800 untuk lima orang anak; dan
- (iv) \$3,500 untuk EPF dan insurans.

Jika pembayar cukai menikmati kesemua pelepasan cukai ini, ia tidak akan membayar apa-apa cukai sekiranya pendapatannya tidak melebihi \$1,192 sebulan. Jadi para petani, nelayan dan penjaja kecil yang berpendapatan kurang dari \$1,000 sebulan ia tidak akan dikenakan sebarang cukai. Pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri, tidak akan bertindak sesuka hati untuk memaksa setiap rakyat membayar cukai. Mereka yang benar-benar berpendapatan rendah tidak akan dikenakan cukai, tetapi sekiranya petani, nelayan dan penjaja kecil mendapat pendapatan yang tinggi mereka haruslah membayar cukai kepada Kerajaan. Kita patut bangga kalau petani, nelayan dan penjaja kecil membayar cukai kerana ini satu kejayaan yang besar bagi Kerajaan. Ini menunjukkan yang dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah berjaya hingga golongan-golongan ini telah mendapatkan pendapatan yang tinggi.

**PANGKALAN SULTAN ABDUL
HALIM—MEMBAIK PULIH
PELANTAR**

27. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah keputusan Kementerian ke atas cadangan dari SPPP bagi membaik-pulih pelantar yang runtuh di pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth dan kenapa keputusan masih belum diambil sehingga kini;
- (a) bilakah cadangan SPPP untuk membina canopy di sepanjang laluan dari pengkalan feri kenderaan ke Kompleks Pelabuhan akan dilaksanakan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Kementerian menyokong dan telah memberi kelulusan kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) bagi membaik-pulih pelantar yang runtuh di pengkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth.
- (b) Canopy yang akan dibina di laluan dari pengkalan feri kenderaan ke kompleks Pelabuhan di sebelah Butterworth dan juga di pengkalan feri kenderaan di sebelah Putau Pinang akan bermula pembinaannya pada bulan Ogos 1989.

**RUMAHANGGOTA BOMBA—
KEKURANGAN**

28. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pihak Kementerian menyedari terdapatnya kekurangan tempat-tempat tinggal Ahli-ahli Bomba di seluruh negara khususnya di negeri Sabah. Adakah pihak Kementerian

bercadang untuk menambahkan pembinaan bangunan-bangunan tempat tinggal Ahli-ahli Bomba.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai): Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang sedar akan kekurangan rumah tempat tinggal bagi anggota bomba termasuk Negeri Sabah. Oleh kerana kedudukan ekonomi negara, peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima (RML) tidak mengizinkan untuk pembinaan rumah kakitangan. Walau bagaimanapun beberapa tindakan telah diambil bagi mendapatkan peruntukan rumah khas untuk anggota oleh Majlis Perbandaran dan Bandaraya seperti di Kuala Lumpur.

Di bawah Kajian Separuh Penggal RML, peruntukan tambahan telah didapati untuk membina rumah kakitangan di Chukai dan Kerteh di Terengganu dan Pasir Gudang di Johor. Kementerian saya akan terus berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi pembinaan rumah kakitangan di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RMKE). Walau bagaimanapun Kementerian ini menghadapi masalah untuk mendapatkan tapak tanah yang sesuai bagi tujuan pembinaan rumah kakitangan ini dan dalam perkara ini Kementerian saya sentiasa menghubungi Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kerjasama bagi pemilihan tapak-tapak tanah ini.

Suka juga dimaklumkan, bahawa Ahli-ahli Bomba yang tidak mendapat peruntukan rumah diberikan elaun rumah sebagai gantinya. Selain daripada itu, Kementerian dan Jabatan Bomba juga mengambil kira perkara-perkara lain seperti masalah sosial yang dihadapi apabila anggota-anggota diletakkan setempat dengan tempat kerja. Dalam pembinaan rumah kakitangan, Kementerian saya juga mengambil perhatian kemungkinan

rumah-rumah yang disediakan tidak didiami kerana anggota-anggota telah mempunyai rumah sendiri yang dibeli dari pinjaman perumahan Kerajaan yang disediakan.

SUBSIDI KOMODITI UTAMA

29. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Perusahaan Utama: menyatakan:

- (a) jumlah subsidi yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk mensubsidikan komoditi-komoditi utama;
- (b) bilakah Kerajaan akan berhenti memberi subsidi demikian dan beri sebab-sebabnya;
- (c) nyatakan juga masa hadapan komoditi-komoditi tersebut dalam konteks persaingan dan pengeluar-pengeluar negara asing;
- (d) sama ada Kerajaan akan menggalakkan pengeluar-pengeluar tempatan mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara akan lebih kegiatan "downstream" dimajukan;
- (e) apakah jenis kegiatan ekonomi yang akan digalakkan pengeluaran agar dapat menjadikan ekonomi Malaysia lebih kukuh dan viable.

Dato' Alias bin Md. Ali:

- (a) Pada tahun 1988, jumlah subsidi yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan ialah \$1.96 juta di bawah program tanam semula nanas dan sebanyak \$4.58 juta bagi penanaman lada di Sarawak. Pada keseluruhannya tiada subsidi yang diberikan kepada komoditi-komoditi lain.
- (b) Kerajaan tidak bercadang hendak memberhentikan pemberian bantuan kepada pekebun-pekebun kecil tanaman tersebut kerana bantuan ini diberikan kepada kumpulan

yang miskin dan untuk membiayai sebahagian daripada kos penanaman komoditi. Bantuan tersebut dapat meningkatkan produktiviti dan hasil pengeluaran dan oleh itu sedikit sebanyak menjamin pendapatan yang lebih baik kepada petani-petani miskin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanaman nanas secara estet tidak diberikan sebarang subsidi.

- (c) Komoditi-komoditi tersebut mempunyai prospek yang baik untuk dimajukan lagi. Bagi nanas, usaha-usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran termasuk tanaman baru secara estet dan kecekapan operasi kilang.

Masa hadapan bagi lada Malaysia adalah cerah memandangkan permintaannya adalah terus stabil kerana lada merupakan satu bahan keperluan yang tidak mempunyai penggantian yang rapat. Seperti komoditi-komoditi lain, usaha-usaha sedang dijalankan untuk memperbaiki lagi kecekapan dan mutu pengeluaran untuk membolehkan industri tersebut meningkatkan lagi taraf persaingannya di samping mengatasi keadaan turun naik pasaran dunia.

- (d) Di bawah Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan sememangnya menggalakkan pengeluaran-pengeluar tempatan untuk mempelbagaikan kegiatan mereka ke arah pemprosesan hiliran. Berbagai insentif telah disediakan oleh Kerajaan untuk menarik pelaburan serta menggalakkan penubuhan industri-industri tersebut di negara ini. Setakat ini, Malaysia berjaya

memproses lebih kurang 97% daripada minyak sawitnya dan menggalakkan penubuhan kilang-kilang membuat produk getah seperti sarung tangan dan kondom. Bagi nanas pula, industri kalengan nanas merupakan sebuah industri yang telah lama tertubuh.

- (e) Kerajaan masih terus menggalakkan kegiatan dalam sektor pertanian, perhutanan dan perlombongan bagi pertumbuhan ekonomi negara walaupun tekanan diberikan kepada kemajuan sektor perkilangan bagi menambahkan peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan eksport serta mendapatkan nilai-tokok yang lebih besar.

PROJEK PENANG JAYA—KAJIAN

30. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan, memandangkan bahawa Bank Koperasi Pusat (CCB) diletakkan dalam tanggungan, apakah kedudukan terbaru berhubung dengan rancangan penyelamat yang dihantarkan oleh Bank Negara dan CCB kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk memulih projek Penang Jaya yang bernilai \$130 juta.

Dato' Loke Yuen Yow: Dalam usaha memulihkan Projek Penang Jaya tersebut, CCB telah melantik sebuah firma juruperunding tempatan bagi mengkaji keupayaan masa depan projek itu. Kajian yang telah disiapkan oleh juruperunding berkenaan pada penghujung tahun 1988 menunjukkan projek tersebut menghadapi beberapa masalah, termasuk masalah berhubung dengan tindakan undang-undang oleh sipiutang. Pada masa ini, pihak-pihak yang berkenaan, iaitu CCB, Bank Negara, Perbadanan Pembangunan

Pulau Pinang, kontraktor dan juruperunding projek berkenaan, masih lagi mengadakan perbincangan dan kajian untuk mencari jalan yang sesuai bagi memulihkan projek tersebut dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

SENJATAPI YANG DILULUSKAN

31. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah senjатаpi yang telah diluluskan kepada orang perseorangan dan ahli-ahli politik di Sabah sejak tahun 1985 sehingga bulan Disember 1988. Adakah jumlah tersebut membimbangkan atau berlebihan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah senjатаpi yang telah diluluskan untuk orang perseorangan dan ahli-ahli politik di Sabah sejak tahun 1985 sehingga bulan Disember 1988 ialah sebanyak 399 pucuk senjатаpi.

Jumlah tersebut tidaklah membimbangkan atau berlebihan memandangkan jumlah kelulusan senjатаpi di Sabah semakin berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Umpamanya dalam kes shotgun, bagi tahun 1985 dan 1986 jumlah yang diluluskan ialah sebanyak 139 dan 152 pucuk, tetapi bagi tahun 1987 dan 1988 jumlah yang diluluskan jauh lebih merosot iaitu 5 dan 16 pucuk sahaja. Ini menunjukkan pertimbangan ke atas permohonan senjатаpi dibuat dengan amat teliti dan kelulusan hanya diberikan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat pemilihan senjатаpi. Disamping itu keperluan pemilihan senjатаpi oleh pelesen-pelesen senjатаpi sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Sekiranya seseorang pelesen senjатаpi itu didapati tidak lagi mempunyai keperluan memiliki senjатаpi maka lesennya akan dibatalkan.

ELEKTRIK DI LUAR BANDAR

32. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pihak Kementerian tersebut masih lagi mencadangkan memberi janakuasa elektrik (generators) ke kawasan-kawasan luar bandar, kampung-kampung dan rumah-rumah panjang, melalui Rancangan Malaysia Keenam, kalau tidak, mengapa?

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Pada masa ini, bekalan elektrik ke luar bandar melalui pemberian penjanakuasa elektrik hanyalah dilaksanakan dimana diperlukan dan Kementerian pada masa ini memang bercadang untuk meneruskannya melalui Rancangan Malaysia Keenam.

NAHAS PESAWAT UNIT UDARA POLIS—GANTIRUGI

33. Tuan Haji Mohamad Haji Isa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dalam nahas pesawat Unit Udara Polis Diraja Malaysia baru-baru ini yang mengorbankan lima anggota polis dan seorang kanak-kanak awam:

- (a) berapakah jumlah gantirugi yang dibayar kepada pihak yang terkorban; dan
- (b) apakah hasil siasatan yang dibuat oleh pakar-pakar pesawat injin yang telah diadakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Jumlah sebenar bayaran gantirugi kepada mereka yang terkorban datam nahas pesawat Unit Udara Polis baru-baru ini belum dapat ditentukan kerana ianya masih dalam perkiraan.

- (b) Penyiasatan masih dijalankan oleh pakar-pakar bagi menentukan sebab-sebab kemalangan itu berlaku.

PELABURAN ASING DI MALAYSIA

34. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) daripada jumlah pelaburan Jepun dan 4 negara Perindustrian baru (NIC) Asia iaitu Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan sebanyak AS\$8.2 billion pada tahun 1988 di negara-negara anggota ASEAN; berapakah yang telah dilaburkan di negara kita, Malaysia;
- (b) apakah sektor yang menjadi tumpuan utama kepada pelaburan tersebut; dan
- (c) setakat mana usaha kita menyaingi negara-negara ASEAN lain dalam menarik pelaburan tersebut secara lebih positif.

Dato' Kok Wee Kiat:

- (a) Bagi menjawab pertanyaan tersebut, adalah perlu diketahui sama ada dalam tahun 1988 jumlah pelaburan sebanyak AS\$8.2 billion dari Negara-negara Jepun, Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan itu, juga meliputi bidang pelaburan selain daripada sektor perkilangan. Ini adalah kerana Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menyimpan rekod hanya bagi projek-projek perkilangan yang dilesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian serta projek-projek lain termasuk projek hotel dan Kompleks Pelancongan serta pertanian yang mendapat galakan dcukai.

Berdasarkan projek-projek ini, mengikut rekod MIDA jumlah pelaburan itu adalah sebanyak US\$1.10billion.

Untuk makluman yang berhormat seterusnya, setahu pihak kami Negara-negara ASEAN yang lain mempunyai "Data-Base" yang lebih menyeluruh bagi pelaburan asing dimana biasanya Data-data itu juga merangkumi bidang perlombongan, pertanian dan lain-lain lagi. Oleh itu perbandingan tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya.

- (b) Berdasarkan kepada kelulusan projek-projek perkilangan dengan penyertaan asing bagi tahun 1988, 5 sektor yang menjadi tumpuan utama pelabur-pelabur dari negara-negara yang berkenaan adalah industri barangan elektrik dan elektronik, diikuti dengan industri kimia dan barangan kimia, industri tekstil dan barangan tekstil, industri kayu dan barangan kayu dan industri barangan getah.
- (c) Hasil usaha-usaha kita dalam menyaingi negara-negara ASEAN yang lain untuk menarik pelaburan adalah menggalakkan. Ini adalah kerana pakej-pakej penggalakan pelaburan yang Malaysia tawarkan kepada pelabur-pelabur asing adalah setanding dengan Negara-negara ASEAN yang lain. Malahan bagi setengah bidang, Malaysia telah menawarkan pakej yang lebih menarik seperti pemilikan 100% ekuiti asing dan 10 tahun pengecualian Cukai Korporat. Bagi sektor-sektor tertentu selain dari itu, negara ini mempunyai beberapa kelebihan

yang lain seperti kestabilan politik, kemudahan infrastruktur, penggunaan Bahasa Inggeris yang luas, kemahiran gunatenaga, kemudahan mendapatkan bahan-bahan mentah dan lain-lain lagi. Setakat ini Kerajaan Malaysia telah berjaya menarik lebih ramai pelabur asing sepertimana yang terdapat dalam 1988, di mana projek-projek perkilangan yang diluluskan berjumlah \$4.88 billion berbanding dengan sebanyak \$2.06 billion bagi tahun 1987.

EKSPORT KOMODITI NEGARA

35. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hasil-hasil eksport negara dari bijih timah, getah, kelapa sawit, koko dan lada hitam tiap-tiap tahun dari tahun 1985;
- (b) berapakah jumlah hasil tersebut bagi empat bulan pertama 1989 ini;
- (c) bagaimanakah permintaan untuk "rubber gloves" dan "condoms" di luar negeri setakat ini? Kalau baik, adakah Kerajaan bercadang hendak meluluskan lebih banyak lagi lesen membuat hasil tersebut; dan kalau buruk, bagaimanakah caranya Kerajaan akan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh para pengilang tersebut.

Dato' Alias bin Md. Ali:

- (a) & (b) Jumlah hasil eksport bagi beberapa komoditi untuk tahun

1985 sehingga 1988 dan tahun 1989 (Januari-Februari) adalah seperti berikut:

**JUMLAH HASIL EKSPORT
(\$JUTA)**

<i>Komoditi</i>	1985	1986	1987	1988	1989 <i>(Jan-Feb)</i>
Bijih Timah	1,648.0	649.6	838.8	911.2	1665
Getah Asli	2,871.4	3,182.7	3,914.4	5,255.9	8250
Minyak Kelapa sawit	3,950.7	3,009.7	3,279.2	4,528.0	7243
Biji Koko	409.5	496.1	684.0	708.3	1320
Lada (hitam & putih)	140.3	163.3	159.0	158.4	20.5

- (c) Permintaan luar negeri bagi sarung tangan getah dan "condoms" adalah stabil. Namun demikian, negara-negara utama keluaran-keluaran ini telah memperketatkan keperluan mutu. Di Amerika Syarikat misalnya, pihak Food and Drug Administration (FDA) telah mewajibkan syarikat-syarikat yang mengilang sarung tangan getah mengamalkan "Good Manufacturing Practice" (GMP) dan memenuhi Notis Pra-Pasaran sebelum sarung tangan boleh diekspor ke pasaran tersebut.

Sebagai satu langkah untuk membantu pengilang-pengilang tempatan memenuhi tahap keperluan mutu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal Mengenai Pengawasan Mutu Barangan Getah yang terdiri daripada wakil-wakil agensi yang pakar di dalam bidang teknologi getah iaitu Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Lembaga Pelesenan dan Pasaran Getah Malaysia (MRELB) dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB).

Tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah mengawasi proses pengilangan serta menganjurkan program-program untuk meningkatkan kesedaran di kalangan sektor pengilangan barangan getah terhadap konsep GMP melalui lawatan ke kilang-kilang, perbincangan, seminar dan bengkel.

Saya difahamkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian masih mengeluarkan lesen kepada pelabur-pelabur yang berminat di dalam bidang barangan getah seperti sarung tangan dan "condoms". Walau bagaimanapun Kementerian itu telah mengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) supaya memberi perhatian terhadap mutu pengeluaran dan teknologi sesuatu projek yang memohon Lesen Pengilang bagi menentukan keluaran-keluaran projek itu dapat memenuhi mutu yang diperlukan.

**EKSPORT KAMBING KE
NEGARA ARAB**

36. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan apakah benar negara-negara Arab amat perlukan pengimport kambing dari Malaysia:

- (a) negara Arab manakah yang memerlukan;
- (b) berapa banyak kambing yang diperlukan;
- (c) sudahkah menerusi Kementerian ini kambing negara telah diekspor ke negara yang di perlukan sehingga ini; dan
- (d) apakah usaha Kementerian dalam memajukan ternakan kambing di negara ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Benar! tetapi negara belum bersedia untuk mengekspor bekalan ini. Penternakan biri-biri masih di peringkat terlalu awal. Kerajaan

melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) sedang mempergiatkan program secara integrasi dalam ladang-ladang getah dan kelapa sawit. Potensi menternak dalam perladangan ini telah menarik minat pelbagai pihak termasuk pelabur Arab Saudi sendiri yang kini sedang berunding dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah bagi mempergunakan ladang-ladang FELDA, FELCRA dan RISDA.

PESARA ASING MENETAP DI MALAYSIA

37. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab Kerajaan Persekutuan membenarkan pesara-pesara asing tinggal tetap dan memiliki harta di Sarawak;
- (b) setakat hari ini berapa ramaiakah pesara-pesara asing yang sudah diberikan kelulusan untuk tinggal tetap di Sarawak dan dari negara mana; dan
- (c) bilangan yang masih memohon.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai dasar untuk memberi kebenaran "kepada pesara asing menetap di negara ini. Walau bagaimanapun terdapat seorang pesara gorkha telah dibenarkan menetap di Sarawak kerana mengenangkan jasanya kepada negara ini. Pada masakini, tiada pesara yang memohon.

(Soalan No. 38. Sila lihat jawapan No. 1 pada 20-6-89)

SEMARAK—PERHIMPUNAN PELANCARAN

39. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Penerangan menyatakan;

- (a) jumlah bilangan perhimpunan "Semarak" dan "Mini Semarak" yang diadakan

sehingga kini dan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan setakat ini untuk kempen *Semarak*;

- (b) berapa banyak kempen yang diusahakan oleh Kementerian untuk meningkatkan perpaduan nasional, Amaun perbelanjaan yang terlibat dan adakah beliau sedar bahawa semua kempen termasuk "Gerakan Setia Sekata" adalah hanya satu pembaziran wang rakyat dan tidak memenuhi maksud menggalakkan perpaduan nasional.

Tuan Railey bin Jaffrey:

- (a) Jumlah perhimpunan pelancaran *Semarak* setakat ini ialah 11 kali manakala Mini *Semarak* ialah 41 kali. Berlainan dengan *Semarak* di peringkat nasional yang diadakan di lain-lain negeri di seluruh Malaysia, "Mini *Semarak*" cuma melibatkan pemimpin-pemimpin di peringkat negeri dan daerah saja.

Berhubung dengan perbelanjaan yang terlibat haruslah ditegaskan bahawa perbelanjaan untuk mengadakan *Semarak* di peringkat nasional ditanggung kebanyakannya oleh semua negeri-negeri yang menjadi tuan-rumah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah merupakan aktiviti di bawah projek-projek yang sedia ada dan mempunyai peruntukan sendiri. Kerajaan Persekutuan hanya menambah perbelanjaan-perbelanjaan perlu sahaja yang setakat ini berjumlah \$255,040.48. Kementerian ini atau Kerajaan Persekutuan tidaklah terlibat dengan sebarang perbelanjaan bagi Mini *Semarak* dan tidak menyimpan apa-apa perangkaan mengenainya. Memandangkan

bahawa Semarak telah dapat disertai oleh lebih 510,000 orang anggota masyarakat di seluruh negara dan merapatkan hubungan mereka dengan Kerajaan serta hubungan pemimpin-pemimpin dengan mereka. Kementerian ini tidaklah menganggap bahawa perbelanjaan yang digunakan adalah membazir. Malah ia sangat berkesan dan memenuhi kehendak rakyat untuk menemui dan pertukaran-pertukaran fikiran dengan pemimpin-pemimpin mereka.

- (b) Berhubungan dengan kempen mengenai perpaduan nasional, Kementerian Penerangan tidaklah menjalankan aktiviti-aktiviti sendiri selain dari membantu semua aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi lain seperti Jabatan Perpaduan Negara. Kementerian cuma memasukkan unsur-unsur perpaduan dalam semua program-program radio dan TV dan program-program penerangan serta kursus sivik yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan.

KOMANWEL—KEMASUKAN PAKISTAN DAN FUI

40. Dr V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah betul bahawa beberapa negara Komanwel menyokong kemasukan Fiji dan Pakistan ke dalam pertubuhan Komanwel; dan
- (b) apakah pendirian Malaysia di atas cadangan ini.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Malaysia dan semua negara-negara anggota Komanwel memang berharap dan menyokong supaya Pakistan akan kembali menjadi anggota Komanwel. Mengenai Fiji, Malaysia telah diberitahu bahawa buat masa ini ia tidak menganggap soal kemasukannya semula ke dalam Komanwel sebagai satu perkara utama. Fiji ingin menyelesaikan proses pengubalan perlembagaan barunya sebelum membuat sesuatu ketetapan mengenai Komanwel.

PAS KERJA WARGANEGARA ASING

41. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa jika warganegara asing boleh diberikan Work Permit di Sabah untuk bekerja di semua sektor selama tiga bulan (boleh disambung berdasar kepada keperluan), mengapa seorang suri rumah warganegara Australia (secara undang-undang/naturalized) bernama Puan Rosmie Anne Indan—yang beribukan seorang bangsa Sino-Kadazan dan ayahnya seorang bangsa Inggeris yang sudah berada di Sabah sejak lama sebelum Merdeka dan kini telah berkahwin dengan seorang bangsa Kadazan tulin daripada Kg. Taginambor, Kota Belud dan sebelum berlepas ke Australia untuk mengambil kursus di bidang kejururawatan, Puan Rosmie Anne Indan telahpun pernah berkhidmat di Jabatan Kesihatan Sabah sebagai Staff Nurse. Ini jelas membuktikan bahawa beliau ada hubung kait dengan negeri Sabah sejak dilahirkan, tapi permohonan Work Permitsnya telah ditolak juga. Apakah bezanya di antara warganegara asing daripada Philipine dan Indonesia dengan Puan Rosmie Anne Indan dalam konteks ini. Mengapakah warganegara asing daripada Philipine dan Indonesia begitu senang mendapat Work Permits di negeri Sabah dan kenapa tidak kepada Puan Rosmie Anne Indan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dasar pas kerja dikendalikan dengan saksama dan mengikut kepentingan-kepentingan negara. Adalah tidak benar dakwaan bahawa warganegara Filipina dan Indonesia senang mendapat pas kerja di Sabah atau di Malaysia amnya, berbanding dengan pemohon-pemohon dari negara-negara lain. Sebenarnya keutamaan pekerjaan sentiasa diberi kepada rakyat tempatan, dan pas kerja dikeluarkan kepada orang asing setelah terbukti segala usaha untuk mendapat pekerja tempatan gagal.

Permohonan pas kerja bagi Puan Rosmie Anne Indan ditolak kerana penajanya yang ingin mengambil beliau berkhidmat sebagai jururawat tidak menunjukkan bukti dan usaha untuk mencari jururawat tempatan.

DASAR BELIA NEGARA

42. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat mana "Dasar Belia Negara" telah dilaksanakan dan apakah maktumbalas umum daripada persatuan-persatuan belia terhadap dasar tersebut.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): "Dasar Belia Negara" diterima oleh Kerajaan pada bulan Disember, 1985. Semenjak tarikh tersebut Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia, Majlis-majlis Belia Negeri dan Pertubuhan-pertubuhan Belia peringkat Kebangsaan dan Negeri telah melaksanakan berbagai-bagai kursus kefahaman mengenai Dasar tersebut kepada pemimpin-pemimpin belia.

Prinsip-prinsip terpenting kepada dasar ini ialah pembinaan belia untuk:

- (i) Mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara.
- (ii) Perpaduan, kesukarelaan dan autonomi.

- (iii) Mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang matang.
- (iv) Turut serta dalam proses perancangan negara.
- (v) Bermoral tinggi dan sikap mementingkan kesihatan dan kecergasan.
- (vi) Mempunyai taraf keilmuan yang luas dan mendalam.

Sesuai dengan prinsip-prinsip tersebut Kementerian telah melaksanakan beberapa program bertujuan untuk memenuhi prinsip tersebut. Di antara program yang sedang dan akan dijalankan ialah:

- (i) Penyusunan semula dan pemulihan organisasi belia di berbagai peringkat.
- (ii) Pembinaan golongan belia yang cergas, cekap dan cintakan negara melalui projek-projek Kem Musim Cuti.
- (iii) Pengiktirafan Kerajaan terhadap sumbangan pemimpin-pemimpin belia/sukarela.
- (iv) Peningkatan dalam bidang latihan kepimpinan untuk pemimpin belia berbagai peringkat.
- (v) Pendedahan belia kepada situasi dan kepimpinan belia antarabangsa melalui Rancangan-rancangan Pertukaran Belia Antarabangsa.
- (vi) Program-program pendidikan agama dan moral.
- (vii) Peningkatan berbagai bidang latihan kemahiran termasuk Latihan Kemahiran Tertinggi di pertubuhan-pertubuhan belia telah dapat memahami matlamat Dasar ini dan telah mengambil usaha-usaha yang positif menyelaraskan perancangan aktiviti pertubuhan masing-masing ke arah mencapai matlamat

Dasar Belia Negara untuk Membina Belia Untuk Kesejahteraan Negara.

MEMBANTERAS LANUN-LANUN

43. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah bidang-bidang kerjasama negara-negara jiran di rantau ASEAN dalam usaha membanteras aktiviti lanun-lanun di Laut China Selatan dan Selat Melaka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah penyelesaian mengenai masalah lanun sememangnya boleh dan sedang diambil melalui kerjasama serantau dengan negara-negara jiran. Bidang kerjasama negara-negara jiran di rantau ASEAN dalam membanteras aktiviti lanun di Selat Melaka dan juga di perairan Laut China Selatan adalah melalui rondaan bersama di kawasan yang sering berlaku kejadian tersebut. Bagaimanapun setakat ini tiada kerjasama menyeluruh dan bersepadu oleh negara-negara berkenaan dan pergerakan membanteras lanun yang sering dijalankan oleh agensi-agensi penguatkuasaan negara kita dan negara-negara ASEAN yang lain difikirkan sudah memadai.

KENDERAAN JABATAN PENERANGAN—PENGUNAAN

44. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Penerangan menjelaskan sama ada kenderaan Penerangan Kementerian-nya boleh digunakan untuk menarik undi bagi Barisan Nasional ketika Pilihanraya Umum atau Pilihanraya Kecil diadakan.

Tuan Railey bin Jaffrey: Kementerian Penerangan tidak pernah menggunakan kenderaannya untuk menarik pengundi dari mana-mana parti politik. Apa yang sebenarnya

dilakukan oleh Kementerian ini pada tiap-tiap pilihanraya umum dan juga Pilihanraya Kecil ialah memberi penerangan kepada rakyat akan hak-hak mereka sebagai pengundi dan menggesa supaya mereka keluar beramai-ramai untuk mengundi.

TAHANAN ISA—BILANGAN

45. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sekarang dan sebab-sebab mereka ditahan;
- (b) tempoh masa orang tahanan yang lama sekali ditahan;
- (c) bilangan orang tahanan ISA yang dikenakan syarat-syarat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) sekarang ialah 68 orang. Mereka ditahan atas penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan yang menimbulkan ancaman dan mudarat kepada keselamatan negara.
- (b) Tempoh masa orang tahanan yang paling lama dalam tahanan sekarang adalah dua (2) tahun.
- (c) Bilangan orang tahanan ISA yang dikenakan syarat-syarat adalah 106 orang, iaitu seramai 65 orang di bawah syarat-syarat Perintah Sekatan mengikut Seksyen 8 (5) AKDN dan 41 orang selainnya di bawah syarat-syarat Penggantungan Perintah Tahanan mengikut Seksyen 10, AKDN.

TORNADO—PEMBELIAN JET PEJUANG

46. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Malaysia bersetuju dengan harga 40

juta bagi setiap 12 buah kapal pejuang Tornado buatan British di bawah perjanjian membeli senjata British bernilai \$4.5 billion sedangkan harga biasa setiap Tornado yang dibeli oleh Tentera Udara Di Raja British dan Luftwaff Jerman adalah 17-20 juta setiap kapal dan sama ada benar senjata-senjata yang dipersetujui di bawah perjanjian tersebut tidaklah sesuai bagi keperluan Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha); Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah pun dijawab bersama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19-6-89. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

MESYUARAT NECC

47. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sebab mesyuarat N.E.C.C. tidak boleh diheboh kepada umum. Apakah sebab-sebab yang hendak disembunyi oleh Barisan Nasional.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Jawapan kepada soalan Yang Berhormat telah pun dijawab pada 20 Jun, 1989 di Dewan yang mulia ini, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

LESEN TEKSI YANG DIKELUARKAN

48. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) beberapa banyak permit teksi yang telah dikeluarkan dalam Kuala Lumpur dan Petaling Jaya setakat ini;
- (b) berapa banyak permit teksi baru bagi Kuala Lumpur dan Petaling Jaya perlu dikeluarkan dan apakah kriteria kelulusan; dan

(c) berapa ramai yang telah memohon permit teksi untuk beroperasi dalam Kuala Lumpur dan Petaling Jaya apabila pembekuan ke atas permohonan ditarik balik baru-baru ini.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar):

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat berkenaan, jumlah lesen teksi yang dikeluarkan di kawasan Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sekitarnya setakat ini adalah 7235 lesen.
- (b) Jumlah lesen teksi baru yang dijangka akan dikeluarkan di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sekitarnya ialah lebih kurang 2 ribu lesen. Pertimbangan akan diberikan kepada pemohon perseorangan yang mempunyai PSV dengan tempoh yang cukup, sedang memandu teksi sebagai pemandu kedua yang sah, mempunyai pengalaman memandu yang memadai dan mempunyai modal yang mencukupi. Bagi yang memohon atas nama syarikat, mereka hendaklah membuktikan keupayaan untuk menguruskan perusahaan teksi yang memadai termasuk dari segi pengalaman, perancangan dan modal. Di samping itu juga perwatakan pemohon akan diambilkira untuk memastikan mereka adalah pengusaha/pemandu teksi yang bersopan santun dan dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada penumpang-penumpang.
- (c) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat jua, sejumlah lebih kurang 10,000 pemohon telah memohon lesen teksi di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sekitarnya selepas pengumuman penarikan balik pembekuan lesen teksi dibuat baru-baru ini.

KERUNTUHAN TANAH DI BUKIT MERAH/LAHAT

49. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejak bulan Februari 1989 hingga hari ini mengapa punca-punca keruntuhan tanah di Bukit Merah dan Lahat, Perak Darul Ridzuan masih belum dapat dikenalpastikan; dan

- (a) terangkan cara-cara telah dan akan dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi;
- (b) bilakah laporan penyiasatan tersebut dapat diumumkan supaya langkah-langkah positif dapat diambil untuk mengelakkan kejadian tersebut.

30-6-89

64. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian ingin mengeluarkan Laporan Kajibumi 1982, supaya penduduk-penduduk di Bukit Merah, Kampung Baru dan Kampung Baru Lahat, Ipoh yang nyawa-nyawa mereka sentiasa terancam oleh pasir jerlus (sink holes) untuk mendapat tahu isi kandungan laporannya. Nyatakan sama ada kegiatan-kegiatan perlombongan bijih timah dari Syarikat Tin Mines Sdn Bhd ada bersangkutan dengan kejadian pasir jerlus (sink holes); dan
- (b) nyatakan juga sama ada kawasan yang diakibatkan oleh pasir jerlus (sink holes) adalah kaya dengan bijih timah.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Y.B. Tuan Ting Chek Ming pada 30 Jun, 1989 oleh kerana kedua-dua soalan berkenaan menyetuh perkara yang sama.

Kejadian lubang benam (sink holes) di kawasan-kawasan yang batuan dasarnya adalah batu kapur (limestone) merupakan satu fenomena yang tidak dapat dielakkan ataupun dijangkakan. Ianya boleh berlaku disebabkan oleh berbagai proses. Hasil kajian dan pengamatan yang dijalankan menunjukkan bahawa kejadian lubang benam di kawasan Lembah Kinta adalah merupakan hasil daripada proses pelarutan batu kapur (batuan dasar). Proses ini merupakan sebahagian daripada proses peluluhawaan (weathering) semulajadi yang memakan masa yang panjang.

Kajian yang dijalankan ke atas kawasan sekitar Kampung Baru Bukit Merah dalam tahun 1982 menggunakan kaedah lubang gerudi dan teknik air kimia untuk mengetahui tentang sifat-sifat tanah penutup, bantuan dasar, paras, lakuan serta aliran air tanah. Laporan hasil kajian ini telah pun diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak. Manakala kajian yang sedang dijalankan sekarang akan meliputi kawasan yang lebih luas serta menggunakan kaedah "Tracer" untuk mengesan aliran air tanah. Ianya dijangka akan memakan masa 7 bulan untuk membolehkan pengesanan lakuan air tanah dibuat secara berterusan.

Laporan hasil kajian ini dijangka akan disiapkan dalam bulan Disember 1989 dan akan diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak untuk tindakan susulan, memandangkan perkara tersebut adalah termasuk di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Laporan Kajian 1982 tersebut boleh didapati untuk rujukan di pejabat-pejabat Penyiasatan Kajibumi di Kuala Lumpur dan Ipoh.

Memandangkan perkara berhubung dengan tanah adalah terletak di bawah kuasa pihak Kerajaan Negeri, maka terpulanglah kepada pihak berkuasa berkenaan untuk mengambil tindakan

yang sewajarnya. Kementerian ini difahamkan bahawa Kementerian Negeri Perak, sebagai langkah keselamatan telah berusaha menempatkan semula mereka-mereka yang terlibat ke kawasan-kawasan yang lebih selamat. Walau bagaimanapun usaha ini difahamkan telah tidak mendapat sambutan yang sewajarnya.

Menyentuh tentang soalan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah mengenai perkaitan di antara kegiatan perlombongan bijih timah oleh Syarikat Tin Mines Sdn. Bhd. dengan kejadian lubang benam, hasil kajian yang lepas tidak menunjukkan terdapatnya sebarang kaitan yang nyata. Ini memandangkan pembentukan lubang benam di kawasan batu kapur ini adalah dikawal oleh beberapa faktor utama seperti ketebalan tanah penutup yang nipis hingga sederhana, jasad batuan dasar yang masif tetapi mengalami keretakan, paras air tanah yang rendah serta tidak stabil dan sebagainya.

Dari rekod penyiasatan yang lepas, kawasan Kampung Batu Bukit Merah didapati nilai bijih timah yang sut (marginal), manakala kawasan Lahat pula adalah merupakan kawasan bekas lombong.

PEMILIH YANG LAYAK MENDAFTRAR

50. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah ramai warganegara Malaysia yang layak mendaftar sebagai pemilih yang masih belum mendaftar kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Golongan manakah yang ramai yang tidak mendaftar. Apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi perkara tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan kepada tiap-tiap warganegara yang layak mesti mendaftar diri mereka sebagai pemilih. Kalau bercadang

bilakah perkara ini akan dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) adalah dianggarkan terdapat seramai 900,000 orang pemilih yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Dari jumlah tersebut lebih kurang 650,000 merupakan warganegara yang telah lama layak sementara 250,000 baru sahaja meningkat usia 21 tahun pada 1989. Sebahagian besar dari yang belum mendaftar sebagai pemilih ialah kakitangan awam dan swasta dan juga mereka yang tinggal di kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar. Untuk menggalakkan lebih ramai lagi warganegara yang layak mendaftar sebagai pemilih, pada tahun 1989 Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan satu urusan pendaftaran pemilih secara bersepadu dalam mana barbagai-bagai kaedah telah digunakan bagi memberi peluang seluas-seluas kepada orang ramai untuk mendaftar.
- (b) Kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk mewajibkan warganegara yang layak mendaftar sebagai pemilih.

TORNADO—PEMBEHAN JET PEJUANG

51. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Kerajaan memesan pembekalan kapalterbang TORNADO untuk Tentera Udara Di Raja Malaysia padahal TUDM masih tidak mempunyai "Hangar" yang cukup untuk menyimpan kapalterbang-kapalterbang yang sedia ada yang telah menyebabkan beberapa kapalterbang jenis "Charlie" yang terpaksa diletak di tempat-tempat terbuka di mana terdedah kepada matahari dan hujan yang mana kepanasan merosakkan

sistem "avionics" kapal terbang tersebut.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah pun dijawab bersama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19-6-89. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

SG. GOMBAK DAN SG. KLANG —MENCANTIKKAN

52. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha bagi mengindahkan Kuala Lumpur sungguh membanggakan dan patut diberi pujian khasnya kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Berbagai-bagai kemudahan telah dapat disediakan umpamanya tempat-tempat rekreasi dan lain-lain. Tidakkah ada cadangan bagi menarik lagi keindahan Kuala Lumpur agar sungai yang merentang di tengah-tengah Kuala Lumpur iaitu Sg. Gombak dan Sg. Klang agar dibuat empangan bagi membolehkan airnya sentiasa ada di sungai berkenaan dan di samping itu dapat diadakan perahu-perahu yang boleh pelancong-pelancong menggunakan untuk melihat keindahan Bandar Kuala Lumpur.

Drs Suleiman bin Mohamed: Di dalam program keseluruhan rancangan Pembersihan dan Pengindahan Sungai yang melalui Pusat Bandaraya Kuala Lumpur, ianya termasuk cadangan pembinaan beberapa buah empangan kecil (weirs) untuk mempertingkatkan estetik sungai serta membolehkan kegunaan sungai-sungai untuk rekreasi.

Tujuan pembinaan empangan kecil adalah untuk mewujudkan paras had air yang sentiasa mencukupi bagi membolehkan kegiatan air seperti "boating", memancing serta sukan air

diadakan yang mana ianya akan menarik perhatian bukan sahaja wargakota tetapi juga pelancong-pelancong.

Walaupun bagaimanapun, perancangan, rekabentuk dan lokasi empangan perlu dikodifikasi secara teliti dengan keseluruhan program Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur agar kesan-kesan negatif tidak timbul di masa akan datang.

PROJEK PETROKIMIA

53. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan butir-butir ke atas cadangan dua buah kilang petrokimia di negeri Pahang yang menelan kos sejumlah \$900 juta dan kemajuan ke atas pembinaan kilang petrochem tak berplumbum yang pertama di Malaysia dengan kos sebanyak \$545 juta.

Dato' Kok Wee Kiat: Dua buah projek petrokimia yang dicadangkan di negeri Pahang adalah seperti berikut:

- (i) Projek Methyl Tertiary Butyl Ether (MTBE) dan Propylene
- (ii) Projek Polypropylene (PP)

Projek pertama iaitu MTBE dan Propylene akan ditempatkan di kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang Darulmakmur. Keupayaan pengeluarannya ialah 300,000 tan metrik setahun bagi MTBE dan 80,000 tan metrik bagi propylene. Jumlah kos projek ini ialah \$540 juta. Penyertaan ekuiti bagi projek ialah 60% Petronas, 10% Idemitsu Petrochemical dari Jepun dan 40% dipegang oleh Nesty Oy dari Finland.

Projek kedua iaitu PP juga akan ditempatkan di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan. Cadangan modal dibenar bagi projek ini ialah \$200 juta sementara cadangan modal dibayarnya ialah \$99.5 juta. Penyertaan ekuiti bagi

syarikat yang akan mengendalikan projek ini ialah 55% Petronas, 35% Idemitsu Petrochemical dan 10% Nesty Oy. Jumlah kos projek ini ialah \$331 juta dan keupayaan pengeluaran ialah 80,000 tan metrik polypropylene setahun. Projek ini dijangka akan mempunyai gunatenaga seramai 123 orang. Syarikat dikenakan syarat 80% eksport.

Soalan mengenai kemajuan pembinaan kilang petroleum tak berplumbum, adalah tidak begitu jelas. Mungkin kilang yang Ahli Yang Berhormat maksudkan itu ialah projek MTBE yang diterangkan di atas. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, MTBE itu digunakan sebagai bahan tambahan (additive) di dalam petrol bagi menggantikan plumbum (lead).

PAMERAN PERSENJATAAN IRAN

54. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa industri pertahanan Iran telah menyertai Pameran Keselamatan dan Persenjataan (SECARM) di Libreville, Gabon pada 4 Februari lalu. Ia mempamerkan senjata ciptaannya. Dapatkah Kerajaan mengesan apakah senjata-senjata yang telah dihasilkan oleh Iran;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk meninjau kemungkinan mendapatkan bahan senjata dari Iran.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

- (a) Dari sumber-sumber terbuka Kementerian Pertahanan sedar mengenai pameran yang dimaksudkan oleh Ahli Yang

Berhormat itu. Walau bagaimanapun Kementerian ini tidak dapat maklumat yang terperinci mengenai jenis-jenis senjata yang dipamerkan itu;

- (b) Mengenai cadangan untuk meminjam kemungkinan mendapatkan senjata dari Iran, Kementerian belum berhasrat untuk berbuat demikian.

PERINDUSTRIAN PENDIDIKAN TINGGI

55. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pendidikan menyatakan sudahkah Kementeriannya mengkaji dengan lebih teliti cadangan Yang di-Pertua Negeri Tun Dr Haji Awang Hassan pada 15-4-1989 di Pulau Pinang, bahawa Kementerian Pendidikan menggalakkan penubuhan satu perindustrian pendidikan tertinggi di Malaysia bertujuan menjimatkan pertukaran matawang asing berjumlah sekurangnya antara \$5.4 billion ringgit dan \$8.1 billion ringgit (US\$2—US\$3 billion) yang dibelanjakan oleh 20,000 pelajar-pelajar baru dan 60,000 pelajar-pelajar "seniors" daripada ASEAN setiap tahun di negara-negara Barat. Apakah rancangan Kementerian Pendidikan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu perindustrian pendidikan tinggi di negara ini. Sebagaimana yang sedia maklum, kemudahan-kemudahan yang ada di institusi pengajian tempatan tidak dapat menampung bilangan pelajar yang bertambah dengan pesat. Dengan itu, Kerajaan sentiasa berusaha memperbanyakkan peluang-peluang pendidikan tinggi di negara ini supaya bilangan pelajar ke luar negeri dapat dikurangkan dan dengan itu menjimatkan perbelanjaan.

KESIHATAN PENDUDUK LUAR BANDAR

56. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kesedaran kesihatan masih merupakan salah satu faktor yang menghalang peningkatan-peningkatan taraf hidup penduduk luar bandar, jika ia:

- (a) apakah program menyeluruh yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan kesedaran kesihatan penduduk luarbandar;
- (b) apakah Kementerian bercadang untuk memberikan pendidikan kesihatan awam yang lebih berkesan terhadap pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat kampung, ladang-ladang dan kampung-kampung baru;
- (c) apakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi iklan-iklan di TV dan Radio mengenai kebersihan rumahtangga serta wabak-wabak penyakit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng); Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa kesedaran tentang kesihatan di kalangan penduduk-penduduk luar bandar adalah diperlukan sebelum taraf kesihatan mereka dapat diperingkatkan.

- (a) Semenjak tahun 1967, Kementerian Kesihatan telah mengintegrasikan rancangan pendidikan kesihatan di semua program kesihatan yang diwujudkan. Tujuan utama rancangan pendidikan kesihatan ini ialah untuk membangkitkan kesedaran tentang pentingnya kesihatan dan mendorong masyarakat supaya dapat mengubah tabiat kesihatan mereka yang negatif. Pendidikan kesihatan ini diberi dengan pendekatan melalui

sekolah-sekolah, orang perseorangan, melalui kumpulan kecil di klinik-klinik dan di rumah-rumah dan juga melalui media massa.

- (b) Aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada pemimpin-pemimpin masyarakat akan terus dilaksanakan oleh kakitangan kesihatan dengan mengadakan lebih banyak lagi ceramah, dialog ataupun seminar. Bahan-bahan Pendidikan Kesihatan seperti risalah, buku kecil juga diedarkan dan alat pandang-dengar digunakan supaya maklumat kesihatan akan dapat difahami dengan lebih jelas lagi. Berbagai Pertubuhan Masyarakat yang sedia ada seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Pertubuhan Peladang, Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan sebagainya, juga digunakan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan dikalangan pemimpin-pemimpin masyarakat.

- (c) Adalah menjadi hasrat Kementerian Kesihatan untuk menambahkan lagi bukan sahaja iklan-iklan tetapi termasuk juga ceramah, pengumuman spontan, trailer di TV dan radio mengenai kebersihan rumahtangga dan personal, serta pencegahan dan pengawalan penyakit. Perkhidmatan siaran radio kawasan juga digunakan apabila juga perlu, seperti apabila sesuatu kawasan mengalami wabak penyakit.

PENGALIRAN MODAL KELUAR

57. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) perbelanjaan Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat, termasuk saham yang diberikan

mengikut sektor dan kriteria, dan

- (b) penyertaan oleh orang asing dalam ekonomi dan masalah pengaliran modal keluar (capital flight).

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa isu yang dibangkitkan akan dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini pada 28-6-1989.

- (b) Penyertaan orang asing dalam ekonomi boleh dilihat dari segi jumlah milikan modal saham asing dalam Syarikat-syarikat Berhad di negara ini. Maklumat terakhir menunjukkan, dalam tahun 1988 milikan saham asing di dalam Syarikat-syarikat Berhad di negara ini adalah kira-kira 25 peratus dari jumlah keseluruhan milikan saham Syarikat-syarikat Berhad yang bernilai kira-kira \$98 ribu juta.

Dari segi peiaburan, jumlah ekuiti asing yang telah diluluskan oleh MIDA bagi tahun 1988 berjumlah \$2,010.5 juta iaitu meningkat sebanyak 168.1 peratus berbanding dengan tahun 1987 sebanyak \$750 juta.

Mengikut rekod Kawalan Pertukaran Wang, negara kita tidak menghadapi masalah pengaliran wang keluar negeri yang luar biasa. Negara kita mengamalkan sistem kawalan pertukaran wang yang liberal. Ini membolehkan pergerakan keluar masuk modal secara bebas di negara ini. Oleh itu tidak menjadi masalah yang besar jika pada satu masa Malaysia mengalami pengaliran keluar modal disebabkan amalan sistem ekonomi terbuka negara.

Aliran keluar bersih modal jangka panjang pada tahun 1988 dianggarkan sebanyak \$3.2 ribu juta. Pengaliran keluar modal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran balik dan bayaran balik awal hutang luar negara oleh sektor awam dan swasta. Bagi modal jangka pendek pula, pengaliran keluarannya telah dapat diimbangi oleh pengaliran masuk modal jangka pendek.

Ekonomi negara telah pun pulih dengan kadar pertumbuhan 8.7 peratus pada tahun 1988 dan dijangka berterusan dalam tahun 1989. Dengan perkembangan ini lebih ramai pelabur-pelabur asing mengambil peluang melabur di Malaysia dan ini telah meningkatkan aliran masuk modal ke negara ini.

PENGANGGURAN NEGARA

58. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa peratuskah pengangguran negara dan jumlah besar penganggur;
- (b) apakah strategi-strategi Kerajaan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi lima (5) tahun akan datang dan berapakah jumlahnya; dan
- (c) sebutkan sektor-sektor ekonomi yang ada potensi untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):

- (a) Kadar pengangguran negara pada akhir 1988 ialah sebanyak 8.1 peratus, dan jumlah penganggur sebanyak 530,000 orang.
- (b) Strategi-strategi Kerajaan untuk mewujudkan petuang-petuang pekerjaan sehingga penghujung

tahun 1990 telah pun dimaklumkan di Dewan yang mulia pada 20 dan 21 Jun 1989 di dalam jawapan kepada soalan-soalan Yang Berhormat dari Batu Gajah dan Bukit Bintang. Sebanyak 420,000 pekerjaan baru dijangka diwujudkan dalam tempoh 1989-90.

- (c) Sektor-sektor yang ada potensi untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan tersebut ialah pembuatan, pembinaan, perdagangan borong dan runcit dan pertanian.

BERAS HANCUR—BEKALAN

59. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pertanian menjelaskan kenapa Lembaga Padi dan Beras Negara tidak dapat membekalkan beras hancur yang mencukupi kepada pengilang-pengilang yang berasaskan beras hancur. Adakah pihak Kementerian menyedari bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara tidak dapat memberikan bekalan yang mencukupi kepada pengilang-pengilang dan juga akibatnya daripada menggalakkan aktiviti penyeludupan beras hancur dari kawasan sempadan yang telah melibatkan kerugian yang besar dari segi pendapatan cukai kepada Kerajaan. Dan juga implikasinya sangat-sangat dirasai oleh pengusaha kilang-kilang yang bersabit.

Apakah langkah-langkah positif pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini demi untuk menggalakkan pembangunan dan pertumbuhan perusahaan yang berkaitan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Bekalan beras hancur kebelakangan ini agak ketat sedikit kerana permintaannya meningkat dan pengguna-pengguna beras hancur seperti kilang-kilang tepung beras, kilang-kilang Bee Hoon dan sebagainya menumpukan

bekalannya ke atas beras hancur tempatan terutamanya daripada Kompleks-kompleks LPN. Ini adalah berikutan daripada kenaikan harga beras dan beras hancur di Negeri Thailand yang mana harganya jauh lebih mahal daripada harga beras hancur tempatan mengikut harga kawalan di bawah Perintah Beras (Kawalan Harga) 1974.

Harga Beras Hancur tempatan di bawah Perintah Beras (Kawalan Harga) 1974, adalah seperti berikut:

<i>Gred</i>	<i>Harga Dipintu Kilang (Se tan Metrik)</i>	<i>Harga Pemborong Zon C (Se tan Metrik)</i>
Beras Hancur Islimewa (D1)	\$443.30	\$520.40
Beras Hancur Biasa (D2)	\$335.00	\$432.10

Harga Beras Hancur di Pasaran Bangkok mengikut harga Petunjuk yang dikeluarkan oleh "Board of Trade of Thailand" (BOT) pada 14-6-1989 FOB Bangkok adalah seperti berikut:

<i>Jenis Beras</i>	<i>FOB Bangkok (US\$ setan)</i>
(i) A1 Extra Super	268.00 (M\$723.60)
(ii) A1 Super	260.00 (M\$702.00)
(iii) A1 Special	258.00 (M\$696.60)

Berasaskan kepada harga beras hancur di Thailand yang jauh lebih mahal itu tidak mendorong aktiviti penyeludupan beras hancur dari sempadan ke negara ini pada masa ini malahan pengguna-pengguna tidak berminat dengan beras hancur import jika LPN merancang untuk mengimport kerana akan dijual dengan harga yang lebih mahal. Tetapi pengguna-pengguna beras hancur menumpukan perhatian untuk mendapatkan beras hancur dari kompleks-kompleks LPN yang mana masih dijual mengikut harga kawalan yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran sekarang.

KEBEBASAN KEHAKIMAN

60. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia memberi jaminan kebebasan kehakiman yang mana kebebasan ini baru-baru ini telah merosot dengan cepatnya.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:

Saya kurang pasti kenapa Ahli Yang Berhormat itu menyangka bahawa kebebasan kehakiman di negara ini telah merosot. Bagi pihak Kerajaan, soal ini tidak berbangkit langsung. Kebebasan kehakiman sudah sedia terjamin oleh Perlembagaan kita dan Kerajaan tidak pernah melakukan apa-apa yang boleh dianggap sebagai menjejaskan kebebasan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah dan akan menghormati sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak kehakiman walaupun keputusan-keputusan itu tidak menyenangkan pihak Kerajaan. Kerajaan adalah komited kepada pemerintahan secara demokrasi berparlimen mengikut Perlembagaan, yang mana antara ciri-ciri pentingnya ialah pegangan kepada doktrin pengasingan kuasa, yang menjamin kebebasan kehakiman, dan kepada kedaulatan undang-undang. Oleh itu Kerajaan tidaklah perlu lagi, semata-mata atas permintaan Ahli Yang Berhormat itu, untuk memberi jaminan tentang kebebasan kehakiman itu.

RANCANGAN MENDIRIKAN GERAI-GERAI

61. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan minta Perdana Menteri menyatakan dengan lebih lanjut rancangan Kerajaan mendirikan gerai-gerai di seluruh negara untuk membantu kaum bumiputera berniaga seperti yang diumumkan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini. Nyatakan berapa banyak peruntukan yang disediakan dan jabatan serta

agensi-agensi Kerajaan yang terlibat. Adakah Kerajaan puashati dengan prestasi gerai-gerai yang ada yang terdapat di seluruh negara, juga dibuat oleh Kerajaan dan agensi Kerajaan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Rancangan mendirikan gerai-gerai adalah merupakan program bagi memenuhi matlamat di dalam usaha untuk mempertingkatkan penyertaan bumiputera di dalam bidang perdagangan. Sepanjang Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$86.84 juta telah diperuntukkan melalui tiga agensi iaitu Penguasa-penguasa Tempatan, MARA dan Jabatan Perdana Menteri untuk pembinaan gerai-gerai.

Melalui kajian-kajian yang telah dibuat untuk menilai pencapaian program-program Kerajaan seperti Belia Berniaga/Rancangan Peniaga Kecil dan Rancangan-rancangan Peniaga kecil di Kuala Lumpur, Johor dan Terengganu yang telah dibuat di antara tahun 1981-1985, lebih daripada 50% peniaga/penjaja kecil berpuashati dengan pencapaian perniagaan mereka itu. Dari keempat-empat kajian tersebut purata pendapatan bulanan penjaja/peniaga berkenaan adalah di antara \$307-\$1,275 di mana lebih 50% dari mereka berniaga sepenuh masa. Berasaskan kepada penemuan kajian-kajian ini, Kerajaan adalah berpuashati dengan prestasi pengusaha gerai-gerai tersebut.

UNIT PEMULIHAN BAGI TAHANAN ISA

62. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan anggota Unit Pemulihan bagi orang-orang tahanan di bawah (i) ISA (ii) Ordinan Dharurat (iii) Dangerous Drugs (Special Preventive) Measures Act;
- (b) bilangan orang tahanan di bawah (i) ISA (ii) Ordinan

Dharurat (iii) Dangerous Drugs (Special Preventive) Measures Act;

- (c) mengapa Kerajaan tidak mahu menutup Unit Pemulihan di Kem Tahanan Kamunting, Taiping dan menghantar anggota-anggotanya ke Pusat Pemulihan di Pulau Jerjak memandangkan mereka tidak berguna untuk orang-orang tahanan ISA.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah semua pegawai-pegawai di Unit Pemulihan ialah seramai 40 orang. Mereka menjalankan tugas secara bersama dan tidak dibahagikan mengikut undang-undang tersebut.
- (b) (i) Orang Tahanan ISA: 57 orang.
 (ii) Orang Tahanan Ordinan Dharurat: 376 orang.
 (iii) Orang Tahanan Akta Dadah Berbahaya (LPK) 1985: 780 orang.
- (c) Pegawai-pegawai Pemulihan di Unit Pemulihan di Kem Tahanan Kamunting telah menunjukkan hasil kerja yang memuaskan sesuai dengan objektif Unit itu diwujudkan. Walau bagaimana pun Kementerian sentiasa menjalankan kajian mengenai keberkesanan program pemulihan di Unit-Unit ini.

INSTITUSI KEWANGAN ASING—MEMILIKIEKUITI

63. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada institusi kewangan asing telah memohon kepada Bank Negara untuk memiliki ekuiti di dalam institusi kewangan tempatan sama ada bank perdagangan atau saudagar dan:

- (a) berikan senarai institusi kewangan asing serta institusi

kewangan tempatan yang terlibat;

- (b) peratus pemilikan ekuiti yang dimohon serta jumlah wang yang terlibat.

Dato' Loke Yuen Yow: Beberapa institusi kewangan asing, kebanyakannya dari Jepun telah membuat permohonan kepada Bank Negara untuk memiliki ekuiti dalam institusi-institusi kewangan tempatan khususnya bank perdagangan. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi dalam peringkat awal perundingan dan kerana itu butir-butir lanjut mengenai institusi-institusi kewangan yang terlibat adalah tidak wajar dihebahkan.

AJARAN SESAT

64. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang tegas telah diambil untuk memastikan supaya pertumbuhan-pertumbuhan Islam di negara ini tidak dimasuki mereka yang mengamalkan ajaran serong;
- (b) dalam pertumbuhan seperti PERKIM, ABIM dan sebagainya adakah penyiasatan terperinci diambil oleh pihak Kerajaan untuk menentukan supaya yang dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Tertinggi pertumbuhan-pertumbuhan tersebut bukan yang mengamalkan ajaran sesat atau yang pernah dan masih menjadi ahli kepada pertumbuhan-pertumbuhan Anti Islam dan sebagainya; dan
- (c) kalau kedapatan mana-mana ahli atau ahli jawatankuasa tertingginya masih lagi menjadi ahli kepada pertumbuhan-pertumbuhan yang dimaksudkan dalam (b) di atas, apakah langkah Kerajaan untuk menyingkirkan mereka itu atau

menyuruh mereka bertaubat dahulu sebelum meneruskan keahlian mereka itu.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Soal mengenai syarat-syarat kelayakan bagi menjadi ahli dan juga bagi menjadi ahli jawatankuasa sesebuah pertubuhan atau persatuan adalah tertakluk di bawah Akta Pertubuhan dan juga ada diperuntukkan dalam perlembagaan pertubuhan atau persatuan yang berkenaan. Mengenai ajaran sesat pula hal ini adalah tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. Ini adalah dua perkara yang boleh diguna bagi memastikan tidak terdapat orang yang mengamalkan ajaran sesat menyertai pertubuhan-pertubuhan.
- (b) Setakat ini belum ada kajian terperinci dibuat ke atas mana-mana pertubuhan kerana jika seseorang telah disabitkan kesalahan mengamalkan atau menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan aqidah dan hukum syarak dan dihukum di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri dan orang itu menjadi ahli atau ahli jawatankuasa sesebuah pertubuhan atau persatuan Islam maka keahlian atau keanggotaan orang tersebut dalam pertubuhan atau persatuan itu boleh diuruskan oleh jawatankuasa pertubuhan atau persatuan itu mengikut perlembagaannya.
- (c) Kerajaan tidak campurtangan secara langsung dalam pentadbiran sesebuah pertubuhan atau persatuan yang berdaftar untuk menapis dan meluluskan permohonan menjadi ahli pertubuhan atau persatuan itu atau memecat mana-mana ahli dari pertubuhan atau persatuan

tersebut. Terpulanglah kepada pertubuhan itu untuk mengambil tindakan terhadap jawatankuasa berkenaan jika sekiranya mereka pastikan kegiatan-kegiatan atau amalannya adalah sesat.

KEMATIAN AKIBAT SAKIT JANTUNG

65. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kematian akibat daripada penyakit sakit jantung sejak 5 tahun yang lalu; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengawal dan meminimalkan penyakit ini.

Tuan Chua Jui Meng:

- (a) Jumlah kematian di hospital-hospital Kerajaan akibat dari penyakit sakit jantung sejak 4 tahun yang lalu ialah pada tahun 1985 ialah 2,055, pada tahun 1986 ialah 2,084, pada tahun 1987 ialah 2,076 dan pada tahun 1988 ialah 2,126. Angka untuk tahun 1984 tidak terdapat pada masa ini.
- (b) Untuk mengawal dan meminimalkan penyakit sakit jantung, Kementerian Kesihatan telah menjalankan beberapa aktiviti misalnya pelajaran kesihatan, program pencegahan dan pengesanan penyakit diperingkat awal.

Tujuan utama rancangan peajaran kesihatan ialah untuk menyedarkan orang ramai tentang penyakit jantung, faktor-faktor yang boleh menyebabkan penyakit tersebut serta cara-cara untuk mencegah penyakit jantung. Pelajaran kesihatan diberi secara kempen-kempen khas melalui ceramah, pameran, media massa, penyebaran risalah, poster dan sebagainya.

Orang ramai juga diberi penerangan mengenai pentingnya langkah-langkah pencegahan seperti penjagaan berat badan, senaman, perubahan cara hidup, cara pemakanan yang betul, menghindarkan merokok dan minuman keras, cara-cara untuk mengatasi "stress" dan sebagainya.

Selain daripada pelajaran kesihatan, orang ramai juga diberi kesedaran mengenai tanda-tanda dan gejala-gejala penyakit jantung supaya penyakit ini dapat dikesan di peringkat awal dan seterusnya rawatan yang awal dapat diberikan di klinik-klinik dan di hospital-hospital.

LATIHAN BERSAMA TENTERA MALAYSIA—SINGAPURA

66. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertahanan menyatakan kenapa hanya 136 Tentera Malaysia sahaja manakala Tentera Singapura berjumlah 530 dalam latihan bersama Tentera/Singapura di Pasir Laba. Apakah manfaat kepada Malaysia dalam latihan bersama ini.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Ekseksais SEMANGAT BERSATU 1/89, adalah merupakan siri pertama ekseksais gabungan dua hala di antara Tentera Darat Malaysia (TDM) dengan Tentera Singapura (SAF). Ekseksais ini adalah berbentuk latihan menembak "live" dikelolakan di bawah Markas 2 Singapore Infantry Brigade (2 SIB) mulai 21 Mei hingga 27 Mei 89.

Dalam ekseksais ini, Singapura adalah negara penganjur bagi ekseksais tersebut. Untuk ekseksais di peringkat Batalion, biasanya negara penganjur akan mengadakan satu pasukan (batallion) kurang satu kompeni.

Negara tetamu akan hanya mengadakan satu kompeni bagi mewakili kompeni keempat kepada batallion tersebut. Dalam hubungan ini Tentera Darat Malaysia (TDM) hanya mengadakan seramai 136 anggota.

Apabila giliran Malaysia menganjurkan ekseksais, TDM akan mengadakan satu batalion kurang satu kompeni dan Singapura pula akan menghantar satu kompeni. Format ini biasa dipraktikkan bukan sahaja dengan negara Singapura, malahan semasa mengadakan ekseksais bersama-sama negara asing seperti Australia, United Kingdom, New Zealand dan Indonesia.

Manfaat yang diperolehi adalah seperti berikut:

- (a) Dapat menambahkan pengetahuan pegawai dan anggota dalam aspek prosedur tempur, penyatuan rancangan tembakan, organisasi kompeni bantuan Batalion serta Divisyen Artileri dan peralatan ketenteraan.
- (b) Dapat bekerjasama dengan lebih erat dan efektif bagi kepentingan kedua-dua negara setelah memahami organisasi dan terminologi yang digunakan untuk tujuan perancangan dalam pertempuran.
- (c) Menguji tahap kecekalan anggota untuk membuat serangan di bawah tembakan senjata bantuan dan menduduki objektif yang sebelum ini menjadi sasaran peluru Artileri, mortar dan kereta-kebal.
- (d) Dapat mempertingkatkan usaha gunasama di dalam bidang operasi di antara kedua-dua tentera dengan bertukar-tukar pengetahuan dalam aspek taktik dan prosedur tetap operasi.
- (e) Dapat memupuk dan mengeratkan hubungan silaturahim serta bekerjasama di antara

tentera kedua-dua negara secara amnya dan anggota yang terlibat khususnya.

PENGUNDURAN TENTERA SOVIET DARI SEMPADAN CHINA

67. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Langkah-langkah pertahanan yang sesuai dengan sikap Soviet Union mengundurkan tenteranya dari Sempadan China-Soviet dan adanya perkembangan yang menggalakkan dalam persoalan Kampuchea dan Vietnam;
- (b) adakah kemajuan yang dicapai antara Soviet dan China itu boleh meredakan ancaman kuasa besar terhadap keselamatan rantau ini dan dengan ini beban pertahanan dapat dikurangkan;
- (c) dengan pengunduran tentera Soviet dari sempadannya dengan China, pengunduran tenteranya dari Afghanistan, adakah Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan menanggukkan pembelian senjata dari Britain yang menelan belanja lebih \$4 billion itu memandangkan wang itu atau sebahagiannya diperlukan dalam pembangunan lain.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

- (a) Pengunduran tentera Soviet dari sempadan China-Soviet serta perkembangan yang menggalakkan dalam persoalan Kampuchea dan Vietnam tidak mempengaruhi perancangan pertahanan negara yang ada sekarang. Tahap pertahanan negara tidak akan berkurangan kerana kita sentiasa bersikap berada dalam kesiap siagaan

dalam menghadapi sebarang kemungkinan.

- (b) Adalah sukar untuk meramalkan kesan dari pemulihan hubungan antara kuasa-kuasa besar terhadap keselamatan rantau ini hasil dari perkembangan terbaru antara Soviet Russia dan China. Walaupun perkembangan yang berlaku antara kuasa-kuasa besar, baik jauh dari rantau ini mahupun di sekitar rantau ini. Kita harus berwaspada setiap masa dan soal pertahanan negara tidak sekali-kali boleh diabaikan.
- (c) Perolehan alat-alat kelengkapan serta senjata-senjata moden menerusi memorandum of understanding antara Malaysia dengan Britain tidak ada kaitan dengan kewujudan tentera Soviet di sempadan China dan di Aghanistan. Perolehan senjata-senjata tersebut adakah berasaskan kepada keperluan kepentingan pertahanan negara masa kini dan Kerajaan akan meneruskan rancangan pembelian peralatan pertahanan tersebut.

INDUSTRI PENTERNAKAN AYAM

68. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pertanian menyatakan rancangan Kementeriannya menggalakkan perindustrian membela ayam meningkatkan keluaran mereka di pasar tempatan dengan lebih kesan. Mengapakah pembela-pembela ayam dilzinkan menaikkan harga telur dan ayam apabila ada kekurangan bekalan, tetapi apabila bekalan melebihi permintaan bukan sahaja harga-harga tidak diturunkan bahkan mereka digalakkan mengurangkan pembelaan-pembelaan mereka. Bukankah

langkah-langkah sebegini tidak akan berfaedahkan pengguna-pengguna, rakyat dan negara.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Industri penternakan ayam adalah sebuah industri berbentuk bebas (free enterprise). Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengawasi hanya dari segi kawalan penyakit dan memberi khidmat nasihat kepada individu.

Asas harga daging ayam dan telur dipengaruhi oleh kos pengeluaran dan permintaan serta bekalan. Kos pengeluaran dipengaruhi oleh bahan makanan yang diimport. Lebih daripada 70% kos pengeluaran adalah daripada makanan. Penternak-penternak (pembela-pembela) ayam tidak menaikkan harga telur dan ayam tetapi struktur pemasarannya ialah:

penternak ———> pemborong ———>
peruncit ———> pengguna.

INDUSTRI KAMPUNG— BANTUAN

69. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan kenapakah setengah permohonan bantuan industri kecil tidak diluluskan termasuk pemeliharaan burung puyuh yang mana ramai orang bersungut.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Bantuan Industri Kampung yang ada sekarang adalah untuk memajukan industri kraf dan pembuatan di kawasan luar bandar, Kementerian juga tidak mengadakan terlalu banyak pengusaha di satu-satu bidang. Misalnya di awal program ini banyak permohonan dikemukakan untuk makanan, ketika ini Kementerian mengadakan pembuatan perabot.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pertanian seperti pemeliharaan

burung puyuh tidaklah termasuk di bawah bidang kuasa Kementerian ini. Oleh itu, permohonan untuk mendapatkan bantuan bagi projek ini patutlah dirujuk kepada Kementerian Pertanian.

BANGUNAN SEKOLAH- SEKOLAH DI SABAH— MEMBAIKI

70. Tuan Gerard Math Lee Hin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) adakah beliau mengetahui bahawa ada beberapa sekolah di Sabah iaitu St. Francis Xavier School, Keningau dalam keadaan terlampau buruk; dan
- (ii) jika ada, apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah sedia maklum akan keadaan beberapa buah sekolah di Sabah termasuk St. Francis Xavier School, Keningau. Walau bagaimanapun memandangkan kebanyakan sekolah-sekolah tersebut adalah Sekolah-Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan kerana terletak di atas tapak bukan milik Kementerian ini, maka terpulanglah kepada sekolah berkenaan untuk mengambil langkah-langkah untuk membaiki keadaan bangunan sekolah. Namun demikian Kementerian ini sentiasa mempertimbangkan bantuan modal kepada sekolah-sekolah yang dhaif jika terdapat permohonan dan peruntukan mencukupi.

WARGANEGARA MALAYSIA MENDAFTAR SEBAGAI PEMILIH

71. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menjelaskan tentang:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk menggubal satu undang-undang bagi mewajibkan semua

warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas didaftar sebagai pemilih dalam pilihanraya;

- (b) berapa ramai mereka yang berumur 21 tahun ke atas yang tidak mendaftar sebagai pemilih sehingga tahun 1988 dan apakah langkah-langkah serta galakan yang diambil bagi meningkatkan sokongan mereka untuk mendaftar; dan
- (c) apakah Kerajaan bercadang untuk membuka ruang dan masa kepada orang ramai untuk mendaftar sebagai pemilih sepanjang masa, tidak seperti sekarang di mana pendaftaran bermusim dilaksanakan.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang yang bertujuan untuk mewajibkan warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun mendaftar sebagai pemilih.
- (b) Sehingga tahun 1988 adalah dianggarkan seramai 650,000 masih belum lagi mendaftar sebagai pemilih.

Untuk menggalakkan lebih ramai warganegara yang layak supaya mendaftar sebagai pemilih, Suruhanjaya Pilihanraya pada tahun 1989 telah melancarkan satu gerakan pendaftaran pemilih secara bersepadu. Dalam gerakan ini berbagai-bagai kaedah telah digunakan untuk memberi peluang yang seluas-luasnya kepada orang ramai supaya mendaftar sebagai pemilih.

- (c) Cadangan untuk mengadakan sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun masih dalam kajian.

SIASATAN BPR

72. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan keputusan siasatan-siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) bahawa:

- (a) Haji Ibrahim bin Abdul Rahman, bapa kepada Menteri Pendidikan telah memiliki saham Industrial Oxygen Incorporated Bhd. sebanyak \$400,000 secara muslihat; dan
- (b) bahawa rumah Menteri Pendidikan dibina dengan kos perbelanjaan sebanyak \$4 juta.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah ke atas kedua-dua kes berkenaan mendapati tidak ada bukti tentang perlakuan rasuah berlaku di dalam pemilikan saham yang dimaksudkan dan di dalam pembinaan rumah Menteri Pendidikan. Didapati segala urusan berhubung dengan perkara-perkara tersebut adalah mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia ada. Hasil siasatan BPR juga mendapati segala penjelasan mengenai rumah berkenaan menunjukkan bahawa pembeliannya adalah mengikut kemampuan dan pendapatan beliau serta keluarga beliau.

HEPATITIS B

73. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan kejadian-kejadian "Hepatitis B" di dalam negara. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan negara ini bebas dari penyakit ini.

Tuan Chua Jui Meng: Saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa sebelum tahun 1988 Kementerian Kesihatan hanya menyimpan bilangan kes Viral Hepatitis yang datang ke Hospital-Hospital sahaja dan angka ini tidak dipecahkan kepada Hepatitis A.

Hepatitis B atau Hepatitis Non A dan Non B. Bagaimanapun, adalah ditaksirkan bahawa 20% daripada kes Viral Hepatitis yang dilaporkan ialah Hepatitis B. Misalnya pada tahun 1987 sebanyak 4529 kes Viral Hepatitis yang dilaporkan dan ini bermakna pada tahun itu sebanyak 902 kes Hepatitis B telah dikesan.

Semenjak tahun 1988, Kementerian telah membuat ujian secara routine khusus bagi Hepatitis B kepada semua kes-kes Viral Hepatitis yang dikesan secara klinikal. Dalam tahun itu, daripada 4511 kes Viral Hepatitis yang dikesan, 1174 (26%) adalah kes Viral Hepatitis B.

Bagi mengawal merebaknya penyakit ini, strategi Kementerian Kesihatan adalah untuk meningkatkan tahap kekebalan (immunity) masyarakat Malaysia terhadap penyakit Hepatitis B. Oleh itu Kementerian telah pun melancarkan program imunisasi "Hepatitis B" pada awal tahun ini yang meliputi semua bayi baru lahir, kakitangan perubatan yang berisiko tinggi, dan juga penagih-penagih dadah yang menggunakan suntikan, terutamanya yang berada di pusat-pusat pemulihan. Serentak dengan itu langkah-langkah seperti saringan penderma darah, pendidikan kesihatan, rawatan dan kaunseling kes "Hepatitis B" juga dijalankan.

Dengan langkah-langkah yang sedang dan telah diambil itu, serta sokongan daripada sektor swasta, ada kemungkinan penyakit "Hepatitis B" dapat dibendung dalam satu tempoh masa tertentu dan seterusnya membebaskan negara ini dari masalah-masalah sampingan yang bersangkutan dengannya.

KAD PENGENALAN PALSU

74. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah jumlah bilangan kad-kad pengenalan palsu yang telah dikesani

setakat ini dan berapakah banyak orang yang terlibat dalam sindiket mengeluarkan kad-kad pengenalan palsu ini yang diberkas setakat 31-5-1989. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang memiliki kad-kad pengenalan palsu ini dan juga mereka yang terlibat dalam sindiket tersebut. Apakah tindakan yang diambil mencegah perkara ini daripada berlaku semula pada masa akan datang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga 31-5-1989, sebanyak 1,473 kad pengenalan palsu telah dikesan oleh pihak berkuasa. Jumlah orang terlibat dalam sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu belum dapat dipastikan kerana penyiasatan ke atasnya masih diteruskan. Tindakan mengikut undang-undang akan diambil ke atas mereka yang memiliki kad pengenalan palsu atau yang terlibat dalam kegiatan mengeluarkan kad pengenalan palsu. Kegiatan pemalsuan kad pengenalan akan dapat dicegah dengan memperkenalkan Sistem Kad Pengenalan Keselamatan Bermutu Tinggi (HSC) tidak lama lagi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DALAM NEGERI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (23hb Jun, 1989).

Perbincangan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sungai Petani, saya hendak bertanya sedikit, panjang lagikah?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Panjang juga tetapi kalau hendak pendekkan, saya boleh pendekkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri Yang Berhormat lebih kurang dalam 5 minit lagi dan selepas itu saya akan menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab, sebab kita telah membincangkan perkara ini sehari suntuk dan kita ada 8 Rang Undang-undang dan satu Usul untuk dihabiskan dalam masa seminggu. Teruskan Yang Berhormat.

3.38 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, Akta Keselamatan Dalam Negeri yang digubal dalam 1960 itu sangatlah sesuai dipakai di dalam negara kita yang berbilang kaum dan agama. Malah perlu dikaji dan diteliti dan memperkukuhkan lagi dari satu masa ke satu masa.

Pada pendapat saya, Akta itu amat sesuai dipinda mengikut Rang Undang-undang yang dibincangkan pada hari ini supaya sesiapa jua tidak boleh menghalang ketuanan Melayu di negara kita ini dan pada akhirnya dapat kita hidup dalam aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua patutlah faham dan mengerti bahawa Akta ini bertujuan menjaga ketenteraman awam. Pihak yang bertanggungjawab mengenai keamanan dan ketenteraman awam ialah Kementerian Dalam Negeri maka dengan sebab itu serahlah tanggungjawab itu kepada orang yang arif mengenainya iaitu Kementerian Dalam Negeri. Akta ini tidak menghalang Yang Arif Tuan Hakim menjatuhkan hukumannya dengan adil.

Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja yang boleh dipersoalkan di sini iaitu

amalan demokrasi. Demokrasi bukanlah satu perkara yang mutlak. Demokrasi diperkenalkan untuk memberi faedah kepada manusia. Demokrasi itu diamalkan untuk memberi kesejahteraan kepada kita semua. Demokrasi bukanlah satu yang perlu disembah, disujud kepadanya. Demokrasi itu mestilah diamal mengikut keperluan kita sahaja. Ubat mengubat penyakit itu pun boleh menjadi mudarat kalau diambil berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah ghairah hendak mencari keadilan yang belum tentu kita menemuinya yang barangkali sebaliknya kita akan berhadapan dengan masalah rusuhan dan kacau bilau berpunca dari kita mencari keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mahkamah Yang Arif Tuan Hakim terpaksa meneliti butir-butir perjalanan mahkamah yang utamanya ialah pengakuan tiap-tiap orang saksi dan barang-barang kes. Bagaimana dengan saksi yang tidak mahu memberitahu kerana malu dalam kes rogol. Tentu ada kes di mana orang yang dituduh sanggup masuk jel kerana tidak mahu mengetuakan pengakuan yang akan mencemar nama orang yang disayangnya.

Kes-kes yang dibawa ke mahkamah yang berhubung dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri memerlukan juga kepada bukti-bukti dalam mahkamah. Siapa yang mahu menjadi saksi kalau dia tahu bahawa nyawanya terancam, dan manakah Menteri dan pegawai mahu mendedahkan dokumen-dokumen dan rahsia yang akhirnya membawa huru-hara dan pecah-belah. Yang paling kita takuti ialah rusuhan dan perang saudara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Oktober 1987 Dewan yang mulia ini telah melihat beberapa babak drama yang menggerunkan dan Standing Orders Dewan yang mulia ini selalu

menjerit-jerit meminta pertolongan. Sidang Dewan kali ini berubah, Standing Orders tersimpan selamat dalam briefcase. Ada orang berfikir sidang kali ini dihadiri ramai oleh orang-orang yang benar-benar sedar betapa pentingnya adat dan sopan di dalam negara yang berbilang kaum dan agama. Adab dan sopan yang baik ini patutlah diteruskan berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri seperti sebilah rotan kecil yang ditakuti oleh binatang buas tetapi jinak di pertunjukan Circus. Harimau, gajah dan beruang sangat takut kepada rotan kecil atau tali pedati yang dipegang oleh gembalanya. Akta Keselamatan Dalam Negeri tidaklah merbahaya tetapi menggerunkan dan menakutkan kepada orang-orang yang suka menghasut dan rela melihat bahkan menjalankan kerja dan segala usaha mencemar budi dan pantang larang di dalam negara yang berbilang kaum.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Amat Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tak beri, sebab kita sudah sehari suntuk

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak, Yang Berhormat. Saya jemput Yang Amat Berhormat menjawab.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Lima minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada masa lain, Yang Berhormat. Saya sudah buat ruling.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Lima minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Satu minit pun tak boleh, Yang Berhormat. Sila.

3.42 ptg.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari parti PAS tetapi memandangkan ada dua Bil lagi yang agak serupa nadanya, saya fikir pada ketika itu kalau Ahli Yang Berhormat berada di dalam Dewan yang mana Ahli Yang Berhormat dahulu tidak ada di dalam Dewan, maka

Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad: Sama dengan Yang Amat Berhormat juga! (*Ketawa*) Yang Amat Berhormat tak ada juga, sama.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, masa bahas, saya berada di sini sepanjang masa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, maaf sekejap. Kalau Tuan Yang di-Pertua jamin untuk memberi peluang kepada saya di tempat lain, boleh, tetapi saya biasanya kalau tidak kena saluran, tidak dibenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya memberi jaminan, saya akan beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh bercakap dalam bab lain?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bukan hari ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Walau tajak lain?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Tengok keadaan, Yang Berhormat, duduk!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Apa salahnya 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Tidak boleh. Sila Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Barisan Nasional, parti Kerajaan dan juga parti Pembangkang yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan pindaan undang-undang ISA ini. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih terutamanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kerana dia memberi peluang kepada saya membangkitkan beberapa perkara, walaupun perkara-perkara itu tidaklah tepat dengan undang-undang yang dipinda ini.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, selalu berterima kasih walaupun kepada Ahli Yang Berhormat dari parti lawan. Namun Ahli Yang Berhormat dari parti lawan berkata dia tidak berterima kasih kepada saya walaupun saya juga telah menandatangani kertas yang membenarkan dia keluar daripada tahanan. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Penjelasan. Bukankah saya ada berkata saya tak kata terima kasih oleh kerana Yang Amat Berhormat pun orang yang tandatangani penangkapan saya. Itulah yang salah, itulah tidak dipersetujui. (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Ahli Yang Berhormat tidak berterima kasih kerana saya menandatangani kertas yang menyebabkan dianya ditahan, tetapi itu tidak mengapa kerana ramai orang lain yang berterima kasih kepada

saya kerana mengadakan tindakan Operasi Lalang. (*Tepuk*) Saya menerima begitu banyak telegram-telegram daripada orang ramai yang terdiri daripada berbagai kaum yang menyatakan rasa sukacita mereka dan terima kasih mereka kerana Kerajaan berani mengambil tindakan ini walaupun dengan tindakan ini tercemar sedikit imej Kerajaan—imej Kerajaan yang liberal, yang tidak mahu menggunakan Akta ISA ini kerana kita tidak mahu memperlihatkan kekuatan dan kuasa yang ada pada Kerajaan tetapi oleh kerana ramai yang menganggap bahawa ini merupakan satu kelemahan bagi Kerajaan, maka mereka telah mengambil peluang untuk membuat perkara-perkara yang termasuk dalam bidangkuasa ISA dan oleh kerana itu tidak dapat tidak terpaksa Kerajaan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, manusia adalah pelupa, semakin lama perkara itu berlaku semakin dia lupa akan keadaan yang menyebabkan sesuatu itu berlaku. Itulah apa yang telah terjadi kepada keadaan ketegangan yang terdapat pada bulan-bulan sebelum Operasi Lalang diteruskan. Kita dapati pada ketika itu tension, ketegangan di kalangan rakyat Malaysia telah meningkat sehingga ke peringkat yang mana kita takut akan terjadi sekali lagi rusuhan kaum seperti yang berlaku pada tahun 1969. Tension yang kita lihat di Kuala Lumpur ini begitu sekali sehingga apabila seorang askar yang mungkin tidak siuman telah melepaskan tembakan yang terkena kepada 2-3 orang dan 2 daripadanya telah mati—seorang Cina dan seorang Melayu—maka, Kuala Lumpur menjadi lengang, tidak siapa pun berani keluar kerana mereka sangka akan ada rusuhan kaum berlaku. Kedai-kedai telah ditutup dan ramai juga yang telah keluar dari Kuala Lumpur kerana takut kepada rusuhan, takut berlakunya sekali lagi peristiwa-peristiwa yang kita lihat pada butan Mei 1969.

Ketegangan ini, Tuan Yang di-Pertua, disebabkan oleh tekanan-tekanan kepada perhubungan kaum dan soal-soal kaum dan yang utama dalam perkara ini ialah pemimpin-pemimpin parti DAP. Pemimpin-pemimpin parti DAP telah membangkitkan soal kaum bertalutalu, tiada isu yang tidak dikaitkan dengan kaum—soal guru Sekolah Cina, soal Bukit China, soal perkara-perkara yang biasa yang berlaku dalam masyarakat berbilang kaum ini telah ditalsirkan sebagai tekanan terhadap kaum orang Cina. Dan ini dibuat demikian rupa supaya mendapat satu reaksi daripada pihak MCA, sebuah parti Kerajaan. Mereka sengaja mencabar MCA, apakah pendirian MCA berkenaan dengan isu-isu kaum ini dan mereka meminta supaya MCA menunjuk bahawa kecinaan MCA adalah sama kuat dengan kecinaan DAP. Ini adalah satu perkara yang buruk, yang tak harus dilakukan di dalam negara kita kerana ini menyebabkan ketegangan kaum menjadi lebih buruk. Oleh kerana MCA dicabar, maka terpaksa pihak MCA yang merupakan parti yang sederhana kerana hanya parti sederhana sahaja yang ada dalam Barisan Nasional, MCA parti yang sederhana terpaksa menjawab, terpaksa bertanding dengan DAP untuk mendapat sokongan daripada orang-orang Cina dan dengan itu MCA juga mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyinggung perasaan kaum-kaum lain terutamanya orang-orang Melayu.

Reaksi daripada kenyataan-kenyataan DAP dan MCA ialah orang-orang Melayu berasa begitu marah sekali dan perasaan riireka telah meluap-luap sehingga mereka berasa terpisah daripada kaum orang Cina dan mereka berasa bahawa mereka harus membuat sesuatu tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah berkata bahawa sebabnya rakyat

berasa lega apabila Kerajaan mengambil tindakan Ops Lalang, bukanlah kerana perbuatan pemimpin-pemimpin DAP, tetapi sebenarnya kerana kita melarang pihak UMNO mengadakan rapat raksaksa yang dirancang. Kerana larangan inilah maka orang semua berasa lega, tetapi apakah orang takut akan rapat raksaksa UMNO? Sebenarnya, pada 11hb Mei tahun ini kita mengadakan rapat raksaksa dan tidak ada siapa berasa takut dan tidak ada siapa yang lari daripada Malaysia, bahkan ramai daripada Singapura yang datang untuk melihat rapat raksaksa yang ada di Johor pada 11hb Mei.

Apakah bezanya antara rancangan rapat raksaksa UMNO pada tahun 1987 dengan rapat raksaksa UMNO pada 11hb Mei tahun ini. Bezanya ialah suasana ketegangan yang wujud kerana kegiatan-kegiatan pemimpin DAP yang sengaja memburuk-burukan perhubungan antara kaum. Apabila tidak ada kegiatan ini maka tidak ada perasaan marah antara kaum, tidak ada ketegangan, maka rapat raksaksa boleh diadakan dalam keadaan yang aman. Jadi tidaklah benar berkata bahawa sebabnya yang ada ketegangan ialah kerana rapat raksaksa UMNO. Sebetum daripada rapat raksaksa itu pihak DAP dan pemimpin-pemimpin telah dengan sengaja membangkitkan isu-isu perkauman sehingga membakar hati orang-orang Melayu dan dengan itu terdapat ketegangan antara kaum. Jadi, ketegangan inilah yang menyebabkan rakyat berasa takut sehingga mereka sanggup lari daripada Kuala Lumpur kalau diadakan rapat raksaksa kerana mereka sangka rapat raksaksa ini akan mencetuskan rusuhan kaum, tetapi sepertimana kita tahu sebelum pun ada rapat raksaksa mereka sudah berasa takut apabila pihak askar telah menembak beberapa orang di Chow Kit.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah latarbelakang yang digambarkan tadi

oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai perbezaan dua insiden ini iaitu rapat umum yang dirancang pada 11hb November, 1987 dan rapat umum raksasa UMNO yang diadakan pada bulan Mei tahun ini yang menyebabkan rapat umum raksasa UMNO di Johor Bahru dihadiri oleh 20,000 orang dan bukan 500,000 orang yang dilaungkan khasnya oleh Setiausaha Agung UMNO dan keduanya, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa latarbelakang yang disifatkan tidak boleh diterima oleh ramai rakyat di Malaysia oleh kerana itu adalah satu distortion apa yang berlaku pada tahun 1987. (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itulah merupakan distortion. Apa yang saya kata ini adalah perkara yang benar. (*Tepuk*) Yang keduanya, saya sangka Ahli Yang Berhormat itu bukan pakar matematik dan dianya tidak boleh jumlahkan 20,000 ataupun 200,000. (*Tepuk*) Jadi, tidak perlulah saya jawab perkara-perkara yang semacam itu. Sebaliknya, marilah pula kita bandingkan suasana pada bulan Oktober-November, 1987 dengan tahun 1969. Tahun 1969 tidak ada rapat raksasa yang dilancarkan oleh UMNO—tidak ada sama sekali. Apa yang ada ialah ketegangan kaum kerana sekali lagi dalam pilihanraya tahun 1969 soal-soal berkaitan dengan kaum telah dipermainkan oleh pihak parti lawan. Enam minggu kita telah mengadakan kempen pilihanraya tahun 1969 dan isu-isu yang diperkatakan dalam pilihanraya itu ialah isu-isu berkenaan dengan kaum. Saya akui bahawa bukan satu pihak sahaja yang menimbulkan isu kaum, tetapi nampaknya reaksi kepada apa yang diperkatakan oleh pihak parti lawan telah menyebabkan perkara kaum ini dibincangkan dengan hangatnya semasa pilihanraya itu dan walaupun tidak ada rancangan rapat

umum pada tahun 1969, tetapi kerana ketegangan di antara kaum yang terdapat pada ketika itu, maka apabila sahaja pihak parti lawan mengadakan perayaan ataupun perarakan mereka, ini telah menyebabkan rusuhan berlaku sebagai reaksi kepada tindakan parti lawan. Jadi, untuk berkata bahawa rancangan mengadakan rapat umum UMNO inilah yang menyebabkan ketegangan dan pengharaman terhadap rapat umumlah yang menyebabkan rakyat berasa lega adalah tidak tepat.

Keduanya, pihak orang ramai tidak pun tahu sama ada 10,000 ataupun 100,000 yang akan hadir dalam rapat umum UMNO ini dan apa coraknya dan kita tahu bahawa Kerajaan mempunyai kawalan yang cukup untuk menentukan bahawa rapat umum UMNO akan dikawal dengan cukup sempurna dan UMNO memang patuh kepada arahan-arahan Kerajaan, tidak seperti parti lawan. (*Tepuk*)

Selain daripada masalah perkauman yang dibangkitkan oleh parti lawan yang menyebabkan ketegangan pada tahun 1987 ada juga kegiatan-kegiatan lain yang menambah ketegangan yang terdapat di kalangan rakyat di Malaysia, khususnya usaha-usaha mengkristiankan orang-orang Melayu yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Ini adalah satu perkara yang amat sensitif. Dianya begitu sensitif sehingga Kerajaan telah menentukan supaya tidak ada sebarang kegiatan mengkristiankan orang Melayu. Bukan sahaja selepas kita merdeka, bahkan sebelum kita merdeka satu daripada perjanjian dengan British apabila mereka dijemput untuk menjadi Penasihat kepada Kerajaan Negeri-negeri Melayu ialah tidak ada usaha-usaha untuk mengkristiankan orang-orang Islam dalam negara kita ini. Kalau ini dibuat maka mungkin akan berlaku rusuhan dan oleh kerana itu pihak British telah bersetuju, demikian juga apabila kita mencapai

kemerdekaan, satu daripada perkara yang dilarang ialah dakwah Kristian di kalangan orang-orang Islam, di kalangan orang-orang Melayu dan semua pihak telah patuhi dan ini telah menyebabkan perhubungan baik terdapat di kalangan kaum-kaum yang berlainan agama di dalam negara kita. Malangnya, terdapat satu kumpulan kecil yang sengaja cuba mengkristiankan orang-orang Melayu dan mereka telah berjaya sehingga ada dua, tiga kerat orang-orang Melayu yang memeluk agama Kristian

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat menunjukkan bukti yang menunjukkan bahawa segelintir orang ini yang mengkristiankan orang-orang Melayu ataupun orang-orang Melayu yang segelintir ini dikristiankan di luar negeri dan masuk balik ke negara ini. Jadi, itu perbezaan yang penting.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tunjuk kepada Ahli Yang Berhormat itu sendiri, tetapi saya tidak perlu tunjuk kepada seluruh rakyat kerana ini akan menimbulkan kegelisahan di kalangan mereka. Saya tahu bahawa ada orang Melayu yang dikristiankan di luar negeri ini dan kemudian balik untuk berusaha bersama-sama dengan rakan-rakan mereka untuk mengkristiankan orang-orang Melayu lain, terutama mereka yang kecewa kerana sesuatu sebab atau lain sebab dan usaha ini telah diketahui oleh beberapa

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Oleh kerana dalam hal perkara ini yang begitu sensitif ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional atau pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Ketua Pemuda UMNO, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan yang ada mengatakan bahawa ada beratus-ratus orang Melayu ada dikristiankan di tanahair ini. Adakah

ini benar? Kalau ini tidak benar, bukankah ini satu kelakuan, satu tindakan yang sangat tidak bertanggungjawab yang bermotif untuk membawa huruhara sungguhpun akan meningkatkan taraf politiknya tanpa apa-apa prinsip. (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau setakat hendak tepuk bila orang tanya sahaja, itu menghabiskan masa sahaja. (*Ketawa*) Selepas dengar jawapan, tepuklah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu paling ke belakang dan fikir tentang perkara-perkara yang berlaku pada tahun 1987 mungkin Ahli Yang Berhormat akan ingat tentang kenyataan yang dibuat oleh seorang tokoh daripada parti PAS yang berkata tidak kurang daripada 60,000 orang Melayu telah dikristiankan dan ini adalah satu kenyataan yang bahaya. Tetapi walaupun dia berkata 60,000 kita tidak mengambil tindakan untuk memasukkan dia dalam tahanan kerana kita berpendapat bahawa adalah lebih baik kita mengambil tindakan terhadap punca kenyataan ini dan puncanya ialah orang-orang yang berusaha untuk mengkristiankan orang-orang Melayu. Kalau ada Menteri yang berkata bahawa ada beberapa puluh orang Melayu ataupun berapa ratus, ini kurang daripada yang dinyatakan oleh parti PAS dan kalau hendak tangkap bukanlah tangkap Menteri, tangkaplah pemimpin parti PAS (*Tepuk*) yang sengaja buat kenyataan yang tidak berasas. Tetapi kita bertimbang rasa juga, bukan tidak bertimbang rasa dan kita mengambil segala kenyataan sebelum kita mengambil tindakan di bawah ISA.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebab-sebab yang mana ketegangan wujud pada tahun 1987 ialah sangkaan rakyat keturunan Melayu bahawa ada usaha-usaha untuk mengkristiankan orang-orang Islam dan mereka berasa khuatir kerana mereka mempunyai anak yang belajar

di luar daripada negara kita dan ada anak yang berhijrah ke bandar dan sebagainya dan memang mereka berasa takut, sebab itu ianya menambah kepada ketegangan. Kalau kita ingin mengambil tindakan maka tindakan itu tidaklah terhad kepada mereka yang terlibat dengan soal perkauman sahaja, tetapi juga mereka yang menambah kepada ketegangan itu dengan kegiatan yang sepatutnya tidak dijalankan seperti kegiatan mengkristiankan orang Melayu. Sebab itu apabila Operasi Lalang dilakukan maka kita tidak mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat dengan chauvinisme sahaja, dengan perkauman sahaja, tetapi juga kepada mereka yang terlibat dengan kegiatan lain yang menambah kepada ketegangan yang terdapat dalam masyarakat di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ada juga orang yang masih lagi terpengaruh dengan ideologi-ideologi komunis yang cuba menyebarkan fahaman ini dalam universiti umpamanya dan mereka juga telah diberi perhatian. Ada juga mereka yang lain daripada kumpulan-kumpulan pendesak yang sentiasa menghubungkan dengan kumpulan-kumpulan yang sama di luar negeri untuk mengecam dan memburukkan negara kita dan ini juga telah diberi perhatian. Sebab itu dalam Operasi Lalang bukan sahaja satu kumpulan yang dimasukkan dalam tahanan, tetapi semua yang terlibat, termasuk juga beberapa orang ahli UMNO yang telah cuba menegangkan lagi keadaan pada ketika itu dengan membuat reaksi terhadap parti DAP dan pemimpin-pemimpin DAP dan pemimpin-pemimpin orang Cina dan mereka juga dimasukkan

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat, ketika itu Menteri Belia dan Sukan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang sebenarnya ada

mengeluarkan kenyataan dengan begitu chauvinis tetapi Yang Amat Berhormat tidak mengambil tindakan terhadapnya. Walaupun saya faham cara yang dibuat untuk mencakup semua ini cara professional.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak dengar apa yang saya terangkan tadi. Mereka itu membuat kenyataan kerana reaksi mereka terhadap kenyataan daripada pihak pemimpin-pemimpin parti lawan. Kalau tidak ada, mereka tidak buat dan sekarang ini mereka tidak kata apa-apa pun kerana tidak ada sebab untuk mengadakan reaksi. (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat, kalau mereka bertanggungjawab mesti keluaran kenyataan seperti jangan kita berbuat begitu, ini secara chauvinis, ini secara kefanatikan, tidak boleh kita buat begitu. Saya sebagai Menteri, saya boleh cuba untuk mententeramkan keadaan, itu yang baik, tetapi ini tidak boleh, ada api dia taruh minyak pula. (*Ketawa*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mudah bagi Ahli Yang Berhormat berkata tetapi bila satu orang dengar sesuatu kenyataan yang begitu menyakit hati, telinga dia pun merah dan kita tidak tahan lagi hendak ambil tindakan serta-merta sebelum dia bercakap. Sama juga dengan parti DAP tidak boleh dikawal, kalau pemimpin tidak kata, yang kecil kata; kalau yang kecil tidak kata, yang besar pun kata juga, samalah juga.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Bukankah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa apa yang beliau terangkan dan kata di Dewan yang mulia ini yang akan dilaporkan dan dibaca oleh rakyat Malaysia ialah akan memeranjatkan mereka oleh kerana beliau sebenarnya kata bahawa Kerajaan atau pemimpin-pemimpin UMNO ada lesen untuk

buat apa, termasuk melancarkan rusuhan kalau mereka tidak suka. Sebenarnya apa yang berlaku dalam bulan Oktober 1987 kalau ada perlawanan ialah antara Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan bagi pihak UMNO dan UMNO Youth dengan Yang Berhormat Menteri Buruh bagi pihak MCA. UMNO lawan MCA, bukan DAP. DAP langsung tidak terlibat dalam masalah itu dan sebab itu Yang Berhormat Menteri Buruh lari ke Australia, (*Tepuk*) itu latar belakang, dan jangan memutar belit apa yang berlaku. Kita jadi mangsa antara pergaduhan MCA dan UMNO sahaja, tetapi Yang Berhormat Menteri lari ke Australia tidak apa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sengaja tidak mahu faham. Sebenarnya tidak ada perkelahian antara UMNO dengan MCA. Apa yang berlaku ialah kerana DAP cucuk MCA, MCA latah dan UMNO pun latah sama. (*Ketawa*) Kalau tidak ada DAP, seperti sekarang DAP tidak bercakap, tidak ada jadi apa. Tidak ada pun perkelahian antara UMNO dengan MCA. Menteri Buruh tidak kata apa, Menteri Belia dan Sukan tidak kata apa

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia hendak jelas, sudah jelas. 1 1/2 jam saya duduk di sini, sekali pun saya tidak kacau

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan yang akhir.

Perdana Menteri: Saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan yang akhir.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, sila duduk kalau Yang Amat Berhonnat tidak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Beh. MCA jelaskan sama ada benar atau tidak benar apa Yang Amat Berhormat kata, benar atau tidak benar? Berani atau tidak berani pemimpin MCA?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya parti MCA, tidak berani pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi pemimpin MCA ada mendengar, berdiri!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, jangan. Sila Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya berada dalam Dewan ini sepanjang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bercakap selama 1 1/2 jam, saya sedikit pun tidak kacau Ahli Yang Berhormat, kerana saya hendak beri peluang, ini adalah demokrasi dan dalam demokrasi, kita beri peluang kepada orang bercakap sepenuhnya, tetapi kalaulah Ahli Yang Berhormat ini jadi Perdana Menteri, barang dijauhkan Allah, (*Ketawa*) saya tidak dapat bercakap langsung. Kita tahulah keturunan DAP, bukan kita tidak tahu. (*Tepuk*) Kalau kita kaji keturunan DAP, kita akan tahu kalau DAP dapat jadi Kerajaan di Malaysia, parti lawan tidak ada. Itu kita kaji daripada segi sejarah, tetapi kita lebih liberal

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Perdana Menteri: Ya, kita berkawan dengan semua orang

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat-Yang Berhormat, jangan ganggu dari kerusi sana.

Tuan P. Patto: Kalau tntina penjelasan, Yang Amat Berhormat tentu tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ikut peraturan, Yang Berhormat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak Ahli Yang Berhormat daripada parti lawan boleh ikut Peraturan walaupun janggut dicukur pun "dok" macam itu juga. *(Ketawa)*

Tuan P. Patto: Cukur cuma janggut sahaja, saya masih ada, semangat masih ada, tetap.

Perdana Menteri: Nasib baiklah. Tuan Yang di-Pertua, hari ini rakyat dapat lihat apa dianya parti lawan dan apa kelayakannya, jadi rakyat boleh timbang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong suka sangat berkata bahawa tindakan Kerajaan ini dimarahi oleh rakyat,

Sebenarnya rakyat tidak marah, apa yang kita buat hari ini telah kita buat sejak tahun 1957 lagi. ISA sudah ada begitu lama dan tindakan memasukkan Ahli-ahli yang bercakap berkenaan dengan perkauman masuk dalam tahanan ini bukan perkara baru, mereka telah masuk dalam tahanan berkali-kali, tetapi tiap-tiap kali ada pilihanraya, nampaknya rakyat pilih parti itu juga, bermakna bahawa rakyat bersetuju bukan dengan parti lawan tetapi dengan parti Kerajaan, parti Barisan Nasional. *(Tepuk)* Kerana apa, Tuan Yang di-Pertua? Kerana ISA bukan repressive, bukan satu undang-undang yang menekankan rakyat, ianya memelihara rakyat daripada jenis orang yang suka mencetuskan huru-hara dalam negara kita. Sebab itu rakyat hendak kepada ISA kerana rakyat tahu bahawa tanpa ISA orang-orang yang tidak bertanggungjawab akan bercakap berkenaan dengan perkara-perkara perkauman, perkara-perkara agama,

cara yang boleh menyakitkan hati orang lain dan ini akan menyebabkan kehidupan rakyat terganggu dan mereka akan hidup dalam ketakutan. Sebab itu apabila kita mengambil tindakan di bawah Undang-undang ISA, rakyat memberi sokongan penuh.

Saya telah sebutkan tadi bahawa apabila tindakan ini diambil saya menerima telegram-telegram daripada seluruh negara yang menyokong tindakan Kerajaan. Jadi, tidaklah tepat kalau Ahli Yang Berhormat itu berkata, bercakap seolah-olah dianya mewakili semua rakyat, mungkin dia mewakili satu kumpulan rakyat tetapi amnya rakyat menyokong ISA kerana dia mencegah rusuhan. Sebelum daripada jadi rusuhan, dengan adanya ISA kita dapat menghalang rusuhan itu daripada berlaku, mencegah rusuhan itu.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Perdana Menteri: Saya ingat sudahlah, terima kasih. Ada banyak peluang lagi. Dua lagi Rang Undang-undang semacam ini juga boleh bercakap, Ahli Yang Berhormat daripada PAS pun boleh bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat tidak berdosa dan mereka tidak takut kepada ISA kerana mereka tidak mungkin membuat sesuatu apa pun, yang akan menyebabkan mereka dimasuk dalam tahanan kerana ISA. Hanya yang takut kepada ISA, yang berasa bahawa ISA ini repressive ialah mereka yang suka melepaskan cakap-cakap yang tidak bertanggungjawab, yang menyebabkan ketegangan terdapat dalam negara kita. Dan ini saya tidak boleh tolonglah. Kalau mereka berpendapat bahawa ISA ialah repressive maka memang ianya repressive kepada kumpulan yang suka hendak mencetuskan huru-hara dalam negara kita, yang suka membangkitkan soal-soal perkauman dalam negara kita.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, satu peluang daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perdana Menteri: Berilah, tidak mengapa.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada repressive atau tidak kalau seorang yang ditahan tanpa bicara di bawah ISA diseksa oleh Cawangan Khas. Saya berikan dua contoh, pertama Yusof Jamaluddin di mana ia dipukul sehingga buah pinggangnya rosak dan kes seorang lagi Encik Rahman Hamzah daripada Sarawak, beliau dipukul dan diberikan satu tayan "royal flush", di mana kepalanya dipaksa ke dalam "jamban" dan air dipancutkan. Dan dia juga dipaksa melancap, dengan izin, masturbate dengan sabun oleh pihak Cawangan Khas. Bukankah ini repressive apabila seseorang yang berumur 76 tahun, Encik Sim Mow Yu ditahan tanpa bicara, apabila seorang pesakit jantung ditahan tanpa bicara dan ini disokong oleh MCA, seorang yang berumur 76 tahun yang tidak berdosa. Bukankah ISA berdosa? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *(Tepuk)*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perbuatan yang semacam itu tidak diizinkan oleh mana-mana undang-undang dalam negara kita. Kalaupun berlaku perkara yang semacam itu maka pihak Kerajaan akan mengambil tindakan kepada siapa yang melakukannya. Bahkan sekarang ini pun kita sedang menyelidik tuduhan-tuduhan terhadap polis tentang apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Janganlah kita campur-aduk undang-undang ini dengan perbuatan yang tidak diizinkan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai walaupun mereka melakukan perkara ini. Ini tidak diizinkan. Oleh kerana dianya tidak diizinkan maka kita tidak

boleh menyalahkan ISA. Yang kita patut menyalahkan ialah orang-orang yang menyalahgunakan kuasanya, kuasa yang tidak diberi sehingga ke peringkat itu, kita memberi kuasa cuma untuk masuk dalam tahanan. Tentang umur Encik Sim Mow Yu, ia saya akui bahawa umurnya lebih tetapi dia masih giat, masih lagi menyebabkan ketegangan antara kautn dengan cara-caranya, dengan statementnya. Jadi kalau kita sudah tahu bahawa kita tidak begitu kuat, tidak boleh masuk dalam tahanan, lebih baik kita berdiam diri, jangan kita buat sesuatu yang akan menyebabkan kita dimasukkan dalam tahanan. Kalau kita tahu kita sakit jantung, awal-awal lagi kata kita sakit jantung jadi janganlah kacau sangat, macam saya ini, awak cuba hendak kacau. *(Ketawa)* Saya pun sakit jantung juga. Jadi janganlah beri saya marah pula.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)* Jangan cakap pula, duduk! Takut nanti sakit jantung. *(Ketawa)*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tahan. Setakat Ahli Yang Berhormat hendak bercakap itu tidak jadi masalah kepada saya, saya dengar 1 1/2 jam dia buat ucapan yang karut *(Ketawa)* tetapi saya tidak ada rasa apa, ucapan yang berbau politik. Ini kalau hendak bercakap tidak boleh lari daripada politik, kalau hendak buat soalan kepada saya, kalau tidak sebut, apakah MCA sokong ataupun tidak, itu politik, Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan itu political statement, tetapi mesti dibangkitkan jadi nampaknya Ahli Yang Berhormat bukan hendak mempertahankan hak kemanusiaan tetapi sebenarnya untuk mendapat satu reaksi daripada MCA yang boleh didengar oleh rakyat keturunan Cina dalam negara kita ini supaya dapat political advantage, itu sahaja. *(Tepuk)*

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyatakan bahawa ISA tidak mengizinkan perbuatan-perbuatan penyeksaan terhadap orang-orang tahanan ISA. Dan saya harap satu tindakan yang tegas akan diambil kepada penyeksa-penyeksa tersebut. ISA bukan juga repressive dari segi penyeksaan orang-orang tahanan tetapi juga repressive dari segi menafikan hak-hak asasi rakyat Malaysia kerana tidak memberikan mereka peluang untuk

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat janggan buat ucapan.

Perdana Menteri: Bila diberi peluang, buat ucapan pula. Saya sudah beri peluang kepada dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa yang minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi saya hendak membalas apa yang dihujahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh membalas, Yang Berhormat. Minta penjelasan sahaja boleh, kalau tidak minta penjelasan . . .

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu bukan minta penjelasan, itu buat ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, sama ada kalau ISA menafikan hak asasi rakyat, sama ada itu repressive atau tidak. Terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ada undang-undang seperti ISA dan pihak yang menggunakan undang-undang ini mestitah ikut peraturan. Dalam Dewan ini pun ada peraturan, dan peraturan berkata bahawa kita bahas secara teratur. Bukan waktu saya jawab ini baru hendak bahas. Awal-awal lagi Ahli Yang Berhormat dari Tanjung sudah bangun bercakap satu setengah jam, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bercakap, kita tidak kacau. Saya tidak kacau. Tetapi itu aturan peraturan kita. Kalau hendak bangun hendak tanya soalan, boleh tanya soalan, tetapi kalau hendak debate waktu ini sudah lampau masanya. Masa kita debate ialah masa kita debate. Ini masa saya jawab dan saya harap saya boleh diberi peluang menjawab juga. Kalau tidak beri peluang, ini memanglah cara Parti DAP. Dalam parti dia pun tidak boleh hendak bahas kerana dalam parti dia pun ada juga ISA. ISA dalam DAP (*Tepuk*). Sesiapa yang cuba melawan dengan Setiausaha Agungnya akan disingkir daripada parti. Itu ISA DAP. Tidak termasuklah dalam undang-undang negara, tidak disebut pun dalam aturan peraturan mesyuarat DAP. Tetapi itulah yang kita tahu berlaku dalam DAP.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat selalu menyebut tentang pandangan dunia terhadap kita. Kononnya kerana peristiwa Operasi Lalang ini dunia telah memandang hina kepada kita dan marah kepada kita. Tetapi apa buktinya? Yang kita tengok ialah kumpulan-kumpulan yang terkenal di dunia ini yang tidak ada kerja lain melainkan hendak campur tangan dalam urusan negara-negara lain. Mereka itu selalunya membuat kenyataan yang memburukkan Malaysia. Mereka ini kita tahu, kita sudah duga daripada lama, apa juga kita buat tidak pernah kena kepada mereka dan kita tidak akan berusaha untuk mendapat pujian daripada

kumpulan ini kerana kumpulan ini tidak tahu puji. Kalau kita buat baik, dia tidak kata apa pun. Kalau pada pandangan dia terdapat silap sedikit itu sahaja yang dia sebutkan. Jadi, saya tidak mengambil hirau kumpulan-kumpulan ini yang ada perhubungan rapat dengan kumpulan-kumpulan tertentu dalam negara kita. Kumpulan-kumpulan tertentu dalam negara kita ini sentiasa mendapat berhubung dengan kumpulan-kumpulan di luar negeri ini khas untuk memburukkan negara kita sendiri. Dan yang penting bagi kita ialah orang-orang yang mendatangkan faedah dan mantaat kepada negara kita ini.

Kita lihat bahawa sama ada Operasi Lalang ataupun tidak, mereka yang boleh mendatangkan manfaat kepada negara kita ini tidak mempunyai pandangan buruk terhadap negara "Malaysia. Bahkan mereka membuat kenyataan-kenyataan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang aman yang mempunyai Kerajaan yang demokratik di mana keadilan terdapat dan mereka tidak berasa khuatir untuk datang ke Malaysia sebagai pelancong, sebagai pelawat dan mereka tidak khuatir untuk melabur dalam negara kita. Kalau jadi sesuatu pertelingkahan dalam pelaburan mereka, mereka tahu bahawa di negara ini mereka akan mendapat keadilan, akan mendapat arbitration yang memberi pertimbangan yang wajar kepada mereka. Sebab itu hari ini kita lihat bagaimana banyaknya bertambah pelaburan asing dalam negara kita dan bagaimana banyaknya pelancong-pelancong datang ke Malaysia. Orang ini mendatangkan manfaat kepada kita dan kita menghargai pandangan mereka. Dan mereka tidak mengkritik kita tentang Operasi Lalang. Bahkan ada pihak-pihak mereka yang begitu tertarik dengan cara-cara kita di Malaysia, dengan undang-undang yang terdapat di Malaysia terutama undang-undang berkenaan dengan dadah yang mana ramai daripada mereka berkata

bahawa inilah undang-undang yang berkesan dan mereka berharap negara mereka juga akan dapat mengadakan undang-undang yang sama. Jadi, kita tahu bahawa segala cemuhan yang kita terima kerana Operasi Lalang adalah perkara biasa daripada kumpulan-kumpulan yang tidak perlu kita memberi perhatian sama sekali. Mereka ini akan kecam kita apa juga yang kita buat.

Dalam hubungan ini, ingin saya jelas bahawa kita mengamalkan demokrasi dan dalam demokrasi memanglah Kerajaan menjadi sasaran dan kita akan ditegur. Kita akan ditegur terutamanya oleh pihak parti lawan. Kita anggap parti lawan dalam negara kita ini sebagai sesuatu yang amat penting bagi menentukan ada demokrasi di dalam negara kita kerana kita tahu bahawa kalau tidak ada parti lawan langsung maka kita akan melakukan benda-benda yang salah tanpa mengetahui bahawa dianya salah. Adanya parti lawan bermakna bahawa kalau kita bersalah maka parti lawan boleh menarik perhatian kita kepada perkara yang salah ini ataupun perkara-perkara yang ternampak sebagai salah walaupun tidak salah. Dalam negara kita ini kita mempunyai parti lawan khususnya parti DAP, parti PAS. Mereka adalah sebagai cermin supaya kita dapat melihat muka kita, parti Kerajaan ini. Malangnya cermin ini retak dan cacat. Tetapi walaupun retak, cacat dan mengejek kita tetapi apa boleh buat, ini sahaja yang kita ada dan kita terimalah. Nampaklah juga, kadang-kadang nampak sebelah mata, nampak sebelah hidung dan apa semua tetapi ini sahaja cermin ada dan kita gunakan cermin ini.

Ahli Yang Berhormat tidak perlu khuatir bahawa dia akan dimasukkan ke dalam tahanan kerana mengkritik Kerajaan. Mengkritik Kerajaan adalah perkara yang diterima oleh pihak Kerajaan tetapi saya ingin memberi amaran kepada semua sama ada

daripada Kerajaan ataupun daripada parti lawan, kalau cuba menggunakan soal-soal perkauman untuk menegangkan keadaan dalam negara kita ini maka kita tidak akan teragak-agak untuk memasukkan orang itu dalam tahanan. Dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dimasukkan ke dalam tahanan, sebabnya bukan kerana mengkritik Kerajaan. Hari-hari kita dengar kritik terhadap Kerajaan. Bukalah suratkhbar manapun termasuk *Straits Times*, juga mengkritik Kerajaan, tak siapa pun masuk dalam tahanan kerana kritik Kerajaan. Tetapi kalau bangkit soal kaum, cuba memainkan peranan menghasut kaum untuk merusuh maka kita akan kenakan undang-undang ISA.

Tuan P. Patto: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat sepanjang yang saya mendengar, Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa orang-orang yang ditangkap dan ditahan di bawah ISA adalah mereka yang mengeluarkan kenyataan dan ucapan-ucapan dan baru sebentar tadi pun mengulangi mengatakan ditangkap di bawah ISA ini adalah kerana ucapan kenyataan dalam akhbar-akhbar yang menghasut rakyat untuk melakukan rusuhan. Kalau ini satu kenyataan yang benar, mengapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Kerajaan tidak mahu menggunakan Akta Hasutan yang sedia ada untuk menghadapi setiap orang yang dikatakan menghasut melalui membuat kenyataan dan ucapan-ucapan itu di Mahkamah supaya mereka ini boleh membela diri dan bukan menggunakan ISA untuk menahan selama-lamanya sesuka hati di dalam kem tahanan oleh kerana ISA tidak memberi peluang kepada orang yang ditahan itu untuk membela diri. Kalau menghasut, kalau membuat ucapan kenyataan dalam akhbar atau di mana-mana, bawa saja ke Mahkamah dan gunakan Akta Hasutan. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan main muzik di sini, Yang Berhormat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tak faham tentang peruntukan ISA ini. Peruntukan ISA ini adalah untuk mencegah, dia sebelum sampai ke tahap yang mana kenyataan itu dibuat dengan rusuhan berlaku selepasnya yang mana itu akan menjadi bukti.

Tentang penilaian terhadap kenyataan-kenyataan yang dibuat itu, memang ada berlainan antara penilaian yang dibuat oleh pihak yang dipertanggungjawabkan iaitu pihak Polis dan Kementerian Dalam Negeri dan Menteri yang berkenaan dengan pihak Mahkamah. Di antara dua orang itu pendapat berkenaan dengan sesuatu perkara adalah berbeza terutama pendapat berkenaan dengan apa yang akan berlaku, bukan apa yang sudah berlaku tetapi apa yang berlaku. Pihak Kerajaan berkata bahawa kenyataan ini akan membawa kepada rusuhan, pihak lain akan berkata tidak. Pihak parti lawan sudah tentu akan berkata tidak dan pihak mahkamah mempunyai pendirian yang lain. Sebab itu

Seorang Ahli: Penjelasan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, minta bersabar, kalau saya hendak jawab penjelasan, macam mana saya boleh hendak jelaskan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat kacau begini. Sabarlah, ada dua lagi Bil yang sama, nanti cakaplah. Boleh. Terima kasih.

Ini adalah perkara yang subjektif iaitu pendapat seseorang memang berbeza dengan pendapat orang yang lain dan Kerajaan diberi tanggungjawab berkenaan dengan perkara ini. Sebab itu kita mengadakan undang-undang ini iaitu pihak Kerajaan yang akan menentukan sama

ada kes ini sepatutnya dimasukkan dalam tahanan ataupun tidak. Kalau kita bawa kepada mahkamah penilaian yang dibuat oleh mahkamah berbeza sama sekali dan mereka boleh kata: Oh! ini tidak mengancam keselamatan.

Dalam keadaan semacam ini, kita tidak boleh bergerak. Kita terpaksa bergerak dengan pantas untuk menghalang sesuatu rusuhan daripada berlaku. Kalau kita hendak bawa kepada mahkamah, ianya akan mengambil masa yang lama. Di masa itu mungkin rusuhan telah pun berlaku, orang sudah pun dibunuh seperti yang berlaku pada tahun 1969 di mana begitu ramai orang dibunuh, rumah dibakar dan bermacam-macam kejadian berlaku. Kalau hendak tunggu sehingga dibawa kes itu ke mahkamah, selepas satu mahkamah dia appeal kepada mahkamah yang lain, selepas itu bicara yang akan mengambil masa satu tahun, dua tahun atau tiga tahun. Semasa itu akan berlaku bermacam-macam rusuhan dalam negara. Sebab itu kita menggunakan Undang-undang ISA dan untuk menjalankan Undang-undang ISA, maka penilaian mestilah dibuat oleh pegawai yang diberi tugas dan kalau pegawai itu sudah pun membuat keputusan bahawa ini merbahaya kepada keselamatan dalam negara, kita mengambil tindakan serta merta. Yang penting ialah tindakan serta merta supaya ianya berkesan. Kalau tidak, tidak ada gunanya undang-undang pencegahan seperti yang kita adakan di sini.

Saya berpendapat dan ramai rakyat dalam negara kita ini berpendapat bahawa keamanan dalam negara kita ini tercapai kerana ada Undang-undang ISA yang memberi kuasa kepada Kerajaan mengambil tindakan dengan serta merta. Kalau kita lihat negara-negara lain yang mana penduduknya terdiri daripada berbagai kaum, kita akan dapati bahawa ramai daripada negara-negara itu mengalami

rusuhan kaum yang tidak berputus-putus, bukan satu tahun, bukan dua tahun. Bahkan kadang-kadang ber-puluh tahun dengan ramai kematian, ramai orang yang tidak ber-salah, yang tidak berdosa telah pun mati kerana tidak dapat mengambil tindakan serta merta di waktu perkara ini belum merebak dan menjadi satu perkara yang begitu besar sehingga tidak dapat dikawal. Tidak perlulah saya sebutkan negara-negara yang mana terdapat rusuhan kaum seperti yang saya sebutkan tadi.

Kita boleh lihat dan kita boleh baca dalam akhbar hari-hari kadang-kadang, di sana 30 orang, di sini 20 orang, askar terpaksa kejar ke sana, ke sini, menembak mati orang ramai dan askar pula dibunuh. Bermacam-macam berlaku. Apakah kita harus menunggu sehingga perkara itu berlaku dalam negara kita sebelum kita bertindak?

Tujuan kita mengadakan Undang-undang ISA ialah supaya kita dapat, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, nip in the bud. Sebelum perkara ini melarat kita mesti ambil tindakan dan kita tidak boleh tunggu proses biasa undang-undang yang mana sebelum kita mengambil tindakan tiap-tiap rakyat berhak untuk mempertahankan dirinya di daiam mahkamah. Kerana proses ini walaupun mematuhi kehendak-kehendak demokrasi tetapi ia sendiri mengancam demokrasi itu.

Kalau kita tidak ada keamanan dalam negara kita ini tidak ada makna adanya demokrasi. Apakah maknanya demokrasi kalau setiap hari rakyat dibunuh, disiksa oleh kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab. Jadi, tidak perlulah kita bangunkan kenapa kita tidak bawa ke mahkamah dan sebagainya. Undang-undang ISA ini dibentuk demikian rupa kerana kita tahu kelemahan-kelemahan cara-cara biasa melaksanakan undang-undang dalam sistem demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, kerana adanya Undang-undang ISA ini rakyat berasa lega dan tidak khuatir akan masa depan mereka dan orang-orang yang tertentu juga tidak harus berasa khuatir.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyebut tentang seorang yang dahulunya dimasukkan dalam tahanan, sekarang ini menjadi Menteri. Ahli Yang Berhormat pun boleh juga mempunyai cita-cita untuk jadi Menteri kalau dia dapat revise opinion dia dan masuk Barisan Nasional (*Ketawa*) dan sebagainya. Kita terima, kita tak marah kepada orang ini bila dia sudah bertaubat dan kata kepada dunia dia tak akan buat lagi. Kita terima. Saya sedar bahawa ada Menteri dalam Kerajaan sekarang ini yang dahulunya dimasukkan dalam tahanan dan dia sekarang ini tidak pun mengatakan bahawa undang-undang ini patut dimansuhkan.

Sekarang ini dia sedar betapa pentingnya adanya undang-undang ini. Hari ini dia tidak ada di sini—minta maaf—dan mungkin juga Ahli Yang Berhormat itu kalau ubah fikiran dan ubah tabiat dia dan masuk jadi Menteri dalam Kerajaan dia pun akan menyokong supaya digunakan Undang-undang ISA ini juga, bahkan kalau dia dapat jadi Kerajaan, saya ingat lagi kuat ISA digunakan—Kerajaan DAPlah itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang disebut-sebut berkali-kali oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dalam Dewan, luar Dewan dan di mana-mana juga ialah berkenaan dengan kebebasan mahkamah, dengan izin, Independence of the Judiciary.

Sebenarnya dalam dunia ini tidak ada mahkamah yang bebas. Semua mahkamah tertakluk kepada undang-undang. Dianya tidak boleh bergerak di luar daripada undang-undang itu. Ini bukan zaman dahulu yang mana

hakim boleh menjatuhkan hukuman mengikut budibicaranya. Kadang-kadang dia suruh orang yang salah itu pergi bekerja dengan orang yang menyalahi dan lain-lain lagi ataupun kadang-kadangnya dia suruh jangan hisap rokok ataupun apa-apa hukuman. Itu di zaman dahulu boleh, zaman sekarang tak boleh. Undang-undang akan menentukan bahawa hukuman bagi sesuatu kesalahan itu adalah sekian-sekian, berapa bulan jel, berapa tahun jel ataupun bayar denda ataupun kena sebat. Ini semuanya ditentukan oleh undang-undang dan hakim tidak boleh kata, "Walaupun undang-undang kata demikian, saya bebas, saya boleh bagi hukuman ikut suka saya". Ini tak boleh. Dalam mana-mana negara pun yang mengamalkan sistem demokrasi, hakim tertakluk kepada undang-undang. Kalau undang-undang berkata bahawa "Hukuman kesalahan ini ialah hukum mati mandatori"; hakim tidak boleh kata dia salah, tetapi saya tidak mahu hukum mati. Dia tidak bebas. Dia tertakluk kepada undang-undang. Hakim mahkamah mesti ingat bahawa dalam negara kita ada dua kuasa sebenarnya yang membuat undang-undang.

Satu, ialah Dewan yang mulia ini dan Dewan-dewan yang lain. Undang-undang dibuat oleh Dewan ini kerana inilah kehendak rakyat yang memberi sokongan majoriti ataupun yang telah diperakui oleh demokrasi sebagai pihak yang berkuasa.

Kalau kita hendak suruh tiap-tiap seorang rakyat membuat undang-undang agak sukar, oleh kerana itu kita mengadakan Dewan Rakyat untuk membentuk undang-undang. Dan kalau undang-undang itu didapati tidak berkesan maka Dewan ini juga berhak untuk membatalkan atau meminda undang-undang itu. Ini kuasa utama membuat undang-undang dan membatalkan undang-undang atau meminda undang-undang.

Kadang-kadang mahkamah juga membuat undang-undang, secara tidak langsung. Dengan membuat sesuatu keputusan dalam perbicaraan yang mana keputusan ini akan digunakan oleh mahkamah-mahkamah lain, dalam kes-kes yang sama yang akan datang. Jadi, secara tidak langsung, mahkamah membuat undang-undang yang menguasai segala hakim-hakim dan mahkamah-mahkamah lain pada masa akan datang. Malangnya, kadang-kadang mahkamah juga membatalkan undang-undang ataupun mengeneppikan undang-undang ini.

Terjadi kes yang mana satu Mahkamah Tinggi membuat sesuatu keputusan dan kita percaya bahawa keputusan itu adalah keputusan muktamad dan kalau kita membuat sesuatu kita akan dihukum mengikut keputusan itu. Malangnya, kadang-kadang ada mahkamah yang tidak mahu mengikut keputusan kes yang lama ataupun mahkamah yang lama walaupun mahkamah itu adalah mahkamah yang tinggi. Mereka membuat keputusan yang berlainan. Ini menyebabkan rakyat berasa gelisah.

Kita seharusnya secara umum tahu akan undang-undang dalam negara kita, dan dalam tindak-tanduk kita, kita tidak melanggar undang-undang. Tetapi kalau kita berpendapat mengikut keputusan mahkamah kita tidak melanggar undang-undang, sebaliknya apabila kita melakukan sesuatu kita pergi kepada mahkamah, mahkamah kata, "saya tidak pakai undang-undang lama, ini saya hendak buat undang-undang baru". Ini akan menimbulkan perasaan amat gelisah di kalangan rakyat dan ini berlaku. Sebab itu, kadang-kadang kalau ini berlaku maka tindakan mestilah diambil untuk menentukan apa dianya sebenar undang-undang yang mana undang-undang ini mesti dipatuhi oleh semua mahkamah, iaitu kalau satu mahkamah sudah mengeneppikan keputusan

mahkamah yang lama maka Dewan Rakyat ini boleh membuat satu undang-undang yang menentukan kedudukan yang sebenar undang-undang ini. Dan ini telah cuba kita buat pada hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bukankah Yang Amal Berhormat Perdana Menteri apabila penolakannya bahawa di Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional menemna prinsip kebebasan kehakiman membuat satu tafsiran atau interpretasi kepada prinsip kebebasan kehakiman yang sangat sempit, tentu mahkamah-mahkamah dan hakim-hakim mahu mengikut undang-undang. Tetapi erti prinsip kebebasan kehakiman ialah satu doctrine, fundamental dalam Perlembagaan kita mengenai pengasingan kuasa di mana bagi pihak Eksekutif pun ada batasan dalam menggunakan kuasa dan mahkamah ialah satu badan antara tiga badan atau cawangan (branch) Kerajaan yang boleh mengkaji apa tindakan-tindakan eksekutif yang melampaui batasan kuasa itu. Itulah doctrine, bukan bererti bahawa hakim-hakim atau mahkamah-mahkamah tidak perlu mengikut undang-undang tetapi satu doctrine di mana untuk mencegah total abuse of power bagi pihak Eksekutif.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah pendapat Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya kita membahagikan kuasa dalam negara kita ini kepada tiga dengan peranan tertentu. Yang pertamanya ialah pihak yang membuat undang-undang iaitu Legislature seperti Dewan Rakyat ini, pihak yang menguatkuasakan segala urusan Kerajaan—Eksekutif, dan pihak yang mengadil. Dan kalau dalam pengadilan itu pihak itu pula membuat undang-undang yang bercanggah dengan undang-undang yang dibuat oleh pihak yang diberi tugas untuk membuat undang-undang ataupun pihak mahkamah mengambil alih tugas Eksekutif, maka ini sudah bermakna

bahawa satu pihak telah melanggar pihak yang lain.

Apa yang kita cuba buat di sini ialah menentukan bahawa tiap-tiap satu pihak itu menjalankan tugasnya. Tidak ada timbal balas dalam perkara ini. Inilah yang kita harapkan. Kalau pihak mahkamah mengambil alih tugas Eksekutif maka ini bermakna bahawa tugas dengan kuasa sudah bertimbaltindih. Ini harus dielak untuk mengelak daripada kekeliruan dalam pentadbiran negara; dan ini kepada saya amat jelas sekali. Undang-undang harusnya dibuat oleh Dewan ini dan kalau pihak lain membuat undang-undang dan undang-undang ini tidak secukup dengan kehendak rakyat maka Dewan ini berhak untuk membetulkan undang-undang itu ataupun menjelaskan undang-undang itu—memindanya supaya rakyat faham tentang apa dianya undang-undang. Dan ini perlulah dipatuhi oleh pihak mahkamah yang bebas hanya setakat mentafsirkan undang-undang itu sahaja. Bukan boleh bebas buat apa sahaja. Bukan bebas untuk memanggil Eksekutif dan berkata bahawa awak mesti buat ini. Itu bukan kebebasan mahkamah.

Demikian juga mahkamah bukan bebas untuk mengambil alih tugas membentuk undang-undang dalam negara kita ini. Kalau begitulah luasnya kebebasan yang dimaksudkan maka lebih baik lagi kita tidak ada langsung Dewan ini dan serah sahaja Eksekutif dan letak di bawah mahkamah. Dan oleh kerana proses mahkamah adalah proses pengadilan yang mengambil masa, saya kluatir pentadbiran sesebuah negara tidak dapat berjalan kerana pentadbiran hanya boleh berjalan kalau kita boleh membuat keputusan dengan secepat mungkin dalam kes-kes tertentu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa saya tidak dapat hendak convince Ahli Yang Berhormat dan ini

satu exercise in futility, satu usaha yang tidak akan berhasil. Jadi, saya terimalah bahawa Ahli Yang Berhormat tidak akan bersetuju dengan saya walaupun saya memberi penjelasan 1001 kali.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang telah disebut tentang

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Amat Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya sekadar untuk mencelah bagi mendapat pandangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya ingin melihat masalah ISA ini dalam sudut yang agak berbeza sedikit iaitu mengikut kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi bahawa ISA ini tidak bersalah, yang salahnya ialah soal pelaksanaannya nanti. Dari segi hendak menjamin keadilan bahawa ISA itu tidak disalahgunakan.

Baik, sekarang ini fungsi untuk mendapat keadilan mahkamah sudah diserahkan kepada Eksekutif, begitulah maksudnya. Jadi, macam manakah proses jaminan daripada pihak Kerajaan bahawa ianya tetap akan berlaku adil dan tidak ada penganiayaan, Bagaimanakah prosesnya nanti apabila seseorang itu ditahan di bawah ISA ataupun menerima order of detention dari segi perlanjutan tempoh ke atas tahanan. Bagaimanakah proses ini dibuat. Memang melalui pegawai-pegawai dan committe-committe. Bolehkah Yang Amat Berhormat menjelaskan proses bagi menjamin keadilan ini, sebab perkara ini perkara basic dari segi masalah kemanusiaan, dari segi human rights terhadap seseorang rakyat. Terima.kasih.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjelas satu persatu tingkat kerja-kerja yang perlu dibuat sebelum seseorang itu dimasuk ke dalam tahanan. Yang saya boleh jamin ialah kita mempunyai proses untuk menjamin supaya penyalahgunaan kuasa tidak berlaku di katangan pihak Eksekutif. Dan ini setakat yang mampu kita buat, walaupun kita mempunyai bermacam-macam proses tetapi dia tidak menjamin bahawa kesalahan tidak berlaku. Tetapi kalau kita hendak tunggu sehingga kita mendapat manusia yang perfect, yang tidak akan buat salah sebelum kita melantik dia menjadi pegawai, maka kita mungkin terpaksa tunggu sampai kiamat kerana hendak mencari manusia yang semacam itu agak sukar. Sebab itu kita terpaksa bergantung kepada kepercayaan kita kepada pegawai yang telah dipilih. Kalau ada penyelewengan, kita akan mengambil tindakan tetapi hendaklah kita mendapat bukti dahulu sebelum kita mengambil tindakan kepada pegawai yang dituduh sebagai menyalahgunakan kuasa yang ada kepadanya.

Saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kita menimbang perkara ini secara teliti dengan cara yang cukup tersusun sebelum pihak Menteri mengeluarkan perintah tahanan dan ini kita semua terpaksa terima kerana inilah sistem yang mampu diamalkan oleh mana-mana Kerajaan sekalipun.

Dalam soal keselamatan ini yang menjadi pakar ialah pegawai-pegawai polis dan pihak yang telah ditugaskan. Mereka adalah pakar dalam perkara ini dan tiada pihak yang lain yang boleh berkata bahawa dia pakar dalam bidang keselamatan. Seperti mana kita semua maklum dalam mahkamah, apabila perkara-perkara yang istimewa berlaku, maka mahkamah akan memanggil pakar. Umpamanya dalam bidang perubatan, mahkamah akan

mendengar pendapat daripada doktor yang dianggap sebagai pakar dalam bidang perubatan dan pendapatnya mestilah diterima oleh mahkamah. Mahkamah tidak boleh berkata bahawa mahkamah lebih pakar daripada pakar yang dijemput untuk memberi penerangan. Kalau mahkamah berlagak sebagai pakar dalam bidang itu, maka tidak perlulah kita mengadakan pakar yang datang menjelaskan sesuatu kepada mahkamah.

Dalam keadaan yang semacam itu kita khawatir ketidakadilan akan berlaku kerana mustahil pihak Hakim juga adalah pakar dalam bidang perubatan, umpamanya. Demikian juga dalam bidang keselamatan. Dalam bidang keselamatan yang menjadi pakar ialah pegawai-pegawai yang ditugaskan. Oleh kerana itu kita terpaksa menerima pendapat pegawai-pegawai ini dan Hakim juga harus menerima pendapat pegawai-pegawai ini. Kalau pegawai-pegawai ini berkata bahawa kes ini merbahaya kepada keselamatan, pihak Hakim dan pihak Kerajaan terpaksa menerima kerana mereka adalah pakar dalam bidang ini. Kalau pihak Hakim membuat pendapat bahawa mereka lebih pakar daripada pakar, maka sistem perundangan dalam negara ini tidak dapat berjalan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang disebutkan ialah berkenaan dengan Common Law. Common Law ini disebut sebagai satu alasan kenapa macam-macam keputusan boleh dibuat. Common Law ini common kepada siapa? Ini yang kita hendak tanya. Kita pinjam Common Law ini daripada Britain. Di Britain ini Common Lawnya adalah khusus untuk benda yang common di United Kingdom—di Britain—di England, Wales, Northern Ireland dan Scotland. Tetapi apakah boleh kita kata benda yang common di negara itu juga common di Malaysia?

Pada suatu ketika dahulu pihak di Britain berpendapat, seseorang yang mencuri kambing, umpamanya, harus dihukum mati. Tetapi sekarang mereka menukar pendapat mereka. Apakah kita harus mengikut pendapat mereka berkenaan dengan apa yang harus dibuat kepada seseorang yang melakukan sesuatu jenayah? Kalau kita pinjam selalu sangat dengan apa yang berlaku di Britain, maka kita akan melakukan ketidakadilan kepada rakyat Malaysia yang tidak tahu bahawa perkara itu adalah common kerana di Malaysia tidak common. Sebab itu Common Law di Malaysia mestilah berasaskan kepada apa yang common dalam Malaysia. Kita tidak berkata bahawa di Malaysia ini yang common ialah kita mengenyahkan Hakim.

Kita memandang tinggi kepada Hakim dan mahkamah dan kita patuh kepada hukum-hukum yang dikeluarkan oleh pihak Hakim. Tetapi ini tidak bermakna bahawa kalau Hakim membuat sesuatu yang salah, Hakim tidak harus ditegur kerana di negara-negara lain juga teguran terhadap Hakim dibuat sepanjang masa. Walaupun kita tidak mahu mengambil contoh di luar negeri, saya ingin menyatakan di sini semasa saya berada di Boston, umpamanya, berkenaan dengan satu kes yang mana Hakim telah memutuskan bahawa dua orang suspects dalam kes pembunuhan seorang kanak-kanak tidak boleh kononnya disoal oleh pihak polis. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya baca di sini. Kenyataan ini dibuat oleh Lord Mayor of Boston yang bernama Flint dan di sini headlinenya berkata—"Flint assails judge in Moore murder case". Kata Flint, "What kind of law is it that tells police officers they can't interrogate two people who are suspects in the callous taking of a little girl's life".

Kalau di Malaysia, kalau kita buat teguran macam ini mungkin kita akan dicall-up kerana contempt of court.

Tetapi ini common kepada negara lain tetapi tidak common kepada Mataysia. Jadi kita tidak boleh tumpang sangat pendapat-pendapat luar negeri ini keadaan mereka berbeza dengan kita.

Sebagai satu contoh, umpamanya, di negara kita ini kita menganggapkan perhubungan jenis antara lelaki dengan lelaki sebagai sesuatu jenayah, sesuatu keganjilan yang tidak harus dilakukan tetapi di Amerika Syarikat orang yang melakukan perhubungan secara ini telah dapat pampasan sebanyak \$4 juta kerana mengadakan relationship dengan Rock Hudson. Bermakna bahawa masyarakat mereka mengalu-alukan kerja semacam ini dan sanggup membayar wang. Bahkan di California baru-baru ini satu undang-undang telah diluluskan iaitu kalau dua orang lelaki sudah berkahwin ataupun duduk bersama dan seorang lelaki daripadanya sudah meninggal, itu dianggap sebagai ceraian dan dia boleh meminta pampasan daripada kawannya. Ini sudah menjadi begitu ganjil dan undang-undang yang sama juga diluluskan di Denmark.

Apakah kita hendak ikut fikiran yang semacam ini? Ataupun baru-baru ini sebuah mahkamah telah membuat keputusan bahawa adalah hak seseorang rakyat untuk membakar bendera Amerika Syarikat kerana marah kepada pihak-pihak tertentu. Di negara kita ini kita hormati Bendera kita. Kalau ada yang hendak membakar Bendera kita dia sepatutnya terdiri dari warganegara asing, barulah kita fikir munasabah tetapi kalau rakyat pula boleh bakar, boleh buat macam-macam kepada Bendera Negara sendiri, maka soalnya yang kita bangkitkan ialah, apakah orang ini setia kepada negara?

Berkenaan dengan soal kesetiaan, Ahli Yang Berhormat marah sekali apabila dituduh ianya tidak setia kepada negara. Saya berpendapat bahawa kesetiaan bukan semata-mata bergantung kepada kenyataan

"saya setia". Ianya bergantung kepada perbuatan kita. Kalau kita meminta orang asing memburukkan negara kita, ini adalah tindakan yang tidak setia. Umpamanya, kalau seorang yang menjadi warganegara Malaysia, pemimpin dalam Malaysia meminta supaya negara asing mengambil tindakan memburukkan ekonomi kita dengan menarik balik GSP supaya pekerja kita tidak dapat kerja, apakah ini tindakan orang yang setia kepada negara kita? (*Tepuk*) Ini harus kita soalkan. Bukan cakap, "saya setia", tetapi perbuatan itu yang lebih penting. Sepatutnya kalau Yang Berhormat itu setia, dia akan mengutuk tindakan yang dibuat oleh orang yang meminta supaya Amerika Syarikat menarik balik GSP. Tetapi kita tidak dengar dia mengutuk. Ini bermakna bahawa dianya menyokong tindakan yang semacam itu yang membuktikan ketidaksetiaan orang tertentu.

Jadi, kalau kita setia, kita mesti jaga kepentingan negara kita terutama sekali bukan sahaja membuat pengakuan, "Saya setia!", "Saya setia", "Saya setia!", lepas itu kita cari jalan untuk memburukkan negara kita.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah soal natural justice. Apakah yang natural sangat dengan justice ini? Saya tidak faham apa dia natural justice. Kita selalu sangat dengar ini natural justice. "Natural" bagi siapa? Kalau "natural" bagi orang Barat, apa dia "natural" bagi kita? Ini juga hendak kita soal sama dengan Common Law. Tentang konsep judicial review, kita tidak nafi, patut ada judicial review, tetapi kalau semua tindakan rakyat dikenakan judicial review maka kita tidak boleh dapat bergerak dalam negara kita ini dan sekarang ini apa juga yang kita buat dalam Kerajaan boleh dibawa ke mahkamah sehingga kita tidak boleh bergerak. Jadi, ini adalah Western concept yang kita tidak dapat terima 100%. Kita harus ukur dengan keadaan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita hormat mahkamah dan kita hormat hakim-hakim. Kita tidak menegur mereka. Kita cuma mengambil tindakan untuk membetulkan undang-undang. Ini yang sedang kita usahakan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apakah semua rakyat dalam Malaysia ini menunjuk sikap hormat kepada mahkamah? Pihak parti lawan, pihak Ahli dari Tanjong khususnya mengatakan bahawa kita tidak menghormati mahkamah.

Saya hendak tahu apa sikapnya terhadap orang yang cuba membawa kes contempt of court supaya Lord President dimasukkan dalam jel. Apakah ini menunjukkan bahawa orang ini memberi hormat kepada mahkamah? Bar Council dengan tidak semena-mena, dengan tidak ada asas ataupun locus standi sama sekali telah membuat dakwaan ini, hendak masukkan hakim dalam jel dengan tidak ada alasan yang tepat. Walaupun mereka sangka mereka mempunyai alasan yang tepat, cuma dikatakan sahaja, tetapi tujuan mereka ialah untuk melepaskan geram terhadap seorang hakim yang tidak mahu tunduk kepada kehendak mereka. Inikah tanda kehormatan kepada mahkamah? Kalau tiap seorang daripada rakyat kita boleh mengambil kes contempt of court untuk memasukkan hakim ke dalam jel, maka tentulah negara kita ini akan menghadapi huru-hara. Tetapi apabila ada pihak Bar Council mengambil tindakan seperti ini, pihak DAP dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak pula mengecam Bar Council kenapa tidak dihormati mahkamah dan hakim. (*Tepuk*)

Memang benar pihak Kerajaan telah mengambil tindakan menyingkirkan seorang Lord President, tetapi ini dibuat mengikut undang-undang yang ada dalam negara kita. Kita tidak sedikit pun lari daripada undang-undang itu. Undang-undang itu memang membolehkan kita mengambil tindakan ini. Kalau

seseorang hakim melakukan sesuatu ada caranya untuk menyingkir hakim itu dan untuk penyingkirannya tindakan tertentu telah diambil mengikut Perlembagaan dan mengikut undang-undang. Tetapi pihak Bar Council dengan memberi alasan yang begitu cetek sekali bahawa dia kononnya begitu sekali bertanggungjawab terhadap keadilan telah mengambil tindakan, bukan sahaja charge contempt of court tetapi untuk commit to imprisonment seorang Lord President. Apakah ini membuktikan bahawa Bar Council menunjukkan kehormatan pada sistem Kehakiman? Dalam pada itu pula apabila kes itu dihadapkan ke mahkamah, pihak Bar Council menunjukkan bahawa dia tidak percaya kepada kejujuran hakim-hakim dan meminta supaya Yang di-Pertua Agong melantik seorang hakim asing, makna kata hakim yang memihak kepada Bar Council. Ini menunjukkan bahawa mereka juga tidak percaya kepada kejujuran hakim. Apakah ini sikap yang baik daripada Bar Council? Kerana kemudian daripada ini Bar Council itu juga, ahli-ahlinya akan membawa kes-kes mereka di hadapan hakim-hakim yang sama yang awal-awal lagi mereka menunjukkan bahawa mereka tidak percaya kepada kejujuran hakim.

Sekali lagi ini menunjukkan bahawa ada perbuatan yang tidak baik yang dilakukan oleh satu pihak tetapi kalaulah benda ini dibuat oleh pihak Kerajaan sudah tentu Ahli-ahli daripada DAP akan mengecam Kerajaan kerana tidak menghormati Kehakiman apabila dibuat oleh Bar Council senyap sahaja. Bermakna bahawa parti lawan mempunyai dua sistem nilai (double-standard)—kalau Kerajaan buat salah, kalau pihak yang lain buat, tidak salah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang menyebabkan pihak DAP menentang undang-undang ini yang mereka tahu

sebenarnya mempunyai asas yang tepat. Kita tidak menolak sama sekali *habeas corpus*. Memang pihak yang terkilan boleh membawa kes mereka kepada mahkamah di bawah peruntukan *habeas corpus* tetapi ini tidak sepatutnya kerana tuduhan yang dibuat terhadapnya adalah salah. Mereka boleh membawa kes *habeas corpus* kalau prosedur-prosedur itu tidak tepat dan ini kita sanggup terima dan menghadapi. Kalau kita menjalankan kerja dengan tidak tepat dan mahkamah berpendapat sedemikian maka lepaslah pihak itu. Tetapi berkenaan dengan pendapat yang menyebabkan kita memasukkan seseorang dalam tahanan, pendapat bahawa dianya mengancam keselamatan, ini adalah hak pihak Eksekutif menentukannya dan ini telah pun diputuskan oleh Supreme Court yang mana anggotanya terdiri daripada Lord President yang lama, Tun Azmi dan juga Tun Suffian dan satu orang hakim lain bahawa dalam soal penentuan tentang sama ada seseorang itu melakukan kesalahan di bawah ISA bukanlah dalam bidang kuasa mahkamah dan mahkamah tidak berhak untuk membuat apa-apa teguran terhadap perkara ini. Ini berkenaan dengan kes Karam Singh vs Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia pada tahun 1968. Hakim berkenaan ialah Azmi, Lord President; Ong Hock Thye, C.J Malaya; Suffian, Gill and Ali, Federal Judges, pada 25hb April, 1969. Keputusannya ialah:

"The defect, if any, in the detention order in setting out the objects and purpose of the detention in the alternative was a defect of form and not of substance. The question whether there was reasonable cause to detain the appellants was a matter of opinion and policy, a decision which could only be taken by the Executive".

Ini adalah keputusan mahkamah pada tahun 1969 yang dibuat oleh mahkamah yang tertinggi sekali pada

ketika itu, tetapi baru-baru ini kita dapati bahawa mahkamah telah membuat keputusan yang bertentangan dengan keputusan yang awal. Oleh kerana inilah maka kita terpaksa membuat pindaan kepada Undang-undang ISA untuk menjelaskan sejelas-jelasnya bahawa perkara yang dikatakan oleh Tun Azmi, Tun Sufian dan lain-lain bahawa ini adalah bidang kuasa Eksekutif terdapat dengan jelasnya di dalam undang-undang setelah ianya dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, inilah hasrat dan tujuan Kerajaan meminda Rang Undang-undang yang dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini pada hari ini. Terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju kata bersetuju, yang tidak bersetuju kata tidak. Lebih suara yang bersetuju

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 46 (4) iaitu belahbahagian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli yang menyokong diadakan belahbahagian, sila berdiri.

(*Lebih 15 Ahli berdiri*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sekarang kita akan adakan belahbahagian. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Penghitung-penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing.

Undian dijalankan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Bersetuju ialah 91; (*Tepuk*) Yang Tidak Bersetuju, 26; (*Tepuk*) dan Yang Tidak Mengundi, 1.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

YANG BERSETUJU:

1. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad
2. Tuan Abdul Ghafar bin Baba
3. Dato' Seri Dr Ling Liong Sik
4. Dato' Seri S. Samy Vellu
5. Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud
6. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze
7. Dato' Paduka Daim Zainuddin
8. Tuan Lee Kim Sai
9. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
10. Dato' Haji Sabbaruddin Chik
11. Dato' Mustaffa bin Mohammad
12. Dato' Lim Ah Lek
13. Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud
14. Dato' K. Pathmanaban
15. Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha
16. Tuan Luhath Wan
17. Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed
18. Dato' S. Subramaniam
19. Dato' Megat Junid bin Megat Ayob
20. Dato' Ng Cheng Kuai
21. Dato¹ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali

- | | |
|---|--|
| 22. Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed | 53. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin |
| 23. Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman | 54. Tuan Thomas Salang Siden |
| 24. Dato' Kok Wee Kiat | 55. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim |
| 25. Tuan Woon See Chin | 56. Dato' Abdullah Ahmad |
| 26. Tuan Kalakau Untol | 57. Tuan Haji Basri bin Bajuri |
| 27. Dato' Loke Yuen Yow | 58. Dato' Oo Gin Sun |
| 28. Tuan Law Hieng Ding | 59. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit |
| 29. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail | 60. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah |
| 30. Dato' Alias bin Md. Ali | 61. Tuan Mutang Tagal |
| 31. Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus | 62. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan |
| 32. Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan | 63. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah |
| 33. Tuan Abdul Ghani bin Othman | 64. Tuan Ahmad bin Omar |
| 34. Drs Suleiman bin Mohamed | 65. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar |
| 35. Cik Teng Gaik Kwan | 66. Tuan S. S. Subramaniam |
| 36. Dr Ting Chew Peh | 67. Tuan Michael Asang |
| 37. Tuan Haji Awang bin Jabar | 68. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad |
| 38. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad | 69. Tuan Law Lai Heng |
| 39. Tuan Peter Chin Fah Kui | 70. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang |
| 40. Tuan Abdul Raman bin Suliman | 71. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib |
| 41. Tuan Othman bin Abdul | 72. Tuan Nurnikman bin Abdullah |
| 42. Tuan Chua Jui Meng | 73. Tuan Hashim bin Safin |
| 43. Dato' Musa bin Hitam | 74. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa |
| 44. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi | 75. Tuan Jawah anak Gerang |
| 45. Tuan Mohamed bin Jamrah | 76. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof |
| 46. Dato' Abdul Ajib bin Ahmad | 77. Datuk Haji Sakaran bin Dandai |
| 47. Dr Goh Cheng Teik | 78. Dato' Ismail bin Said |
| 48. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed | 79. Dr Abdul Hadi bin Derani |
| 49. Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir | 80. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan |
| 50. Tuan Adam bin Abdul Kadir | 81. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar |
| 51. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau | 82. Puan Ling Chooi Sieng |
| 52. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah | 83. Tuan Mohd. Noh bin Rajab |

84. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff
85. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob
86. Tuan Chew Kam Hoy
87. Tuan Ong Tee Keat
88. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad
89. Tuan Shahidan bin Kassim
90. Tuan Zubir bin Embong
91. Dr Nicholas Munong anak Ibau

YANG TIDAK BERSETUJU:

1. Dato' Rais Yatim
2. Dato Shahrir bin Abdul Samad
3. Dato' Zainal Abidin bin Zin
4. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali
5. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan
6. Tuan Haji Ibrahim bin Ali
7. Tuan Lim Kit Siang
8. Dr Chen Man Hin
9. Tuan Lee Lam Thye
10. Tuan R. Karpal Singh
11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad
12. Dr Tan Seng Giaw
13. Tuan Fung Ket Wing
14. Tuan Peter Paul Dason
15. Tuan P. Patto
16. Tuan Chian Heng Kai
17. Tuan Ting Chek Ming
18. Tuan Teoh Teik Huat
19. Tuan Gerard Math Lee Min
20. Tuan Ngoi Thiam Woh
21. Tuan Lim Guan Eng
22. Tuan Lau Dak Kee
23. Tuan Hu Sepang
24. Tuan Liew Ah Kim
25. Tuan Hsing Ying Shean
26. Tuan Samson Chin Chee Tsu

YANG TIDAK MENGUNDI:

1. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jelutong.

5.20ptg,

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Terima kasih, Tuan Pengerusi, dengan pembentangan Rang Undang-undang ini Kerajaan dengan seksyen yang baru yang ada di dalam Rang Undang-undang ini cuba untuk memberi "respectability" kepada satu undang-undang yang haram, satu undang-undang yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada tahun 1960 dan malangnya telah diluluskan oleh Dewan ini pada masa itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, dengan Seksyen 8B baru tidak boleh ada apa-apa kajian atas apa-apa tindakan atas apa-apa keputusan yang dilakukan oleh Menteri Dalam Negeri. Tujuan pertama seksyen ini, Tuan Pengerusi, adalah tarik balik daripada Mabkamah kuasa yang ada sekarang untuk memberi keputusan atas kesahihan sesuatu perintah di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, kuasa-kuasa yang ada diberikan oleh seksyen baru ini adalah kuasa-kuasa yang luas, kuasa-kuasa yang boleh mengakibatkan satu dictatorship, jikalau tidak ada, boleh ada di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap atas dasar itu. Sekarang kita berada dalam Jawatankuasa,

Tuan R. Karpal Singh: Betul, Tuan Pengerusi, tetapi tujuan-tujuan Seksyen 8B untuk tarik balik kuasa Mahkamah yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi: Ialah, tetapi Yang Berhormat berucap itu untuk hendak mengembalikan ataupun mengadakan semula apa-apa, itu adalah dasar, patutnya diucapkan dalam masa dasar tadi.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak diberi peluang tadi, saya ada berdiri tetapi tidak dapat peluang.

Tuan Pengerusi: Tetapi kalau tidak dapat peluang, tidak bolehlah Yang Berhormat berucap dalam masa Jawatankuasa.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak apa, Tuan Pengerusi. Berkenaan "subjective test", Tuan Pengerusi, yang ada disebut di dalam Seksyen 8e tidak boleh ada subjective test jikalau Seksyen 8B menjadi undang-undang. Tuan Pengerusi, subjective test adalah satu ujian yang ada digunakan oleh Mahkamah dalam kes Karam Singh dalam tahun 1969. Apa tujuan seksyen baru ini, Tuan Pengerusi, jikalau keputusan dalam kes Karam Singh sampai hari ini tidak ada diketepikan dan sampai hari ini ada diikuti oleh semua mahkamah-mahkamah dalam negara ini termasuk Mahkamah Agong. Apa tujuan Kerajaan untuk mengadakan seksyen baru ini? Dalam fikiran saya, Tuan Pengerusi, tujuannya ialah untuk mengikat tangan semua Hakim di masa depan untuk mengenenpikan subjective test yang ada di bawah Karam Singh vs Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Apa yang saya kata tadi, Tuan Pengerusi, jikalau seksyen ini diluluskan tentu ada dictatorship dan bukan saya sahaja bercakap seperti itu, Tuan Pengerusi, tetapi satu discretion yang tidak ada

apa-apa had yang boleh mengakibatkan apa yang dikatakan sebagai dictatorship. Saya baca apa yang ada dikatakan oleh Yang di-Pertuan Agong, masa itu Acting Chief Justice, Raja Azlan Shah, Acting Chief Justice Malaysia

Tuan Pengerusi: Yang Berhonnat, jika Yang Berhormat baca yang itu bukanlah perbahasan dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat bercakap bersangkut dengan dasar.

Tuan R. Karpal Singh: Itu bukan dasar, Tuan Pengerusi, jikalau subjective test ini.

Tuan Pengerusi: Saya punya ruling, itu adalah dasar.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau itu dasar, saya pun tidak ingat apa yang tidak dasar. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Oleh kerana mengikut peraturan perbahasan, dalam Bacaan Kali Yang Kedua yang telah diluluskan, maka yang telah diluluskan dasarnya. Jikalau sekiranya kita hendak membincangkan di dalam Jawatankuasa, hendak meminda apa yang kita telah persetujuan, itu tidak dibenarkan.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan tujuan meminda apa yang ada di dajam seksyen baru ini, Tuan Pengerusi, tetapi

Tuan Pengerusi: Jikalau Yang Berhormat tidak hendak memindahkan, jadi janganlah berucap untuk memindahkan, hendak mengatakan dictatorship dan sebagainya.

Tuan R. Karpal Singh: Apa check and balances dalam seksyen ini. Bolehkah saya bercakap atas tajuk itu, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Check and balances itu pun atas dasar, di dalam Jawatankuasa hanya untuk memindahkan

perkataan-perkataan yang tidak sesuai ataupun apa-apa perkataan yang bercanggah dan sebagainya.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak apa, Tuan Pengerusi, saya ingat saya akan membuat ucapan saya dalam Rang Undang-undang yang ada selepas Rang Undang-undang ini.

5.28ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Pada hari Jumaat, apabila saya bincangkan Rang Undang-undang ini, saya telah membangkitkan satu perkara iaitu sama ada Fasal 8B (1), dalam bentuknya, sungguhpun untuk menghapuskan daripada kajian semula Kehakiman dalam perkara mengekalkan "subjective test" tetapi dalam bentuk yang ada di dalam Seksyen 8e (1), sama ada akan membangkitkan satu keadaan di mana Kerajaan, atau datam Mahkamah waktu Kerajaan (Senior Crown Counsel) akan berpendapat bahawa ia bukan sahaja exclude objective test, tetapi semua cabaran-cabaran melalui *writ of habeas corpus* sama ada oleh kerana *malafide*, sama ada oleh kerana di luar daripada skop ISA atau Artikel 149 dari mana ISA ada diluluskan, dan oleh kerana 8B (1), dengan izin, dalam bahasa Inggeris:

"There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act, save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision."

Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kata, tujuan pindaan ini bukan untuk menghapuskan *writ of habeas corpus* atau hak *habeas corpus*, sama ada selain daripada apa yang ada "save in regard to any question on

compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision" ataupun bahawa cabaran penahanan di bawah ISA atas sebab *malafide*, luar daripada skop dan lain-lain yang masih kekal, atau semua dihapuskan, selain daripada apa yang ada di bahagian terakhir di dalam Seksyen SB (1).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Seksyen 8C—

"(a) permohonan untuk apa-apa perintah prerogatif bagi *mandamus*, larangan dan *certiorari*;

(b) permohonan untuk penetapan atau injunksi;"

Bolehkah Yang Amat Berhormat menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan (b) 1

(c) *writ of habeas corpus*; dan

(d) ini penting kerana Yang Amat Berhormat mengatakan tadi ini tidak menghalang seseorang tahanan itu mengemukakan *writ of habeas corpus*, tetapi di sini merangkumi hampir kesemua, Tuan Pengerusi.

"(d) apa-apa guaman, tindakan atau prosiding undang-undang lain berhubung dengan atau berbangkit daripada apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri mengikut Akta ini".

Bagi pendapat saya, saya bukan pakar di dalam bidang undang-undang, tetapi ini nampaknya merangkumi hampir semua yang kita boleh fikirkan. Jadi seseorang itu ditahan, itu tidak boleh soalkan langsung, tidak boleh bangkitkan apa-apa lagi. Ini memberi kuasa yang terlalu mutlak kepada pihak Eksekutif yang berlagak sebagai Tuhan semata-mata. Bolehkah Yang

Amat Berhormat menerangkan bidang-bidang dan alasan-alasan yang boleh digunakan untuk memohon *writ of habeas corpus*.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, seperti saya telah jelaskan tadi *writ of habeas corpus* boleh diadakan berkenaan dengan prosedur, iaitu sama ada prosedur itu tepat seperti yang dikehendaki oleh undang-undang ataupun tidak. Ini berbangkit apabila kadang-kadang kita dapati bahawa haribulan penahanan ataupun tempat yang ditahan itu tidak seperti yang dinyatakan.

Dalarn satu kes yang terlibat, saya fikir dengan Tun Razak, iaitu diannya mengeluarkan hukum tahanan sebelum diannya kembali ke rahmatullah, tetapi malangnya seorang pegawai telah memasukkan haribulan itu selepas dia sudah tidak ada lagi. Jadi ini menunjukkan bahawa diannya tidak ikut peraturan. Dalam kes yang semacam itu memang *writ of habeas corpus* boleh diadakan ataupun tempat tahanan itu tidak digazet ataupun tidak dimasukkan dalam senarai dan diterangkan ataupun kadang-kadang tidak ada tandatangan yang sah ataupun tandatangan kecil di tempat perubahan yang dibuat di dalam borang-borang. Ini merupakan kesalahan-kesalahan daripada segi prosedur dan ini boleh dibawa kepada mahkamah.

Tetapi dalam soal-soal lain, soal *mala fide* umpamanya, ini adalah satu perkara yang subjektif. Apa yang *mala fide* kepada satu orang, mungkin tidak *mala fide* kepada orang lain. Umpamanya dalam satu kes saya dituduh sebagai mempunyai niat tidak baik, iaitu *mala fide* or bad faith oleh mahkamah kerana terdapat satu kenyataan yang dibuat oleh pegawai kepada saya yang akhirnya didapati tidak tepat dan saya dianggap sebagai melakukan sesuatu yang dengan niat yang tidak baik kerana telah menandatangani bahawa kenyataan ini adalah benar.

Tuan Pengerusi, saya tidak boleh sebagai Menteri periksa tiap-tiap satu perkataan, tiap-tiap satu kenyataan yang dibuat oleh pegawai. Kalau saya cuba, maka saya tidak ada kerja lain melainkan menjalankan tugas pegawai itu sendiri. Dalam urusan Kerajaan, kita terpaksa percaya kepada pegawai, kadang-kadang pegawai itu tersilap ataupun tersalah tetapi oleh kerana kita tidak mampu untuk membuat investigation kita sendiri berkenaan dengan segala-galanya yang dinyatakan dalam satu-satu tuduhan, maka kita terpaksa terima apa yang dinyatakan oleh pegawai itu sebagai benar dan oleh kerana kita berpendapat bahawa diannya benar maka kita menurunkan tandatangan kita bukan dengan niat tidak baik, tetapi dengan niat bahawa apa yang dikatakan oleh pegawai itu adalah benar, tidak ada niat buruk sama sekali. Tetapi dalam kes ini pada pandangan mahkamah ini merupakan satu bad faith *mala fide* oleh pihak saya dan saya berpendapat bahawa dalam kes yang . . .

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Tuan Pengerusi, apa yang ada dimaksudkan dalam kes saya apabila Tuan Hakim dalam kes saya putuskan *mala fide*, itu bukan bermakna bad faith, itu bermakna "acting without due care and caution." Ada bermakna yang lain, Tuan Pengerusi. Sebagai Hakim, Tuan Pengerusi pun faham, *mala fide* bukan niat yang jahat juga—itupun. Tetapi dalam konteks kes saya itu lain, "acting without due care and caution." Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri faham apakah *mala fide*? Jikalau faham, adakah *malafide* di mana ada niat jahat, itupun sudah diexcluded, tidak boleh disoal oleh satu hakim dalam court apabila seksyen ini sudah diluluskan. Dalam fikiran saya, saya ingat Perdana Menteri tidak faham undang-undang. Ada perbezaan dengan apa yang ada dicakapkan oleh Yang Amat Berhormat dan apa yang asal—bad faith.

Saya baca apa yang ada dalam kes saya juga. . . .

Perdana Menteri: Saya sudah baca. I have read it already.

Tuan R. Karpal Singh: Kena baca oleh kerana Perdana Menteri tidak faham undang-undang. . . .

Perdana Menteri: Sudah baca dah! (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Ini satu perkara serius.

Dalam kes saya, Tuan Pengerusi, inilah apa yang ada dikatakan oleh Yang Arif Peh Swee Chin, dengan izin, Tuan Pengerusi:

"*Mala fide* does not mean at all a malicious intention. It normally means that a power is exercised for a collateral or ulterior purpose, that is, for a purpose other than the purpose for which it is professed to have been exercised".

Dan Yang Arif Peh Swee Chin ada quote apa yang dalam kes Karam Singh mendiang H. T. Ong ada beri apa yang bermakna *mala fide* dan dalam kes itu, ini apa yang ada dikatakan oleh Chief Justice Ong pada masa itu, dengan izin:

"I am given to understand such weakness or ambiguity should be regarded by this court as intrinsic evidence. Apart from criticisms of the grounds and allegations of facts applied to the appellant showing that the decision of the Cabinet had been made without the care and consideration that is essential when an order is made in good faith".

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengar baik-baik ini,

"In this connection, want of good faith, of course, means no more than that. In the serious matter of depriving a citizen of his liberty without trial there was absence of care, caution and a proper sense of

responsibility. On this interpretation of *mala fide* there is no difference of opinion. If, it was true that the order came to be made in a casual or cavalier manner—dalam kes saya pun, casual dan cavalier manner—it cannot properly be said that the Cabinet or the Minister concerned had been satisfied. On the other hand, if the decision was made upon a proper evaluation of the facts and surrounding circumstances and after due deliberation, that was all which could be required for the issue of an order based on subjective satisfaction. In the final analysis, the issue is on of facts."

Bukan niat jahat. Adakah tujuan seksyen 8B ini perintah tidak boleh disoal jikalau ada *mala fide*, ada niat jahat.

Misalnya, jikalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beritahu, dahulunya daripada tandatangani perintah ini, "dan selepas itu saya mahu fix Karpal Singh dan saya mahu fix Lim Kit Siang" dengan umum, tidakkah mahkamah ketepikan perintah itu atas *mala fide*.

Tuan Pengerusi, *mala fide* jadi sebagai fraud. It unrevels everythings, dengan izin. Oleh itu jikalau seksyen 8A serta 8B pun diluluskan *mala fide* tidak boleh diketepikan dan mahkamah ada kuasa untuk timbang perintah seperti sama ada itu sah atau tidak. Terima kasih.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya pun baca juga keputusan yang dibuat oleh mahkamah ini dan memang diterangkan di sini *mala fide* does not mean at all a malicious intention dan lain-lain lagi yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi kepada rakyat biasa *mala fide* bermakna bad faith. Itu daripada segi translationnya. Soal apa lawyers, apa mahkamah faham daripada perkataan itu adalah perkara lain, tetapi saya

sebagai seorang yang bertanggungjawab, seorang Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara ini, apabila saya dikata mempunyai *mala fide* bermakna saya mempunyai bad faith. Tidak pula diterangkan bahawa bad faith bukan bermakna bad faith tetapi bermakna lain. Jadi, itu yang saya sebutkan di sini. Saya sedar tentang penjelasan yang dibuat oleh mahkamah. Tetapi saya menafikan bahawa saya tidak mengambil tindakan dengan teliti. Sebenarnya saya baca apa yang diserahkan kepada saya. Dan saya berpuas hati bahawa apa yang disebut di dalam kenyataan itu adalah tepat. Seperti saya katakan tadi, kalau saya hendak pergi periksa tiap-tiap satu kenyataan yang dibuat oleh pegawai maka saya tidak boleh buat kerja lain terutama apabila Ahli Yang Berhormat itu sendiri mempunyai bukan satu perkara terhadapnya tetapi enam perkara. Dari enam perkara ini cuma satu sahaja yang didapati akhirnya tidak tepat, yang lima lagi adalah tepat. Dan kerana yang lima lagi itu pun boleh dimasukkan dalam tahanan, kenapakah dia dilepaskan kerana satu sahaja. apakah ini bermakna kalau satu orang bunuh enam orang tetapi didapati bahawa pembunuhan kepada satu orang itu tidak benar, maka dengan pembunuhan yang lima lagi dia terlepas, dia tidak salah dengan lima lagi. Saya tidak fahamlah apa justice yang semacam ini. Sebab itu saya berpendapat bahawa. . . .

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Sekejap.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak jelaskan di sini tentang peruntukan undang-undang ini yang berkata bahawa selain daripada soal prosedur yang boleh dibawakan ke mahkamah di bawah *habeas corpus*, yang lainnya tidak boleh. Dan yang lainnya ialah yang lain daripada soal prosedur, ianya tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu bantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja. Saya tidak mahu Yang Amat Berhormat jatuh dalam satu perangkap dan tidak ada terperangkap disediakan. Sungguhpun daripada penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri timbul satu masalah yang baru mengenai sama ada adil atau tidak adil menangkap seorang apabila ada satu di antara enam dakwaan tidak benar, itu kita boleh bincang sebagai lain hal lain kali puia. Tetapi masalah yang saya mahu kemukakan ialah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kemukakan Rang Undang-undang ini, beliau kata dan ini pun ada dalam Huraian, bahawa tujuan Seksyen baru ini ialah untuk mengesahkan semula dengan tegas prinsip bahawa ujian subjektif terpakai bagi menentukan penggunaan yang wajar akan kuasa oleh Menteri menurut budi bicaranya sebagaimana yang ditetapkan dalam kes Karam Singh dan diikuti di dalam kes Lim Chin Chin.

Dan kalau itulah tujuan Kerajaan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila membentangkan Rang Undang-undang ini, ini terhad kepada untuk menjadikan Akta atau undang-undang apa prinsip yang ditegaskan dalam kes Karam Singh. Kes Karam Singh tidak exclude, dengan izin, exclude challenge melalui *habeas corpus* kepada order of detention melalui *mala fide*. *Mala fide* bukan erti yang biasa as bad faith tetapi satu kategori daripada undang-undang di mana fundamentally there is even no basis for it. Oleh kerana kata-kata dalam 8B (1) boleh menimbulkan keraguan sama ada apa yang dikehendaki lebih luas daripada apa yang dalam Huraian ini, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang tentulah ada dikaji oleh Peguam Negara atau penasihat-penasihat di Jabatan Peguam Negara

bahawa tujuan ialah untuk menjadikan undang-undang prinsip kes Karam Singh. Prinsip kes Karam Singh berbeza daripada perkara *mala fide* atau perkara satu perintah penahanan tidak sah oleh kerana luar daripada skop ISA atau skop Perkara 149 di bawah Perlembagaan Malaysia. Itu tidak bersangkutan-paut dengan prinsip kes Karam Singh.

Kalau sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kes *bona fide* bukan kes Karpal Singh di mana ada disebut *bona fide* oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak ada *bona fide* atau apa, itu bukan kes Karam Singh, sekarang kes Karpal Singh, bukan Karam Singh. Kalau sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata tujuan Kerajaan atau tujuan pindaan ini ialah *bona fide* mengikut undang-undang the law of *habeas corpus* dan lain-lain semacam outside the scope of ISA yang pula larang oleh Rang Undang-undang ini, kalau itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata pada hari Jumaat dan dalam huraian itu, ini sudah mengelirukan Dewan yang mulia serta juga rakyat jelata. Oleh kerana itu luas daripada prinsip kes Karam Singh dan sebab itu saya mahu tanya tadi adakah itu tujuan dan adakah Fasal 8B (1) akan menimbulkan keraguan tetapi nampaknya penjelasan lebih daripada apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa Ahli Yang Berhormat itu bertanya soalan yang sama berkali-kali dalam ucapannya. Saya faham, sekali tanya pun tidak payahlah ulang, iaitu sama ada termasuk dalam ini soal *mala fide* dan skop.

Soal *mala fide* ini adalah soal yang luas. Apa pun boleh dibawa ke mahkamah dengan tuduhan bahawa terdapat *mala fide*, apa juga. Tiap-tiap kita tangkap seseorang apa yang

hendak menahan orang itu daripada berkata bahawa ini adalah niat jahat ataupun tidak niat jahat seperti yang ditafsirkan ini. Semua kes boleh dibawa ke mahkamah. Sudah tentu kalau Ahli daripada parti lawan ditangkap oleh Kerajaan maka Ahli parti lawan dia kata kita tangkap dia kerana dia parti lawan, iaitu bad faith. Dan semua kes ini akan pergi ke mahkamah dan kita akan bicara kes ini tidak berhenti-henti, tiap-tiap satu kes, tiap-tiap satu charge semuanya akan dibicara. Jadi dengan itu maka ISA tidak akan berkesan. Demikian juga dengan soal skop, kita tanya kepada mahkamah apakah ini termasuk dalam skop yang boleh dibicara di hadapan mahkamah, maka mahkamah akan kata, ia termasuk dan kita akan ada perbicaraan. Dan lagi sekali itu bagi kita sekian banyak, bagi orang lain lebih banyak. Dianya perluaskan skop supaya dianya boleh dibicarakan di dalam mahkamah. Dan kita tahulah bahawa tiap-tiap satu orang mempunyai pendapat yang berbeza-beza subjective, perasaan kita, perasaan mahkamah bahawa ini termasuk dalam skop dia, perasaan Kerajaan ini tidak termasuk dalam skop dia.

Jadi bila kita tanya, bukan kepada Kerajaan, tanya kepada mahkamah, dia kata "termasuk dalam skop dan kes ini boleh bawa depan saya". Dengan itu maka semua kes akan pergi ke mahkamah dan sekali lagi ISA tidak berguna, siapa juga yang kita masuk dalam tahanan akan dilepaskan dengan soal ini terkeluar daripada skop undang-undang. Sebab itu kita tidak boleh terima bahawa kes *mala fide* dan skop ini terkeluar daripada peruntukan pindaan ini. Dalam peruntukan pindaan ini *mala fide* dan skop juga termasuk, iaitu kita cuma membenarkan kes-kes yang mana soal prosedur sahaja dibangkitkan dibawa ke mahkamah di bawah *habeas corpus*.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Saya rasa Yang Berhormat dari Kepong. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Yang Amat Berhormat tidak jawab lagi, ada satu bahagian soalan saya mengenai 8c. Jadi, tadi Yang Amat Berhormat. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang kebelakangan sekali, sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Amat Berhormat mengatakan kalau ada tarikh itu salah dan sebagainya boleh memohon untuk writ of *habeas corpus*. Tetapi kalau tidak silap saya pada 8hb Julai tahun lalu ada satu pindaan ke atas Akta ini juga dan di mana ada fasal ouster dan validation untuk mengesahkan semua perintah tahanan sungguhpun perintah mempunyai kecacatan yang besar. Jadi, ini bermakna waktu itu permohonan untuk writ of *habeas corpus* hanya boleh berdasarkan kepada dasar penahanan. Jadi, apakah yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat tadi tidak boleh dilakukan kalau Rang Undang-undang ini juga diluluskan.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, ini adalah peruntukan untuk masa depan. Kalau perkara ini berlaku juga dalam masa depan maka ianya tidak boleh dibawa ke mahkamah. Soal undang-undang yang sudah lepas itu sudah pun diluluskan oleh Dewan ini dan interpretasinya terpulanglah kepada mahkamah.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DARURAT (KETENTERAMAN AWAMDAN MENCEGAH JENYAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.55 *ptg.*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian jenayah yang berlaku di negara ini telah menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Kejadian jenayah yang berlaku pada tahun 1980 ialah 70,823 berbanding dengan 78,479 dalam tahun 1988 iaitu peningkatan sebanyak 11%. Jika dianalisa tahun demi tahun, indeks kejadian jenayah ini terus meningkat dari tahun 1980 hingga ke tahun 1986. Walau bagaimana pun, indeks jenayah ini telah turun 10% dalam tahun 1987 berbanding dengan tahun 1986 dan telah turun 7.9% dalam tahun 1988 berbanding dengan tahun 1987. Sungguhpun keadaan indeks jenayah semenjak dua tahun kebelakangan ini telah turun tetapi kita belum boleh berpuashati.

Apa yang menjadi kebimbangan kita ialah kejadian jenayah kekerasan, pada keseluruhannya telah menunjukkan satu trend yang meningkat. Indeks jenayah kekerasan pada tahun 1980 adalah sebanyak 7,481 berbanding dengan 11,721 dalam tahun 1987 iaitu pertambahan sebanyak 39%. Peningkatan ini adalah satu aliran yang membimbangkan. Jenayah kekerasan yang dimaksudkan ialah bunuh, cuba

bunuh, semua jenis samun termasuk bersenjata, rogol dan mencederakan manusia.

Kira-kira 80% daripada kejadian jenayah kekerasan di seluruh negara berlaku di Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Perak. Negeri-negeri ini merupakan negeri-negeri yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan di negeri-negeri inilah juga terdapat kegiatan-kegiatan ekonomi yang pesat. Kementerian Dalam Negeri amat memandangkan berat kejadian-kejadian jenayah kekerasan di tempat-tempat ini dan langkah-langkah sewajarnya perlulah diambil untuk membanterasnya. Jika tidak, ketenteraman awam akan terganggu dan sedikit-sebanyak boleh mengganggu kedatangan pelabur-pelabur dan petancong-pelancong asing ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu undang-undang yang digunakan semenjak tahun 1969 untuk membanteras kejadian jenayah kekerasan dan aktiviti kongsi gelap ialah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Undang-undang ini digubal sebaik sahaja berlakunya Peristiwa 13 Mei bertujuan untuk menstabilkan keselamatan dan ketenteraman awam dengan mengenakan perintah-perintah tahanan dan sekatan ke atas penjenayah-penjenayah.

Keengganan saksi-saksi memberi keterangan di mahkamah adalah punca-punca utama yang menyebabkan seseorang itu tidak dapat didakwa. Selain daripada itu terdapat sindiket-sindiket penyeludupan senjata, perompak, perancang jenayah colek yang sukar dihadapkan di mahkamah kerana mereka berselindung. Adalah agak mudah sekiranya seseorang itu ditangkap ketika memegang senjata di tangannya tetapi ini tidak mungkin berlaku dengan orang yang merancang

penyeludupan senjata. Bagi penjenayah seumpama ini tidak ada pilihan bagi Kerajaan melainkan mengenakan tindakan undang-undang pencegahan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sesuatu perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri boleh dipersoalkan di mahkamah dengan berbagai-bagai cara. Cara yang paling kerap digunakan ialah dengan cara writ of *habeas corpus*. Cara ini digunakan bagi menuapatakan perintah mahkamah untuk membebaskan orang yang masih ditahan. Setelah orang yang ditahan itu dibebaskan, ia pula boleh memohon kepada mahkamah untuk mengisytiharkan penahanannya dahulu tidak sah di sisi undang-undang dan meminta mahkamah memberi pampasan kepadanya.

Permohonan-permohonan ke mahkamah itu biasanya dibuat di atas beberapa alasan misalnya, dengan izin, "*mala fide*" atau "bad faith" iaitu perintah tahanan dibuat atas alasan-alasan yang terkeluar daripada tujuan undang-undang berkenaan dan juga kerana syarat-syarat penahanan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang tidak dipatuhi dengan sepenuhnya. Semenjak akhir-akhir ini diperhatikan juga telah wujud kecenderungan mahkamah-mahkamah di beberapa negara asing untuk memainkan peranan "interventionist" dan menggantikan keputusan pihak Eksekutif mereka dengan keputusan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dengan menambahkan seksyen-seksyen baru 7C, 7D dan 7E kepada Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ini bertujuan untuk menghalang perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri itu dipersoalkan iaitu selain daripada atas alasan bahawa kehendak-kehendak acara penahanan yang ditetapkan oleh undang-undang tidak dipatuhi.

Dengan pindaan ini kewibawaan dan keikhlasan Menteri dalam membuat keputusan tidak boleh dipertikaikan lagi.

Jika mahkamah dibiar menggantikan keputusan pihak Kerajaan dengan keputusan mahkamah dalam perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam, ini bermakna tanggungjawab bagi keselamatan negara terletak dengan mahkamah kerana mahkamah yang menentukan keputusan muktamad mengenai perkara-perkara keselamatan. Sebenarnya, dalam berbagai perkara, yang diakui sebagai pakar oleh mahkamah ialah orang-orang yang terlatih dan bertanggungjawab dalam bidang berkenaan. Yang pakar dalam bidang keselamatan ialah pegawai-pegawai dalam agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengenai keselamatan. Menteri bertindak atas nasihat pakar-pakar ini. Pihak lain tidak boleh menganggap dirinya sebagai pakar dan harus menerima keputusan yang diasaskan kepada kepakaran.

Sehingga baru-baru ini, pihak Kerajaanlah yang bertanggungjawab terhadap perkara keselamatan negara dan ketenteraman awam. Penggunaan prinsip, dengan izin, "subjective test" telah membolehkan Kerajaan bertindak dengan berkesan ke atas mereka yang mengancam keselamatan dan kestabilan negara. Adalah perlu kedudukan ini dijamin melalui undang-undang kerana pihak Kerajaanlah merupakan pihak berkuasa yang paling layak untuk menimbang dan meneliti matlamat tertentu, khususnya perkara-perkara yang sulit dan membuat keputusan tentang tindakan pencegahan demi keselamatan negara, dan bukannya mahkamah yang tidak diberi tugas khusus untuk menjaga dan bertanggungjawab terhadap keselamatan negara tetapi bertanggungjawab secara umum berkenaan dengan keadilan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan yang dicadangkan ini, Kerajaan berharap bahawa hanya soal-soal prosedur sahaja yang boleh dipertikaikan di mahkamah. Budi bicara Menteri untuk menentukan seseorang itu mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam tidak boleh dipersoalkan lagi di mahkamah. Ini bertujuan untuk memastikan dengan jelas akan peranan dan kuasa Eksekutif, khususnya Menteri Dalam Negeri dan peranan yang dimainkan oleh seseorang hakim di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

6.03 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkapan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, berilah peluang kepada saya sekejap untuk menyampaikan sepatah dua kata kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah bagi peluang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: . . . dan untuk melahirkan hasrat bagaimana pandangan kami Pembangkang mengenai bakal undang-undang ini.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua telah memberi peluang tetapi tadi saya tak dapat. Jadi, sepatutnya saya

habiskan ucapan saya dalam Rang Undang-undang Keselamatan tadi, tetapi kerana demokrasi agak "demam" dan tidak begitu sihat, maka saya diberi peluang dalatn Rang Undang-undang yang kedua ini dan saya minta maaf kalau sekiranya apa yang saya hujahkan tidak begitu tepat, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh memaafkan.

Tuan Yang di-Pertua: Kena sesuaikanlah ucapan Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri itu untuk Undang-undang Darurat ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu, walau bagaimana ditentang dan dibangkang sekalipun Rang Undang-undang ini tetap diluluskan juga dan tak pernah satu pun Rang Undang-undang dari pihak Kerajaan tak diluluskan. Namun demikian, atas tanggungjawab sebagai seorang Wakil Rakyat, lebih-lebih lagi pihak Pembangkang, saya kira amat perlu diberi pandangan sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan pembentangan Rang Undang-undang ini nyatalah bahawa Barisan Nasional amat tamakkan kuasa dan tak cukup kuasa. Zahir sahaja nampak Kerajaan perlu kepada undang-undang, tetapi hakikat yang sebenarnya bukan undang-undang yang Kerajaan mahu tetapi kuasa yang berlebih-lebihan yang Kerajaan mahu. Sebab itu, Kerajaan telah mempertikaikan keadilan mahkamah dan meragui kejujuran seseorang hakim mahkamah. Ini adalah bencana besar kerana Kerajaan sendiri sudah tidak percaya kepada kewibawaan hakim dan meragui kejujurannya. Kalau Kerajaan sendiri sudah tidak percaya kepada kewibawaan hakim dan meragui kejujurannya. Apakah perlunya kepada undang-undang dan mahkamah? Dan di manakah sebenarnya keadilan akan didapati

oleh rakyat? Siapakah lagi yang berhak membela mereka?

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah dengar dan tak pernah ketahui bahawa keadilan undang-undang berlaku di luar mahkamah. Islam sepanjang yang diajar dan sepanjang yang dipelajari hukum keadilan dan keputusan yang dikira adalah melalui kuasa kehakiman, bukan melalui kuasa pemerintah. Saya amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu Perdana Menteri terang-terang menuduh hakim menyebelahi pihak Pembangkang kerana berlaku satu kes tahanan ISA dibebaskan hasil perbicaraan melalui *habeas corpus*. Pada hari ini pula Perdana Menteri sampai tidak mengiktiraf kebijaksanaan hakim dan menuduh seolah-olah hakim bodoh kerana tidak tahu tanggungjawab dan tugas mengenai keselamatan negara, tak boleh pihak hakim campurtangan dalam urusan keselamatan dalam negeri kerana bukan bidangnya kerana Kerajaan sahaja yang tahu dan bertanggungjawab. Kenapakah dalam urusan ini hendak dipisahkan dan tak boleh dipercayai sedangkan beribu-ribu kes dan beribu-ribu masalah lain dipikulkan kepada hakim. Tidakkah ini jelas Kerajaan terang-terang mendedahkan cita-citanya tamakkan kuasa, mahu jadi diktator, mahu menindas musuh-musuh politik dengan cara kejam dan kuku besi, mahu menghukum mereka sampai puas dan sampai mati. (*Disampuk*) Ini amalan jahiliah yang bercanggah dengan ajaran Islam, bercanggah dengan sifat semula jadi manusia, bercanggah dengan demokrasi tulen, bercanggah dengan prinsip undang-undang dan keadilan. Perdana Menteri menegaskan hujahnya kalau kuasa keselamatan ini tidak dipindah dan dipisahkan dengan mahkamah, maka segala urusan dan usaha Kerajaan akan gagal dan kalaulah rakyat merasakan tindakan Kerajaan ini tidak adil dan zalim, maka rakyat telah diberi

peluang untuk menukar Kerajaan lima tahun sekali melalui pilihanraya umum. Inilah hujah Perdana Menteri semasa Rang Undang-undang ini dibentangkan sekejap tadi ataupun kelmarin.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun di belakang. Hendak beri jalan kepadanya?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Apakah maksudnya?

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh tanya maksudnya.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad: Saya hendak bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan tanya maksudnya.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad: Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, adakah cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tidak benar iaitu selepas 5 tahun kita serahkan kepada rakyat untuk menentukan pemerintahan kita. Adakah itu satu saranan yang tidak betul?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu tidak payah ditanya, itu sudah menjadi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kurang-perhati, nampak seakan-akan betul dan Perdana Menteri sendiri pun sudah kata betul. Kerana pilihanraya selalu berlaku sepanjang masa. Kelmarin di Teluk Pasu, Terengganu. Kita mahu tanya Perdana Menteri iaitu betulkah di Malaysia ini amalan demokrasi berlaku dan hidup subur seperti kehendak undang-undang demokrasi. Dan benarkah apa yang dilakukan oleh Kerajaan hari ini mencerminkan garis-garis demokrasi.

Saya kata tidak betul, bohong dan menyeleweng.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau demokrasi hidup subur dan berjalan betul di Malaysia ini maka Akta-akta Keselamatan Dalam Negeri ini siang-siang lagi tidak ada. Kalau demokrasi hidup dan berjalan sepenuhnya tentu ceramah-ceramah politik dan rapat-rapat umum terbuka boleh dijalankan. Pembangkang-pembangkang, pengkritik-pengkritik boleh bercakap dan bersuara lebih lantang dan bebas dan terbuka kepada umum tidak ada pujuk rayu, paksa memaksa, ugut-mengugut, tekan-menekan dan sebagainya dalam mana-mana pilihanraya sekalipun.

Tuan Zubir bin Embung: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun di belakang.

Tuan Zubir bin Embung: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Dia orang lama dalam politik, apakah dia faham erti demokrasi yang disebutnya itu undang-undang demokrasi. Seolah-olah apa yang dikatakannya tadi seperti suatu kebebasan mutlak dalam negara kita. Dan tidakkah kebebasan mutlak ini sebenarnya tidak wujud. Ia merupakan satu impian semata-mata. Sebagai seorang yang sudah lama berkecimpung dalam politik, apakah Yang Berhormat tidak boleh bercakap mengikut realiti yang ada di negara kita. Suara yang seperti ini memang bukan dia seorang sahaja daripada PAS dengan perbahaasan seperti itu bahkan pemimpin-pemimpin lain pun sememang seperti itu juga. Jadi, saya hendak tanya apakah dia faham erti demokrasi yang dia cakap sekarang ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tahu saya tidak faham, dan dia yakin dia faham, dia tidak tanya. Sebab demokrasi tidak berlaku sepenuhnya di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tak usah tanyalah pertanyaan macam itu dia kata tak faham. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nanti, beri saya berucap dulu, insya Allah akan terjawab.

Tuan Yang di-Pertua, segala kemudahan dan kelengkapan negara tidak diguna dengan sewenang-wenang oleh pemehntah. Itulah tanda tidak demokrasi. Tetapi apa yang terjadi sebenarnya bila berlaku satu-satu pilihanraya sama ada kecil mahupun besar seperti di Teluk Pasu kelmarin, amatlah mendukacitakan kalau segala pujuk rayu, paksa memaksa, tekan-menekan, ugut-mengugut dan sebagainya lebih daripada berlaku sehingga Menteri-menteri dan Timbalan Perdana Menteri sendiri sampai tidak balik-balik ke rumah. (*Ketawa*) Terpaksa menjadi peraih-peraih basikal dan kontraktor tanah merah di merata-rata jalan dalam kawasan pilihanraya Teluk Pasu. Tetapi Alhamdulillah, rakyat hari ini mulai sedar, projek kurang laku dan kurang laris sehingga calon BN tumbang tersungkur dan kecundang dan taukeh-taukeh tanah merah serta peraih-peraih basikal pun pergi tidak tahu ke mana. Apakah Timbalan Menteri hendak berniaga dan berjaja dalam pilihanraya kecil di Johor dan di Pahang akan datang ini, wallahuaalam. Kita tunggulah sehingga sampai masanya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kami tunggu-tunggu bagi pihak pembangkang selama ini setelah sekian lama dan sekian ramai manusia-manusia yang tidak berdosa menjadi mangsa kepada Kerajaan melalui Akta ISA dan apa yang diharap-harapkan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini Akta atau Rang Undang-undang Darurat, bukan Rang Undang-undang ISA.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kami tunggu-tunggu, bagi pihak Pembangkang selama ini setelah sekian lama dan sekian ramai manusia-manusia yang tidak berdosa jadi mangsa kepada Kerajaan dan apa-apa yang diharap oleh rakyat untuk melihat demokrasi di Malaysia ini berjalan dengan baik dan sihat ialah pemansuhan akta-akta seperti Akta ISA yang diluluskan semalam ataupun Akta yang sedang kita bahas pada petang ini sendiri dan kesanggupan Kerajaan membuktikan keadilan di Malaysia serta demokrasi benar-benar berjalan mengikut undang-undang. Tetapi malang, bukan itu yang berlaku. Bukan setakat itu sahaja diamalkan bahkan kuasa hakim pun dirampas dan kejujuran hakim dipertikai dengan jelas hari ini.

Sayang, Tuan Yang di-Pertua, jauh panggang dari api! Kalau Kerajaan merasa begitu tersepit hari ini, dan ajal hampir tiba, maka inilah cara yang harus diguna kerana pindaan-pindaan yang disebut "mengancam keselamatan" adalah semata-mata bohong dan dongeng politik UMNO kerana negara tidak pernah terancam dan tidak ada yang berani mengancam setelah komunis pupus diburu oleh pasukan keselamatan kita. Tetapi yang sebenarnya, diselindungi oleh pemimpin-pemimpin UMNO ialah keselamatan UMNO sendiri. UMNO (Baru) terancam. UMNO (Baru) menunggu maut; dan inilah caranya Kerajaan menggunakan gincu demokrasi untuk melindungi bibir diktator yang sedang berjalan. Semoga kuasanya kekal dan tembelangnya tidak terbongkar sehingga berlaku "Operasi Lalang" menyebabkan 106 orang menjadi mangsa kuku besi Kerajaan. Kelemahan Kerajaan tidak ada ubat hari ini kalau tidak dibantu oleh Akta-akta khususnya Akta yang sedang kita bahas ataupun Akta yang sudah diluluskan, iaitu Akta ISA yang mengganas sepanjang masa sejak ia

hidup dipelihara oleh Kerajaan dan akan lebih ganas lagi apabila pindaan ini diluluskan sekejap lagi.

Kerajaan akan melihat siapa musuh politik yang merbahaya dan mengancam kedudukan partinya. Jika didapati maka orang itu jangan dibiarkan mesti diambil tindakan, tangkap dan menahannya sebagaimana berlaku ke atas diri saya sendiri pada tahun 50an dan 70an.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan sekejap apa yang berlaku ke atas diri saya untuk membuktikan bahawa demokrasi memang tidak berjalan sebagaimana kehendak atau sebagaimana disoal oleh orang yang menganggap dirinya "faham" sekejap tadi.

Saya dulu, saya percaya oleh kerana tindakan saya menyebabkan kedudukan UMNO tergugat maka tidak ada jalan lain melainkan diseret saya melalui Akta ISA dengan tuduhan isu kafir-mengkafir. Dan apabila saya dibawa ke Batu Gajah memakan masa bulan dan tahun untuk membuktikan keadilan Kerajaan, maka dibicarakan dalam tempoh enam bulan sekali dengan menghantar Justice. Tetapi apabila kami berdepan dengan hakim yang mewakili Kerajaan dan dengan peguam kami maka hakim memberi jawapan dengan senyum sahaja. Kenapa? Kerana penahanan saya tidak terlibat dengan apa-apa undang-undang. Kalau saya ditangkap atas isu kafir-mengkafir, mengenai agama, maka Pejabat Agama dan Majlis Agama yang bertanggungjawab kerana agama terletak di bawah Raja ataupun di bawah Sultan dan Majlis Agama bertanggungjawab kerana kuasa telah diperturunkan. Dan kalau saya terlibat dengan undang-undang jenayah saya boleh dibawa. . . .

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat yang bangun. . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Biar saya habis ucapan dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Beri dia habis ucapannya dulu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nanti sekejap, bolehlah.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya hendak tanya sedikit sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh, panjang pun tidak apa! (*Ketawa*) Kalau saya terlibat dengan jenayah biasa saya boleh bawa ke mahkamah. Tetapi apabila berdepan dengan hakim, berdepan dengan lawyer tidak ada benda yang hakim hendak buat keputusan dan tidak ada hujah bagi lawyer saya hendak membela. Kerana buku undang-undang mengenai mahkamah Islam pun tidak ada, mengenai mahkamah umum pun tidak ada. Tetapi saya terpaksa ditahan juga.

Inilah demokrasi yang saya kata. Kalau saya kata mati, pihak Kerajaan tidak mengaku. Kalau saya hendak kata hidup sekejap tadi pun sudah mati, saya tidak dapat bercakap. Sila tanya.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, apakah beliau sedar bahawa Yang Berhormat berkenaan ditangkap atau ditahan sebagaimana disebut baru sekejap ini adalah di atas sebab kerana Yang Berhormat yang berkenaan adalah salah seorang pemimpin PAS pada waktu itu yang mengkafirkan orang-orang UMNO. Apakah beliau mengaku ataupun tidak tentang peranan beliau pada waktu itu mengkafirkan orang-orang UMNO.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sedarlah saya bercakap dan masa berlaku, Yang Berhormat ini di dalam sekolah lagi (*Ketawa*). Dia tidak tahu lagi, dia baru balik, baru dua hari dalam politik.

Tuan Hashim bin Shafin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun pula di belakang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Siapa lagi pula?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah,

Tuan Hashim bin Shafin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, saya pun lebih kecil dari Yang Berhormat dari Tumpat tetapi saya memahami masalah kafir mengkafir di Kelantan yang melibatkan keluarga dan anak beranak saya sendiri. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa perbuatan kafir mengkafir oleh pemimpin-pemimpin PAS pada masa itu termasuk Yang Berhormat sendiri menyebabkan beberapa keluarga berpecah belah, berkelahi, masuk hospital, berpukul-pukulan kerana perbuatan mulut Yang Berhormat pemimpin-pemimpin PAS atau Yang Berhormat sendiri dan tidakkah Yang Berhormat sedar ini merupakan punca kepada keganasan, pertengkaran, pembunuhan dan tidakkah Yang Berhormat secara tidak langsung orang yang menyebabkan terjejasnya keselamatan awam dan memang wajar Yang Berhormat ditahan.

Kedua, apakah setelah Yang Berhormat atau beberapa Yang Berhormat pemimpin lain ditahan, saya tidak mahu sebut, kembali memasuki UMNO timbul, terbatal isu kafir mengkafir. Dan setelah PAS masuk Barisan Nasional, tiada kafir

mengkafir. Keluar Barisan Nasional—kafir mengkafir. Apakah ini demokrasi ataupun perkara yang sedang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu selari. Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua,

sebenarnya Ahli Yang Berhormat ini kalau dia orang yang menggunakan fahaman, sudah acap kali saya jawab dalam Dewan ini, dan saya jawab pun untuk beliau. Saya sendiri ataupun pemimpin-pemimpin PAS tidak pernah mengkafirkan sesiapa sejak dahulu sampai hari ini. (*Sorak*) Kita bertanggungjawab dalam perjuangan politik Islam yang kita pegang kaedah. Kita ini ditugas untuk menyeru dan mengajak, kita bukan Hakim, bukan Kadi untuk menghukum sesiapa. Tinggal lagi tanggungjawab kita orang Islam yang menjadi sempurna hidup ialah kerana betul akidah, betul pegangan, betul keyakinan. Untuk menjaga keyakinan dan menjaga pegangan itulah, kita orang yang faham kerana bertanggungjawab dengan dasar pendidikan Islam, kita mendedah kepada setiap orang Islam supaya jaga kata-kata, jaga tindakan, jaga perbuatan supaya jangan melencong, jangan lari sebab apabila silap, orang itu akan jadi rosak Islam, bukan orang PAS, bukan orang UMNO, siapa sahaja orang Islam bila rosak akidah dia mesti rosak.

Dato' Alias bin Md. Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hulu Terengganu bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya jawab tidak habis lagi.

Tuan Hashim bin Shafin: Tidak apa, saya hendak jelas sedikit.

Dato' Alias bin Md. Ali: Untuk penerangan bersama.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak habis lagi jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Tak habis lagi, ya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya boleh beri peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah, bangun.

Tuan Hashim bin Shafin: Tanah Merah minta sambung sedikit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nanti saya jawab dahulu.

Tuan Hashim bin Shafin: Boleh beri selepas ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya terpaksa melahirkan kasih sayang terutama sekali seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah kerana dia tengah muda dia berlagak melebihi, dia tidak sedar di mana dia berdiri. Saya sebagai orang tua saya mesti kena mengingat lebih-lebih lagi dasar saya dasar Islam bertanggungjawab memberi penjelasan yang cukup. Orang yang timbul isu katir mengkatir pada masa itu yang menyebabkan berlaku tindakan ini ialah almarhum Tuan Guru Haji Omar. Tidak pernah orang PAS kafir mengkafir sampai hari ini. Sebab itulah kita berani sanggup menerima tawaran Kerajaan untuk berdebat satu hari itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Yang Berhormat dari Hulu Terengganu bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Silalah, sudah lama sangat.

Dato' Alias bin Md. Ali: Berkait dengan soal kafir mengkatir ini adakah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sedar bahawa seorang

pemimpin tertinggi PAS negeri Terengganu pernah bersyarah dan syarahannya ada dalam tape yang kami simpan. Beliau mengatakan seseorang itu tidak semestinya masuk Yahudi untuk menjadi Yahudi, tidak semestinya masuk Kristian untuk menjadi Kristian, seseorang itu tidak perlu masuk kafir untuk menjadi kafir. Seseorang itu boleh menjadi kafir apabila seseorang itu mengatakan politik suku agama suku.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu memang benar dan saya pun mengaku hari ini, benar. Siapa mengatakan politik suku agama suku orang itu akan rosak Islamnya. Yang Berhormat dari Hulu Terengganu boleh faham atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Hulu Terengganu bangun.

Tuan Haji Nik Abdulah bin Haji Arshad: Siapa orang Islam yang mengata politik suku agama suku dengan sendiri imannya rosak. Tetapi orang UMNO dia pandai telur, tetapi dia tidak tahu isi dalam. Telor ini yang tembelang dan yang tidak tembelang sama sahaja. Kalau hendak tahu tembelang atau tidak tembelang

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Untuk penjelasan?

Dato' K. Pathmanaban: "Telor" tu apa Yang Berhormat? (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Ketawa*) Orang Malaysia tidak tahu telur? Anak tahu? Telor tahu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, persoalan Islam dan agama suku politik suku bukanlah merupakan

suatu perkara baru. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, dalam tahun 1922 seorang ahli fikir daripada Mesir, Sheikh Ali Abdul Radzik menulis sebuah buku bertajuk "Al Islam"

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tanya soalan mengenai yang ini.

Tuan Zubir bin Embong: Ya, ini berkenaan dengan soal politik suku agama suku.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat.

Tuan Zubir bin Embong: Ya. Dia menulis sebuah buku yang bertajuk "Al-Islam Walusul Hukmi". Dalam buku itu ada menyatakan bahawa tidak ada pertemuan di antara agama dan juga politik. Pihak PAS telah menggunakan hujah mengatakan bahawa Ali Abdul Radzik ini telah dihukum kafir. Tetapi mengikut yang saya baca, dia tidak pernah pun dihukum kafir oleh ulama Al-Azhar. Sokongan yang dibuat oleh Ali Abdul Radzik berdasarkan kepada sistem khalifah yang ada di Turkey pada masa itu. Apakah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini lebih ulama daripada ulama Al-Azhar pada waktu itu? Kerana ulama Al-Azhar pun tidak menghukum kafir kepada Ali Abdul Radzik.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, masalah Islam, masalah hukum, saya tidak mengaku kebijaksanaan saya dan saya tidak pernah menghurai kebolehan orang lain. Tetapi setiap orang yang belajar, orang yang faham, dia ada fahaman bersendirinya. Apa yang dia faham, itulah menjadi pegangannya. Sebab itu kita tidak menyentuh sesiapa pun, kita memperkatakan dasar kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah orang Islam, kalau dengan Islam dia tetapi dia meletakkan politik suku dengan agama suku mengikut fahaman saya, fahaman parti PAS dia tidak sanggup berdepan dengan sesiapa, tetap imannya rosak dan terpaksa kita kena katakan kepada orang Islam supaya jangan terlibat.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Atas masalah agama suku politik suku jadi kafir, bolehkah Yang Berhormat terangkan ayat mana dalam Al-Quran dan Hadis mana yang menunjukkan bahawa sesiapa yang mengatakan agama suku politik suku boleh menjadi kafir.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Baru hendak belajarkah, Tuan Yang di-Pertua? Kalau hendak belajar, lebih baik tanya Ustaz UMNO. Tanya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Ini adalah soal yang serius, soal yang menyentuh akidah semua orang Islam. Ahli dari Pengkalan Chepa sebagai seorang ulamak patut menjelaskan di mana ayat Al-Quran, di mana hadis yang mengatakan agama suku, politik suku, seseorang itu boleh menjadi kafir. Ini menyentuh akidah umat Islam, satu perkara yang serius. Soal belajar, tidak belajar tidak timbul.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beri penjelasan, saya suka bertanya Yang Berhormat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak usah bersoal jawab. Sila jawab, jika tidak mahu jawab pun tidak apa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua. Untuk memberi jawapan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh fahamkah kalau saya baca satii ayat.

Wahuallazi fissanmaila wafir ardiila.

Apa erti ayat itu dan apa hubung kait dengan politik suku agama suku.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat ada hendak beri usul apa?

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

AKTA KAWALAN SEWA 1966— SEMAKAN

6.34 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, pada beberapa tahun yang lalu pihak Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengadakan satu kajian ataupun semakan tentang Akta Kawalan Sewa Tahun 1966. Dan pada Mac tahun 1987, saya pernah membangkitkan perkara ini dalam Dewan Rakyat dan saya diberitahu bahawa pihak Kerajaan pun telah menyiapkan kajian dan ingin membentangkan satu laporan berkenaan dengan kajian yang berkenaan tetapi sehingga hari ini kita tidak diberitahu langsung mengenai laporan mengenai semakan Akta Kawalan Sewa Tahun 1966.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Sewa Tahun 1966 sudah pasti ketinggalan zaman dan satu keputusan

telah dibuat oleh Kerajaan selepas perundingan dengan badan-badan yang berminat sama ada ia akan dihapuskan atau dipinda. Pada pandangan kami, Akta ini patutlah dibatalkan dan diganti dengan satu undang-undang baru yang komprehensif yang digubal oleh Parlimen selaras dengan satu Akta Penyewaan yang mana hak kedua-dua pihak tuannya dan para penyewa boleh dilindungi secara berkesan. Satu Akta Penyewaan ataupun satu Tenancy Act, dengan izin, yang hendak digubal oleh Parlimen patut memasukkan peruntukan-peruntukan berikut:

Yang pertama, menyediakan jaminan penyewaan kepada penyewa-penyewa bergantung ke atas pelbagai kategori penyewaan seperti penyewaan rumah, bangunan, yang digunakan bagi maksud penyewaan perdagangan atau perniagaan, ladang dan pertanian.

Yang kedua, menetapkan kriteria-kriteria jelas bagi memastikan penyewaan rumah-rumah, bangunan dan tanah.

Yang ketiga, menetapkan syarat-syarat dan jenis prosedur yang jelas tentang penamatan penyewaan dan prosedur rayuan sekiranya seseorang penyewa merasa bahawa penyewaannya ditamatkan secara tidak betul.

Yang keempat, menetapkan satu peruntukan yang jelas iaitu tuannya tidak boleh mengusir secara kekerasan seseorang penyewa tanpa perintah mahkamah sekiranya terdapat satu pertikaian yang serius antara kedua belah pihak dengan penyewa yang enggan berpindah keluar dengan secara sukarela.

Lebih kurang 7 juta orang penduduk dalam negara kita adalah terdiri daripada penyewa-penyewa dan adalah penting bahawa kepentingan mereka mesti diperindungi dengan

baik menerusi satu undang-undang yang komprehensif dan baru yang juga akan menggariskan hak-hak tuannya.

Sekian, terima kasih.

6.38 *ptg.*

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Sewa 1966, Akta 363, Edisi 1988 sedang dikaji semula peruntukannya berdasarkan keputusan Kabinet bahawa Akta tersebut dikaji semula ke arah kemungkinan untuk memansuhkannya.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan bahawa bangunan-bangunan usang dan lapuk diperbaiki keadaannya dengan cara menggalakkan pembangunan semula di bandar-bandar negara ini. Masalah yang akan dihadapi oleh penduduk-penduduk bangunan-bangunan terlibat jika diperlukan pindah adalah disedari dan diambil berat oleh Kerajaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menimbang cara-cara yang sesuai agar masalah-masalah terlibat akan dapat diatasi demi kepentingan semua pihak yang berkenaan.

KAMPUNG BARU BUKIT MERAH/LAHAT—MASALAH TANAH JERLUS

6.39 *ptg.*

Tuan Ting Chek Ming (Batu Gajah): Sejak tahun 1972, tanah jerlus sering dilaporkan berlaku di Kampung Baru Bukit Merah, Kampong Baru Lahat atau kawasan Gopeng, Lahat.

Baru-baru ini, tanah jerlus berlaku lagi di Kampung Baru Bukit Merah, Kampung Baru Lahat di Jalan Besar, Ipoh. Peristiwa tanah jerlus ini

menakutkan penghuni-penghuni di kawasan tersebut yang kebanyakannya adalah kumpulan pendapatan rendah. Mereka takut tanah di atas yang mereka duduki itu akan tiba-tiba terbuka dan terus menelan mereka. Ketakutan mereka apakah tidak ada justifikasinya.

Di awal bulan April, adalah berlaku peristiwa di mana seorang lelaki ditelan oleh tanah jerlus yang berukuran 2 meter dalamnya apabila lantai di dalam rumahnya tiba-tiba terbuka dan runtuh. Nasib baik pada masa itu jiran tetangganya dapat menyelamatkan beliau. Pada lubang akibat tanah jerlus yang sangat dalam agaknya 40 lori pasir dan batu pun tidak dapat menampung lubang ini. Sebarang benda di atas tanah akan ditelan jika tanah jerlus berlaku.

Jabatan Galian Negeri Perak dan Geological Survey Department hanya memberi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "perfunctory response" sahaja; iaitu bergerak apabila tanah jerlus berlaku. Laporan yang diberi oleh Geological Survey Department pada tahun 1981 nampaknya telah dilupakan oleh Kerajaan. Kerajaan tidak begitu berminat untuk mengatasi masalah ini. Ia hanya memperuntukkan 10 hektar tanah di Taman Badrishah dan lagi 10 hektar tanah di Lahat pada bulan Jun tahun ini sebagai tapak rumah untuk pemindahan penduduk-penduduk kampung-kampung yang terlibat tanpa pampasan wang tunai. Pemberian tanah bersyarat iaitu semua penduduk di kampung-kampung ini dan banyak telah dipolitisasikan dan dipermainkan oleh MCA.

Saya kesal MCA memainkan penduduk-penduduk yang tidak bernasib baik dengan mempolitikasikan kecelakaan ini di mana harta-benda dan nyawa penduduk-penduduk terancam. Penduduk-penduduk yang terlibat di

kampung-kampung yang tersebut ini adalah golongan berpendapatan rendah. Mereka tidak berupaya dari segi kewangan membina dan membeli rumah baru. Oleh sebab ini kebanyakan mangsa kecuali beberapa mangsa yang lain terpaksa bermastautin di atas tanah yang merbahaya ini. Mereka memerlukan pampasan wang tunai selain daripada pampasan tapak rumah. Keengganan Kerajaan memampaskan mangsa-mangsa ini dengan wang tunai yang mengakibatkan penduduk-penduduk terus menduduki kawasan yang merbahaya ini. Pihak DAP menggesa Kerajaan memberi pampasan wang tunai selain daripada tanah tapak rumah kepada mangsa-mangsa ini oleh kerana penduduk-penduduk ini ada di "settled", dengan izin, oleh Kerajaan di kawasan ini pada masa dahulu. Kerajaan ada satu kewajipan moral terhadap mereka, apatah lagi dari segi peri kemanusiaan. Kerajaan adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan rakyat jelata.

Tuan Speaker, penduduk-penduduk di kampung-kampung ini percaya tanah jertus di kampung-kampung mereka adalah akibat kegiatan-kegiatan perlombongan oleh New Lahat Tin Mines Sdn Berhad yang terletak di pinggir Kampung Baru Bukit Merah. Mereka mahukan kegiatan-kegiatan perlombongan syarikat tersebut diberhentikan. Kerajaan tidak mampu berbuat sedemikian. Adakah kemungkinannya bahawa salah seorang pemegang saham Syarikat New Lahat Tin Mines Sdn Berhad adalah saudara Perdana Menteri.

Tuan Speaker, saya merujuk Dewan ini kepada perenggan-perenggan dalam mukasurat 5,6, 9,15, 28,29, 30, 31 dan 32 yang telah dilaporkan dalam Penyiasatan Kajibumi tahun 1982 dan dalam laporan ini adalah menunjukkan kegiatan-kegiatan perlombongan oleh New Lahat Tin Mines Sdn Berhad telah

mengakibatkan tanah jertus di kedua-dua kampung. Akhirnya penduduk-penduduk ingin bertanya mengapa pihak Kerajaan telah gagal mengambil tindakan atas Laporan Penyiasatan Kajibumi tahun 1982.

Tuan Speaker, saya minta izin membaca satu perenggan di mukasurat 31:

"Evidences from the observation of water levels have indicated that some of the New Lahat Mines have depressed the water table at the southern edge of Bukit Merah New Village. A decrease in the development of the sink holes is anticipated if the water level is allowed to recover over a period of time".

Dan di mukasurat 32 adalah dinyatakan:

"Since there are indication to suggest that the development of sink holes within the danger zone is still active, it is strongly recommended that the affected area be evacuated immediately. The inhabitants should be allowed to return only after the ground has stabilised over a sufficiently long period of time when no more sink holes occur. Alternatively, a long term solution is to resettle the inhabitants to another housing site and keep the danger zone out of bound to the public".

Tetapi sampai masa ini pihak Kerajaan masih tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menyelamatkan nyawa penduduk-penduduk di kedua-dua kampung baru. Sekian, terima kasih.

6.44 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, kejadian pertama lubang benam atau, sink holes, dengan izin, telah berlaku di Kampung Baru Bukit Merah pada 3 Disember, 1981

dan sehingga akhir bulan April 1982 sebanyak 12 kejadian lubang benam telah berlaku yang mengakibatkan beberapa buah rumah telah mengalami keretakan. Luas kawasan yang terlibat adalah kira-kira 4 hektar yang dialami oleh kira-kira 150 keluarga.

Terdapat di situ sebuah lombong dedah yang menjalankan operasi bersebelahan dengan kampung baru tersebut dan akibat daripada desakan orang ramai, maka kegiatan perlombongan di kawasan tersebut telah dihentikan untuk membolehkan Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan Jabatan Galian menjalankan kajian di kawasan tersebut. Hasil daripada siasatan itu menunjukkan bahawa tindakan itu adalah tidak perlu memandangkan tiada perkaitan yang jelas antara kegiatan perlombongan dengan kejadian lubang benam tersebut. Sebaliknya syarikat perlombongan yang berkenaan telah diarahkan menstabilkan tanah yang bersebelahan dengan kampung baru tersebut dan dilarang daripada mengorek lebih dalam daripada 55m ataupun menghampiran kampung tersebut.

Sejak kajian 1982 lagi, pihak Kerajaan Negeri Perak telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menjalankan kajian-kajian bagi mengetahui sebab-sebab pembentukan lubang benam dan juga menyasat masalah ketidakstabilan cerun yang berkaitan; serta menentukan zon berbahaya di kawasan yang terlibat.

Hasil kajian tersebut telah pun dimuatkan di dalam Laporan Kajibumi No. E(F)5/1982. Pihak Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang bermesyuarat pada 14 April, 1982 bagi mengkaji perkara tersebut. Keputusan yang dibuat adalah seperti berikut:

- (i) Kesemua keluarga yang tinggal di dalam kawasan 4 hektar yang terlibat hendaklah berpindah

serta-merta. Bantuan kewangan serta tempat tinggal sementara akan diberikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat juga difahamkan turut menghulurkan bantuan.

- (ii) Di dalam jangka masa yang panjang, satu projek perumahan kos rendah akan dilancarkan untuk menempatkan semula penduduk di dalam kawasan 12 hektar kampung bam tersebut ke kawasan yang berhampiran.

Projek tersebut di atas telah dijalankan oleh pihak syarikat perlombongan berkenaan yang juga membayar pampasan yang sewajarnya kepada keluarga-keluarga yang terlibat. Sebagai gantinya, syarikat berkenaan akan diberikan pajakan perlombongan ke atas kawasan 12 hektar tersebut. Hal ini adalah selari dengan persefahaman yang dicapai antara Kerajaan Negeri dengan syarikat berkenaan dalam tahun 1953 apabila tanah berkenaan telah diambil balik daripada pajakan syarikat tersebut untuk dijadikan tapak kampung baru semasa darurat dahulu.

Perpindahan segera keluarga yang terlibat tidak dapat dijalankan apabila mereka enggan berpindah. Beberapa keluarga yang pada mulanya berpindah telah pun kembali ke rumah masing-masing. Lubang benam tersebut telah diisi semula dan kejadian lubang benam seterusnya, walaupun berlaku, tidak dilaporkan.

Mengenai projek perumahan pula, ianya telah dilaksanakan oleh syarikat yang berkenaan serta dibuka kepada orang ramai yang membelinya.

Manakala bagi kejadian lubang benam yang terbaharu pula, pihak Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya satu kajian yang lebih menyeluruh dan merangkumi kawasan yang lebih luas dijalankan. Kerajaan Negeri juga difahamkan telah pun

menawarkan tapak kediaman yang lain untuk membolehkan penduduk yang terlibat berpindah demi keselamatan mereka. Namun begitu cuma 2 keluarga sahaja yang sanggup berpindah.

Adalah difahamkan bahawa luas kawasan yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk tujuan di atas adalah 10 hektar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada usul iaitu Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.